



LAPORAN TAHUNAN 2014

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Isi Kandungan

LATAR BELAKANG ORGANISASI

- 02 ISI KANDUNGAN
- 04 PERUTUSAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR
- 06 LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR
- 08 PENGURUSAN TERTINGGI
- 09 CARTA ORGANISASI DBKL
- 10 VISI, MISI, OBJEKTIF
- 11 PENGARAH-PENGARAH JABATAN
- 16 JABATAN AUDIT DALAM
- 25 JABATAN PERANCANGAN KORPORAT
- 34 PEJABAT CAWANGAN

SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI

- 56 JABATAN PELESENAN DAN PENGURUSAN PENJAJA
- 63 JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI
- 72 JABATAN PENGUATKUASAAN
- 85 JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN SUKAN
- 91 JABATAN KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR

SEKTOR PENGURUSAN

- 104 JABATAN PENGURUSAN MAKLUMAT
- 109 JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
- 141 JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
- 165 UNIT PENGURUSAN HARTANAH KORPORAT
- 182 JABATAN KEWANGAN
- 188 JABATAN PENTADBIRAN

SEKTOR PERANCANGAN

- 200 JABATAN PERANCANGAN BANDAR
- 211 JABATAN REKABENTUK BANDAR DAN BANGUNAN
- 219 JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR (JPIF)
- 230 JABATAN PERANCANGAN FIZIKAL
- 242 JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN PENYELARASAN PEMBANGUNAN

SEKTOR PELAKSANAAN PROJEK & PENYELENGGARAAN

- 256 JABATAN KEJURUTERAAN AWAM DAN SALIRAN
- 274 JABATAN PELAKSANAAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN
- 288 JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR
- 297 JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
- 300 JABATAN UKUR BAHAN
- 302 JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI

PERUTUSAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam 1Malaysia

Saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas izin dan kurniaNya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2014. Laporan ini mengandungi data dan maklumat pencapaian serta aktiviti DBKL sepanjang tahun 2014 yang boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pelbagai pihak terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Saya amat berbangga kerana sepanjang tahun 2014, DBKL telah melaksanakan fungsi dan peranannya dengan cemerlang. Namun yang demikian, DBKL akan terus berusaha untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan dan kualiti kemudahan yang diberikan kepada warga kota.

Sepanjang 2014, DBKL telah menempa pelbagai kejayaan dan pengiktirafan. Kumpulan Strikers dengan tajuk projek 'Kesukaran Memastikan Peniaga Yang Sah di Bazar Ramadhan' daripada Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja berjaya menggondol Anugerah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Peringkat Kebangsaan bagi kategori Pengurusan sempena Konvensyen KIK Kebangsaan.

Di peringkat antarabangsa pula, Kumpulan Sihat XV dari Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar dengan tajuk projek 'Tahap Indeks Jisim Badan (BMI) Tinggi di Kalangan Warga Kerja' berjaya merangkul *Gold Award* sempena *International Conference on Quality* di Tokyo, Jepun.

Adalah lebih membanggakan apabila, DBKL mendapat pengiktirafan dalam membantu meningkatkan *ranking* Bank Dunia dibawah indikator *Dealing with Construction Permits*, iaitu daripada tangga ke-43 ke tangga 28 di kalangan 128 negara.

Kejayaan yang dikecapi oleh DBKL ini merupakan hasil usaha, komitmen dan kesungguhan warga DBKL yang sentiasa ingin memastikan DBKL menjadi organisasi yang unggul dan cemerlang. Syabas diucapkan !

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga DBKL atas usaha gigih dan komitmen yang jitu dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Marilah kita sentiasa mengamalkan **tadbir urus yang baik** dan **berkesan** berlandaskan empat prinsip iaitu **INTEGRITI, AKAUNTABILITI, PENGAMANAHAN & PENGAWASAN** dan **TELUS**. Saya yakin DBKL akan terus kekal relevan dan berwibawa dari segi fungsi dan peranannya.

Saya berdoa semoga segala usaha yang dilakukan oleh warga DBKL akan diberkati dan dipermudahkan oleh Allah SWT, In Sha Allah.


“Kuala Lumpur : Our City, Our Responsibility, Our Dignity “



DATUK SERI HJ. AHMAD PHESAL BIN HJ. TALIB

Datuk Bandar Kuala Lumpur





AHLI LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR LANTIKAN 2013



**YBHG. DATUK SERI MICHAEL
K.C. YAM**



**YB SENATOR DATUK HAJI
YAHAYA MAT GHANI @ ABBAS**



**YBHG. DATO' MOHD JAMAL
MAHUSSIN**



AHLI LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR

LANTIKAN 2014 - 2015



1. YBHG. TAN SRI DATO' SRI AR. HAJI ESA HAJI MOHAMED

2. YBHG. DATUK MUSTAPA KAMAL MOHD YUSOFF

3. YBRS. PUAN SITI FATIMAH DAUD

4. YBRS. ENCIK GUNASELAN A/L PALANISAMY

5. YBHG. DATUK RIZALMAN DATO' MOKHTAR

6. YAD DATO' SETIA DIRAJA DATO' ABDUL GHANI HAJI PATEH AKHIR

7. YBRS. DR. KAMARIAH NORUDDIN

8. YBRS. PUAN A. SAMALAH A/P A. ARUMUGAN

9. YBHG. DATO' HJ MOHD SANI MISTAM

10. YBHG. DATUK SERI FATEH ISKANDAR BIN TAN SRI DATO' MOHAMED MANSOR

11. YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN BIN MOHD RAFIQUE

12. YBRS. ENCIK AHMAD FAISAL BIN ABDUL KARIM

13. YBRS. ENCIK LAU HOI KEONG

14. YBRS. ENCIK NG HOW DOO



PENGURUSAN TERTINGGI

BANDARAYA KUALA LUMPUR



**DATUK SERI HJ. AHMAD PHEBAL
BIN HJ. TALIB**
Datuk Bandar Kuala Lumpur



DATUK HJ MHD AMIN NORDIN BIN ABD AZIZ
Ketua Pengarah



DATUK NORMAH BINTI MALIK
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)



DATUK ZULKIFLI BIN IBRAHIM
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Sosio-Ekonomi)



**DATUK HAJI MAHADI BIN
C. NGAH**
Timbalan Ketua Pengarah
(Perancangan)



**DATUK HJ MOHD NAJIB
BIN MOHD**
Timbalan Ketua Pengarah
(Pelaksanaan Projek
& Penyelenggaraan)

CARTA ORGANISASI, DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR




DATUK BANDAR
TURUS III
LEMBAGA PENASIHAT

DATUK SERI HAJI AHMAD PHEBAL BIN HAJI TALIB


JABATAN PERANCANGAN KORPORAT
PEGAWAITADBER I54
DR. ISMAIL BIN STAPA

JABATAN AUDIT DALAM
AKAUNTAN W48
ZAINAB BINTI HAMZAH

JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENDAKWAAN
PUU UTAMA C
ROHAYAH BINTI KARIM



PEJABAT CAWANGAN:





LATAR BELAKANG

Daripada sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah menjadi Ibu Kota Negara dan sebuah bandar yang terbesar di Malaysia. Bandar raya Kuala Lumpur kini menjadi begitu penting dan menjalankan peranan dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, kewangan, pentadbiran, pendidikan, agama, kebudayaan dan sukan.

Hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur pada mulanya ditadbir oleh satu perbadanan tunggal (*sole corporation*) sejak 1 April 1961 yang diketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Kota yang kemudiannya diubah kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur apabila Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya pada 1 Februari 1972. Kuala Lumpur telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974.

VISI

Merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dengan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan terunggul yang dapat memenuhi citarasa warga kota.

MISI

Untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan ibu kota Kuala Lumpur menerusi program pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan dan perkhidmatan perbandaran secara terancang dan terselaras berteraskan kepada tadbir urus yang cemerlang.

OBJEKTIF

Memastikan dan mempercepatkan pelaksanaan pencapaian status bandar raya bertaraf dunia yang unggul dan cemerlang.



PENGARAH-PENGARAH JABATAN PEJABAT DI BAWAH DATUK BANDAR



ROHAYAH BINTI KARIM

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan




DR. ISMAIL BIN STAPA

Jabatan Perancangan Korporat



ZAINAB BINTI HAMZAH

Jabatan Audit Dalam



SEKTOR PERANCANGAN



NUR AZIZI BIN MOKHTAR
Jabatan Perancangan Fizikal



HAJI SAHROM BIN UJANG
Jabatan Perancangan Bandar



WAN SENG
Jabatan Perancangan Infrastruktur



HAJI MOHD SALEH BIN KOS
Jabatan Rekabentuk Bandar & Bangunan



DATO' SYED AFFENDY ALI BIN SYED ABID ALI
Jabatan Perancangan Ekonomi & Penyelarasan Pembangunan

SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI



ROLAN BIN ABDUL RAHMAN
Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja



MOHD SAUFFI BIN MOHAMAD
Jabatan Keselamatan & Penguatkuasaan



DR. HAYATI BINTI ABDULLAH
Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar



HJ. WAN MOHAMMAD GHAZALI BIN NOR
Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti



TUAN IDZAWI BIN RAJA ISMAIL
Jabatan Kebudayaan, Kesenian & Sukan

SEKTOR PENGURUSAN



ABDUL SAMAD BIN LOPE PIHIE
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

OMAR BIN ABAS
Jabatan Kewangan



KAMARIAH BINTI IBRAHIM
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

ZAINOL ABIDIN BIN AHMAD
Jabatan Pentadbiran



JAAFAR BIN ABD RAHMAN
Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi

NORAZA BINTI YUSOF
Unit Pelancongan



ROSIDAH BINTI ISMAIL
Perpustakaan Kuala Lumpur



SEKTOR PELAKSANAAN PROJEK & PENYENGGARAAN



IR. TAN KENG CHOK

Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran

IR. DR. LEONG SIEW MUN

Jabatan Pengangkutan Bandar



HAJI JAAFAR BIN SAHARI

Jabatan Pelaksanaan Projek & Penyelenggaraan Bangunan

M. ASHAARI BIN OTHMAN

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal



MUSTAFA BIN MOHD NOR

Jabatan Landskap & Rekreasi

MOHD SAHAK BIN SURIP

Jabatan Ukur Bahan



JABATAN AUDIT DALAM

Jabatan Audit Dalam (JAD) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diwujudkan dengan rasminya mulai 1 Julai 2011. Jabatan ini diterajui oleh Pengarah Gred W48 dengan kekuatan seramai 30 orang pegawai dan kakitangan. Pengarah Jabatan Audit Dalam melapor terus kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur.

1.0. FUNGSI

- 1.1. Menentukan samada operasi kewangan diuruskan dengan teratur dan mematuhi dasar-dasar, undang-undang serta peraturan-peraturan yang ditetapkan;
- 1.2. Menentukan kekukuhan, kesempurnaan dan kebolehpercayaan rekod-rekod kewangan, perakaunan dan sistem kawalan dalaman organisasi;
- 1.3. Menilai secara teratur dan sistematik operasi organisasi dari segi kesempurnaan, kemampuan, kecekapan dan keberkesanan;
- 1.4. Mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaiki pengurusan kewangan, pengurusan projek, pengurusan ICT, pengurusan stor dan sumber-sumber lain demi meningkatkan integriti dan akauntabiliti;
- 1.5. Mengemukakan laporan-laporan bebas dan berkecuali kepada Datuk Bandar mengenai operasi organisasi supaya keputusan yang tepat dapat dibuat.

2.0. PERANAN JAD

- 2.1. Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Audit Dalam membantu DBKL mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dengan menilai dan menentukan keberkesanan kawalan ke arah proses tadbir urus yang baik;
- 2.2. Audit Dalam berperanan memberi khidmat perundingan dan nasihat kepada DBKL secara profesional terhadap kesempurnaan, kebolehpercayaan serta keberkesanan sistem kawalan dalaman untuk memastikan peraturan dan prosedur yang bersesuaian adalah mencukupi;
- 2.3. Audit Dalam melaksanakan peranan sebagai urusetia bagi Jawatankuasa Audit sesebuah organisasi dan juga sebagai ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa yang dibenarkan di bawah pekeliling / peraturan yang ditetapkan; dan
- 2.4. Audit Dalam juga berperanan menjalankan siasatan yang diarahkan oleh Datuk Bandar berkaitan aduan / siasatan khas.



3.0. RANCANGAN AUDIT TAHUNAN (RAT)


Berikut adalah Gerak Kerja Audit yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2014 mengikut Bahagian masing-masing.

BIL.	TAJUK	BAHAGIAN	AUDITI
1.	Pengurusan Dewan Serbaguna Dan Pusat Komuniti.	Audit Pengurusan Kewangan, Pematuhan Dan Siasatan (Pn. Maziatun Alimon)	Jabatan Pengurusan Perumahan Dan Pembangunan Komuniti
2.	Pengauditan Penerimaan Jalan Baharu	Audit Perkhidmatan Bandar (En. Saffrizan Bin Yusof)	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran
3.	Pengauditan Pengurusan Taman Utama Sekitar Kuala Lumpur	Audit Perancangan dan Pembangunan (Pn. Marlina Bt Mahat)	Jabatan Landskap Dan Rekreasi
4.	Pengauditan Pengurusan Unit Pelancongan, DBKL.		Unit Pelancongan

3.1. Retreat Yang Dianjurkan Oleh Jabatan Audit Dalam Bersama Jabatan

Salah satu fungsi Jabatan Audit Dalam (JAD) adalah memberi khidmat konsultansi selaras dengan arahan Datuk Bandar. Lanjutan dari arahan tersebut JAD telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Retreat bersama Jabatan yang terlibat. Berikut adalah senarai Retreat yang berjaya dianjurkan oleh JAD pada tahun 2014 :-

BIL.	TAJUK	TARIKH	LOKASI
1.	<i>Retreat</i> Memuktamadkan SOP Berkaitan Pelaksanaan Tanggungjawab Juru Perunding Kepada DBKL	9-12 Mei 2014	Hotel Equatorial, Melaka
2.	<i>Retreat</i> Penyediaan Perintah Tetap Perolehan Datuk Bandar Kuala Lumpur	2-5 September 2014	Hotel Hatten, Melaka
3.	<i>Retreat</i> Pengurusan Projek Pembangunan / Penylenggaraan DBKL	5-8 November 2014	Hotel Thistle, Port Dickson, Negeri Sembilan
4.	<i>Retreat</i> Pengurusan Pembangunan Sistem Teknologi Maklumat	1-4 Disember 2014	Hotel Equatorial, Melaka




RETREAT MEMUKTAMADKAN SOP BERKAITAN PELAKSANAAN TANGGUNGJAWAB JURU PERUNDING KEPADA DBKL

Tarikh : 9 Hingga 12 Mei 2014
Lokasi : Hotel Equatorial Melaka

Objektif :-

- i. Memantapkan dokumen berhubung Perolehan Perkhidmatan dan Perlantikan Juru Perunding DBKL bagi meningkatkan Sistem Kawalan Dalaman (SKD) Kawalan Dan Pemantauan Juru Perunding DBKL.
- ii. Mengkaji dan mendokumen Pekeliling baru yang digunakan atau yang dimansuhkan serta disesuaikan dengan persekitaran DBKL.






RETREAT PENYEDIAAN PERINTAH TETAP PEROLEHAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh : 2 Hingga 5 September 2014
Lokasi : Hotel HATTEN, Melaka

Objektif :-

- i. Mengemaskini Perintah Tetap Perolehan Datuk Bandar Kuala Lumpur 2012 ;
- ii. Menyediakan satu garis panduan yang lebih jelas, lengkap dan tersusun ;
- iii. Menyediakan dokumen Perintah Tetap Perolehan Datuk Bandar Kuala Lumpur 2014.



RETREAT PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN/PENYELENGGARAAN DBKL

Tarikh : 5 hingga 8 November 2014
 Lokasi : Hotel THISTLE, Port Dickson Resort, Negeri Sembilan

Objektif :-

- i. Merangka proses kerja di sepanjang aliran kerja Pengurusan Projek Pembangunan DBKL yang melibatkan pelbagai jabatan dan akan memudahkan jabatan mempunyai kefahaman yang sama berkaitan dengan pengurusan projek pembangunan serta berperanan dengan penuh tanggungjawab;
- ii. Membentuk satu mekanisma meningkat penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus yang cemerlang di mana isu-isu berulang yang berkaitan projek pembangunan dan penyelenggaraan dapat dielakkan. Risiko-risiko perlu dikenalpasti untuk diambil tindakan yang sewajarnya bagi meminimakan risiko;
- iii. Mendokumen proses aliran tugas berhubung pengurusan projek pembangunan yang akan memberi impak positif kepada pengurusan projek, meningkatkan penyediaan kemudahan awam dan penyampaian perkhidmatan DBKL yang berkualiti kepada warga Kuala Lumpur dan memudahkan objektif program / aktiviti / projek lebih mudah dicapai.





RETREAT PENGURUSAN PEMBANGUNAN SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT

Tarikh : 1 hingga 4 Disember 2014
Lokasi : Hotel Equatorial, Melaka

Objektif :-

- i. Mengenal pasti punca kegagalan sesuatu pembangunan sistem yang tidak mencapai objektif dan melibatkan pembaziran masa, wang dan sumber manusia yang telah digembelngkan bagi tujuan pembangunan sistem tersebut.
- ii. Memberi kesedaran kepada pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk meningkatkan pengetahuan pengurusan maklumat bagi membolehkan sistem maklumat sedia ada sama ada manual atau berkomputer disepadu secara optimum bagi meningkatkan kecekapan dan keberhasilan sesuatu proses kerja di sepanjang rantaian proses yang melibatkan pelbagai jabatan bagi mengupayakan proses pembuatan keputusan yang tepat dan cepat lagi berwibawa; dan
- iii. Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk rujukan semua jabatan yang terlibat dalam pembangunan sistem maklumat.



PERSIDANGAN TAHUNAN AUDIT DALAM KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (KWP) DAN AGENSI BAGI TAHUN 2014

Pada tahun 2014 JAD telah dijemput menghadiri persidangan tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi. Para peserta terdiri daripada DBKL, Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Perbadanan Labuan (PL). Persidangan tersebut telah diadakan pada tarikh dan lokasi seperti berikut :-

Tarikh : 5 hingga 7 November 2014
Lokasi : Gold Coast Morib International Resort, Selangor

Objektif :-

- i. Meningkatkan kecekapan, pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan pengalaman kakitangan Audit Dalam berkaitan pelaksanaan aktiviti pengauditan; dan
- ii. Perkongsian ilmu dan maklumat antara Audit Dalam KWP dan Agensi serta mampu melahirkan kakitangan audit yang lebih berdaya saing, cekap dan berpandangan jauh.



PROGRAM / AKTIVITI JABATAN AUDIT DALAM BAGI TAHUN 2014**Retreat Jabatan Audit Dalam**

JAD telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Retreat bersama pegawai dan kakitangan JAD dalam memastikan Gerak Kerja Jabatan terancang dan kerja-kerja pengauditan JAD berjalan lancar. Jabatan mengadakan Retreat ini sebagai aktiviti tahunan yang diadakan dua (2) kali setiap tahun. Berikut adalah senarai Retreat yang telah diadakan oleh JAD pada tahun 2014 :-

BIL.	TAJUK	TARIKH	LOKASI
1.	Retreat Semakan Pertengahan Tahun 2014	11-14 Jun 2014	Gold Coast Morib International Resort, Selangor
2.	Retreat Gerak Kerja 2015	27-30 Oktober 2014	Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

RETREAT SEMAKAN PERTENGAHAN TAHUN 2014 JABATAN AUDIT DALAM

Tarikh : 11 Hingga 14 Jun 2014
Tempat : Gold Coast Morib International Resort, Selangor

Objektif :-

- i) Semakan pencapaian setengah tahun KPI JAD bagi tahun 2014;
- ii) Semakan pencapaian setengah tahun Gerak Kerja Jabatan (2014); dan
- iii) Meningkatkan ukhwh bersama demi memantapkan dan melancarkan Gerak Kerja Jabatan.




RETREAT GERAK KERJA 2015 JABATAN AUDIT DALAM

Tarikh : 27 Hingga 30 Oktober 2014
Tempat : Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB)

Objektif :-

- i) Merangka program dan menyusun atur Gerak Kerja Audit Jabatan 2015;
- ii) Merangka Gerak Kerja Pentadbiran 2015;
- iii) Merangka khidmat konsultansi JAD kepada DBKL;
- iv) Merangka Pelan Strategik Jangka Panjang (2013 - 2020) JAD; dan
- v) Meningkatkan ukhwah bersama demi memantapkan dan melancarkan tugas harian JAD.





JABATAN PERANCANGAN KORPORAT

Jabatan Perancangan Korporat (JPRK) berperanan merancang, mengurus serta melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej korporat dan profesionalisme DBKL bagi memastikan imej korporat dan profesionalisme DBKL berada pada taraf dunia yang unggul dan cemerlang. Antara fungsi utama jabatan adalah untuk menyelaras perhubungan antara DBKL dengan media menerusi penyampaian/penyaluran maklumat yang tepat dan cepat; menyelaras penerbitan bahan bercetak, promosi dan pengurusan foto dan video; menyelaras majlis rasmi dan protokol; dan menyelaras hubungan dua hala negara luar dan bandar raya serta lawatan rasmi.

1.0. UNIT MEDIA


1.1. Unit Media berperanan sebagai penghubung antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan pihak media. Selaras dengan itu, Unit Media bertanggungjawab menyalurkan maklumat berkaitan DBKL kepada media bagi memastikan liputan yang diberi adalah tepat dan benar. Selain itu, unit ini juga menyelaras dan menyediakan maklumat untuk Sidang Media bersama Majlis Pengurusan Tertinggi DBKL. Sepanjang tahun 2014, unit ini telah menyelaras **85 Sidang Media** dan **16 Temubual** bersama **Majlis Pengurusan Tertinggi DBKL** dan **Ketua Jabatan**.

1.2. Unit ini juga bertindak menghebahkan aktiviti dan program yang akan dijalankan oleh DBKL bagi memastikan hebahan maklumat dapat disampaikan kepada warga kota dan liputan terbaik diberikan oleh pihak media. Unit ini telah mengeluarkan sebanyak **307 Liputan Media (Press Invitation)**, **114 Kenyataan Media (Press Release)** dan **103 Maklumbalas Media (Press Rebuttal)** sepanjang tahun 2014.

1.3. Aktiviti bersama Media

1.3.1 Sukan DBKL Bersama Media 2014 – Boling

Program ini diadakan khusus untuk mengeratkan lagi hubungan antara DBKL dengan pihak media dan menghargai sumbangan pihak media menerusi penulisan mengenai DBKL. Lebih 60 orang pengamal media hadir meliputi pengamal media daripada medium media cetak, media elektronik dan penulis laman blog. Program ini diadakan di Arena Bowl, Bukit Jalil Golf and Country Club pada 7 Jun 2014 (Sabtu).





BOLING DBKL BERSAMA MEDIA

SERAMAI 70 kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan wakil media massa menyertai pertandingan boling anjuran pihak berkuasa tempatan itu di Bukit Jalil Golf & Country Resort, Kuala Lumpur semalam.

Selain bertujuan merapatkan hubungan antara kedua-dua pihak, pertandingan itu juga bersempena Anugerah Media Kuala Lumpur 2014 anjuran DBKL pada 25 Jun ini.

Wakil Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Maznah Abu Bakar muncul juara individu kategori wanita diikuti Romainah Mohd. Nor dari Radio Televisyen Malaysia

manalaka tempat ketiga menjadi milik Wan Nur Arriyana Wan Ali (Bernama).

Bagi kategori lelaki, tempat pertama dimenangi Pembantu Teknik Unit Pre-Press Utusan Malaysia, Salmi Man; kedua, Hamdan Awal (Bernama) dan ketiga, Penolong Pengarang Prosesan Utusan Malaysia, Bazil Abdul Rahman.

■ Kakitangan DBKL dan petugas media massa gembira selepas menyertai pertandingan boling di Bukit Jalil Golf & Country di Kuala Lumpur kelmarin. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR

Gambar 1: Sukan DBKL bersama Media (Acara Boling)


2.0. UNIT MAJLIS RASMI & PROTOKOL

- 2.1. Unit Majlis Rasmi dan Protokol terlibat dalam pelbagai acara rasmi yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan, mahupun anjuran bersama antara DBKL dengan agensi kerajaan serta agensi bukan kerajaan.
- 2.2. Unit ini terlibat secara langsung dalam **142 majlis rasmi**, iaitu 118 ialah anjuran jabatan-jabatan di dalam DBKL dan 22 majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi kerajaan serta 2 acara majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi bukan kerajaan.
- 2.3. Unit ini juga terlibat secara langsung dalam menyelaraskan urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera dan memastikan penyediaan hiasan serta kebersihan di laluan-laluan protokol apabila Bandar Raya Kuala Lumpur menerima kunjungan pembesar dari luar negara. Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2014 dan Sambutan Hari Kemerdekaan 2014, unit ini telah menyelaras urusan pemasangan gegantung bendera di laluan-laluan protokol sekitar Kuala Lumpur.

Selain itu, unit ini juga menjalinkan kerjasama yang erat bersama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dalam mengendalikan beberapa acara rasmi tahunan seperti Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan (Sambutan Bulan Kemerdekaan) termasuk majlis yang melibatkan kakitangan di bawah agensinya seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Berikut dilampirkan senarai majlis rasmi yang dianjurkan DBKL bersama agensi kerajaan dan bukan kerajaan, serta lawatan rasmi pembesar asing bagi tahun 2014:

BULAN	BILANGAN MAJLIS RASMI				JUMLAH
	Anjuran DBKL	Anjuran Bersama Agensi Kerajaan	Anjuran Bersama Agensi Bukan Kerajaan	Lawatan Rasmi Pembesar Asing	
JANUARI	10	0	0	-	10
FEBRUARI	8	14	0	1	22
MAC	4	1	1	-	6
APRIL	12	2	0	2	14
MEI	8	1	0	1	9
JUN	12	0	0	-	12
JULAI	5	3	0	-	8
OGOS	9	1	0	-	10
SEPTEMBER	11	0	0	-	11
OKTOBER	15	0	0	1	15
NOVEMBER	13	0	1	-	14
DISEMBER	11	0	0	-	11
JUMLAH	118	22	2	5	142

Jadual 1: Majlis Rasmi (Anjuran Dbkl,Bersama Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan) Dan Lawatan Rasmi Pembesar Asing Bagi Tahun 2014



Gambar 2: Majlis Perasmian Pameran Kedutaan Denmark 'Making Cities Greener & More Liveable' oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur



Gambar 3: Majlis Pelancaran Pengangkutan Khas ke Tempat Kerja DBKL Shuttle oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur



Gambar 4: Majlis Penyerahan Bendera Wilayah Persekutuan Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan



Gambar 5: Majlis Rumah Terbuka Krismas 2014



Gambar 6: Majlis Perasmian Pameran Kuala Lumpur Orkid dan Bonsai 2014 (KLOBS) 2014 dan Perasmian Kanopi oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd. Yassin di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur



Gambar 7: Majlis Sambutan Hari Pekerja DBKL di Auditorium Menara DBKL 1

3.0. UNIT PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

Unit Perhubungan Antarabangsa berperanan menyelaras lawatan dalam negeri, lawatan luar negeri dan kunjung hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Berikut merupakan statistik bagi jumlah ketiga-tiga perkara tersebut di atas:

PERKARA	BILANGAN LAWATAN	BILANGAN PELAWAT
Jumlah Lawatan Dalam Negeri	43	1310
Jumlah Lawatan Luar Negeri	29	535
Jumlah Kunjung Hormat Kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur	17	48
JUMLAH	89	1893

Jadual 2: Statistik Jumlah Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negeri dan Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar pada Tahun 2014

Berikut dilampirkan juga perincian mengenai Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur pada tahun 2014:

BIL	TARIKH	KUNJUNG HORMAT
1.	5 Februari	Kunjung Hormat daripada TYT Duta Besar Finland
2.	27 Februari	Kunjung Hormat daripada Handan <i>Municipal People's Government</i>
3.	6 Mac	Kunjung Hormat daripada <i>Japan Foundation</i>
4.	6 Mac	Kunjung Hormat daripada <i>The Japan Council of Local Authorities for International Relation (CLAIR) Singapore Representatives Office</i>
5.	18 Mac	Kunjung Hormat daripada 'Walkthrough Dealing with Construction Permits Journey Transformation in Kuala Lumpur'
6.	19 Mac	Kunjung Hormat daripada <i>Director of Trade and Investment</i>
7.	25 Mac	Kunjung Hormat daripada Kementerian Luar Wilayah Guangdong, China
8.	3 April	Kunjung Hormat daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung
9.	28 April	Kunjung Hormat daripada <i>Tokyo Metropolitan Assembly Members</i>
10.	30 April	Kunjung Hormat daripada TYT Duta Besar Morocco
11.	10 Jun	Kunjung Hormat daripada Sri Lanka
12.	18 September	Kunjung Hormat daripada TYT Duta Besar Sweden
13.	31 Oktober	Kunjung Hormat daripada Kedutaan Republik Kyrgyz
14.	13 November	Kunjung Hormat daripada Duta Besar Ukraine
15.	20 November	Kunjung Hormat daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
16.	27 November	Kunjung Hormat daripada Datuk Bandar Jinju, Republik Korea
17.	17 Disember	Kunjung Hormat daripada Syabas Sdn. Bhd.

Jadual 3: Senarai Kunjung Hormat Tahun 2014

4.0. UNIT PROMOSI

Unit Promosi ini telah diberi tanggungjawab dalam proses kerja-kerja penerbitan dan percetakan. Ini termasuklah sebahagian daripada pengemaskinian hebahan maklumat medium elektronik. Berikut adalah kerja-kerja penerbitan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014:

- a) Jendela Bandaraya
5,000 naskah setiap keluaran dan dibekalkan secara percuma kepada agensi luar.
- b) Diari Tahunan DBKL
Diari ini terbahagi kepada tiga jenis di mana ianya dibezakan mengikut kumpulan.
 Jenis I: 30 bilangan unit diari **jenis kulit + PU** diterbitkan untuk kegunaan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perguruan Tertinggi DBKL.
 Jenis II: 700 bilangan unit diari **jenis kulit + PU** diperuntukkan untuk kegunaan kumpulan Pengurusan & Professional.
 Jenis III : 7500 bilangan unit diari **jenis PVC** diperuntukkan untuk kegunaan kumpulan kakitangan sokongan I & II.
- c) Kad-kad Ucapan Perayaan
- d) *Bunting, Banner, Backdrop, Flyer, Buku Program, Sticker, Story Album*
 - i) Pameran Konvensyen OIC
 - ii) Kulit Album CD Kumpulan Koir DBKL
 - iii) Majlis Jamuan Mesra Aidiladha anjuran IKATAN DBKL
 - iv) Audit Ekosistem 5S Plus
 - v) Kempen Bayaran Kompaun Trafik DBKL di Pejabat Pos
 - vi) Hari Keluarga
 - vii) Album Lawatan Datuk Bandar Ke Uzbekistan
 - viii) Album Khas sempena Persaraan Ketua Pengarah DBKL

5.0. UNIT ADUAN AWAM DAN KHIDMAT PELANGGAN

Peranan unit ini meliputi 3 perkara utama, iaitu sebagai pusat panggilan setempat, pengurusan dan pemantauan aduan awam serta pengurusan perkhidmatan pelanggan. Pendekatan ini memberi fokus kepada penyampaian perkhidmatan yang berteraskan keperluan pelanggan, iaitu pelanggan diberi layanan sebagai individu bukannya sebagai salah satu komponen dalam proses penyampaian perkhidmatan. Penglibatan pelanggan dalam pelbagai aspek turut diambil kira dalam mereka bentuk perkhidmatan agar perkhidmatan yang ditawarkan dapat memenuhi kehendak dan memberi kepuasan kepada mereka.

5.1. Statistik Penerimaan Aduan

Pihak Pusat Aduan Setempat (*Call Centre*) telah menerima jumlah panggilan sebanyak 48,059. Waktu puncak penerimaan aduan yang direkodkan adalah dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang . Dari jumlah penerimaan ini, sebanyak 26,105 panggilan adalah berbentuk pertanyaan. Manakala, 21,954 panggilan berbentuk aduan. Kesemua panggilan ini telah direkodkan dan telah diedarkan ke jabatan-jabatan berkenaan melalui sistem i-spaaa (Integrated Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam). Ringkasan jumlah penerimaan panggilan berasaskan bulan pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

BULAN	JUMLAH PANGGILAN
Januari	2,980
Februari	3,510
Mac	3,790
April	3,654
Mei	3,645
Jun	2,960
Julai	3,082
Ogos	5,031
September	3,961
Oktober	4,265
November	5,725
Disember	5,456
JUMLAH	48,059

Jadual 4: Statistik Penerimaan Panggilan Melalui Talian Bebas Tol 1800-88-3255


5.2. Penerimaan Dan Penyelesaian Aduan

Pihak *Call Centre* telah menerima sebanyak 21,954 aduan. Janaan data pada 9 Februari 2014 menunjukkan sebanyak 21,853 aduan (99%) telah diselesaikan. Manakala, sebanyak 101 aduan masih di dalam tindakan. Semua Jabatan disasarkan untuk menyelesaikan semua aduan-aduan tertunggak selewat-lewatnya pada bulan Mac 2015. Berikut dilampirkan perincian penerimaan aduan mengikut kategori.

KATEGORI	TERIMA	TERIMA (%)
Kemudahan Awam	6,304	28%
Halangan	2,804	12%
Pokok	2,612	11%
Binatang	2,235	10%
Perancangan Dan Pembangunan	1,578	7%

Jadual 5: Statistik Penerimaan Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi

Merujuk rekod, penerimaan aduan tahun 2014 adalah **meningkat** berbanding dengan tahun 2013. Berikut adalah perbandingan yang telah dibuat :



Carta 1: Perbandingan Penerimaan Aduan Tahun 2013 dan 2014

5.3. Kehadiran Pelanggan Di Kaunter Khidmat Pelanggan (SKP)

Sepanjang tahun 2014, Seksyen Khidmat Pelanggan (SKP) telah menerima sebanyak 2,807 orang pelanggan yang datang berurusan di kaunter khidmat pelanggan. Daripada jumlah kehadiran ini, seramai 1,722 orang pelanggan telah hadir ke kaunter Aduan Awam yang diselaraskan oleh Jabatan Perancangan Korporat. Manakala, sebanyak 1,085 orang pelanggan telah hadir ke kaunter Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja.


Dari jumlah kehadiran ini, terdapat pengurangan berbanding pada tahun 2013. Pada tahun 2013, kehadiran pelanggan adalah seramai 3,169 orang pelanggan sahaja, iaitu seramai 2,683 orang pelanggan ke kaunter Aduan Awam yang diselaraskan oleh Jabatan Perancangan Korporat. Manakala, seramai 486 orang telah hadir ke kaunter Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja.

PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN

Bertanggungjawab dalam penyediaan sumber manusia dan kemudahan perkhidmatan yang mencukupi, kompeten dan bermotivasi tinggi ke arah mencapai objektif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan menjalankan sistem pentadbiran yang efektif serta efisien. Pejabat Cawangan juga bertanggungjawab memastikan perkhidmatan perbandaran setiap kawasan Parlimen diurustadbir dengan sempurna, berkesan dan hubungan dua hala Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan “*stakeholder*” berada di tahap terbaik.

Pada tahun 1975, Pejabat Kecil Jinjang ditubuhkan berikutan penubuhan rasmi Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974 dan diletakkan di bawah Pejabat Datuk Bandar Kuala Lumpur. Pada tahun 1982, penubuhan secara rasmi 5 buah Pejabat Cawangan dilaksanakan merangkumi 5 kawasan pilihanraya Parlimen iaitu Setapak, Kepong, Bukit Bintang, Damansara dan Sungai Besi. Pada 15 Ogos 2003, kawasan pentadbiran Pejabat Cawangan telah berubah menjadi 11 kawasan selaras dengan objektif persempadanan semula kawasan pilihanraya Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kini, Pejabat Cawangan telah lengkap merangkumi kawasan-kawasan seperti Bukit Bintang, Titiwangsa, Setiawangsa, Wangsa Maju, Batu, Kepong, Segambut, Lembah Pantai, Seputeh, Bandar Tun Razak dan Cheras. Jumlah keluasan kawasan di bawah pentadbiran Pejabat Cawangan telah mencecah 243.65 km persegi dari keluasan asal 93.24 km persegi dengan anggaran kepadatan penduduk pada tahun 2010 seramai 2.4 juta orang.

Objektif utama Pejabat Cawangan ialah sebagai wakil Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam memberi perkhidmatan dan mempertingkatkan hubungan antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan penduduk setempat. Pejabat-pejabat Cawangan juga menyediakan kemudahan perkhidmatan seperti Kaunter Bayaran Bil Setempat, menerima aduan awam, penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan (program sosial dan gotong-royong) pembangunan projek kecil (infrastruktur dan bekalan), penyenggaraan kecil infrastruktur jalan dan longkang, permohonan ubahsuai kecil rumah kediaman, permit sementara khemah serta perkhidmatan-perkhidmatan lain.



Peta kawasan pentadbiran Pejabat-pejabat Cawangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Pejabat Cawangan	Alamat Pejabat	Nama Pengurus Kawasan
Lembah Pantai	No.9, Tingkat Bawah, Wisma Leopad Jalan Tun Sambanthan, Brickfields 50470 Kuala Lumpur Tel: 03-22749363 Fax: 03-22738475	Wan Nordin bin Wan Mahmood
Cheras	No.22 & 24, Blok A, Jalan 5/101C off Jalan Kas-kas Cheras Business Centre 56000 Kuala Lumpur Tel: 03-91302507 Fax: 03-91302489	Zahari Bin Abdul Manap
Titiwangsa	No. 28-32, Jalan 1/76D Desa Pandan 55100 Kuala Lumpur Tel: 03-92008179 Fax: 03-92008349	Mohd Muzammer bin Jamaluddin
Wangsa Maju	Bangunan Pasar Moden Gombak Km.8, Jalan Gombak 53000 Kuala Lumpur Tel: 03-40211142 Fax: 03-40219349	Ismadi bin Sakirin
Bukit Bintang	Tingkat 12, Menara DBKL 3 Jalan Raja Abdullah Bandar Wawasan 50350 Kuala Lumpur Tel: 03-26176230 Fax: 03-26911175	Muhammad Asrak bin Mohd Osman
Batu	No.2, Jalan 13/48A Sentul Raya Boulevard off Jalan Sentul 51000 Kuala Lumpur Tel: 03-40448158 Fax: 03-40438932	Ahmad Johaan bin Othman
Setiawangsa	No. 1, Jalan Wangsa Delima 13, D'Wangsa Seksyen 5 Wangsa Maju 53300 Kuala Lumpur Tel: 03-41422740 Fax: 03-41439691	Abdul Syatar bin Abdul Halim

Kepong	Jalan Jinjang 52000 Kuala Lumpur Tel: 03-62572900 Fax: 03-62575008	Muhammad Fauzi bin Omar
Segambut	No.6, Jalan Wan Kadir 1 Taman Tun Dr Ismail 60000 Kuala Lumpur Tel: 03-77282277 Fax: 03-77282314	Abd Aziz bin Abd Rahman
Seputeh	No. 43 & 45, Jalan 10/116B Kuchai Enterpreneus Park Jalan Kelang Lama 58200 Kuala Lumpur Tel: 03-79826177 Fax: 03-79828161	Mohd Yunus bin Haji Jalaludin
Bandar Tun Razak	No. 10-14, Jalan Jujur 3 Bandar Tun Razak 56000 Kuala Lumpur Tel: 03-91712035 Fax: 03-91710605	Marwan bin Che Desa

1.0. FUNGSI-FUNGSI PEJABAT CAWANGAN

1.1. Pengurusan Aduan Awam

- a. Menerima dan merekod aduan awam.
- b. Menyalurkan dan menyelaraskan aduan awam kepada jabatan/agensi pelaksana atau melalui sistem iSPAAA.
- c. Mengambil tindakan (sekiranya berkaitan) dan memantau aduan awam.

1.2. Pemantauan Kawasan

- a. Kebersihan kawasan persekitaran.
- b. Penyelenggaraan kemudahan infrastruktur.
- c. Aktiviti perniagaan dan penjajaan tanpa lesen.
- d. Halangan.
- e. Pemasangan iklan haram kain rentang, gegantung dan poster iklan kecil.
- f. Cantasan pokok.
- g. Pencerobohan kawasan lapang dan kawasan hijau.

1.3. Program Sosial

- a. Menyelaras program anjuran bersama NGO dan Pejabat Cawangan.
- b. Menyelaras program anjuran bersama agensi-agensi Kerajaan lain.
- c. Menganjur program DBKL melalui Pejabat Cawangan.

1.4. Program Gotong Royong

- a. Menyelaras gotong-royong daripada NGO dan agensi Kerajaan lain.
- b. Menganjurkan gotong-royong peringkat kawasan parlimen.

1.5. Permit Khemah Sementara

- a. Memproses permohonan permit khemah sementara untuk tujuan aktiviti sosial.

1.6. Projek Kecil

- a. Menyelaras permohonan infrastruktur dan bekalan daripada persatuan penduduk, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), badan sukarela, masjid, surau dan sebagainya.

1.7. Bencana Alam

- a. Melaksanakan bantuan awal.
- b. Menyelaraskan bantuan kepada mangsa bencana.

1.8. Penguatkuasaan

- a. Memantau, menyelaraskan dan mengambil tindakan penguatkuasaan seperti lalulintas, kebersihan, halangan dan operasi bersepadu.
- b. Membantu jabatan/agensi lain menjalankan pemantauan dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan.

**1.9. Kelulusan Pelan Ubahsuai Rumah Kediaman**


- a. Menerima permohonan kelulusan pelan ubahsuai kecil rumah kediaman.
- b. Menjalankan siasatan tapak dan perakuan pertimbangan permohonan.

1.10. Skwad Kecemasan (Flying Squad)

- a. Penurunan iklan haram *bunting* dan *banner*.
- b. Pelaksanaan tindakan kes kecemasan
- c. Pembersihan kawasan (mopping).

1.11. Pentadbiran Dan Kewangan


- a. Mengurus sumber manusia.
- b. Mengurus aset.
- c. Mengurus pejabat.
- d. Mengurus bajet dan perbelanjaan.
- e. Mengurus kaunter bayaran.
- f. Mengurus dewan masyarakat.



2.0. CARTA ORGANISASI



Carta Organisasi DBKL menunjukkan kedudukan Pejabat-pejabat Cawangan



Carta fungsi-fungsi Pejabat Cawangan DBKL

3.0. LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI PEJABAT CAWANGAN

3.1. Program Sosial Dan Gotong-Royong

Pejabat-pejabat Cawangan telah melaksanakan atau membantu melaksanakan sebanyak 2,821 program kemasyarakatan pada tahun 2014 dimana 2,300 program sosial dan 521 program gotong-royong.

Bil.	Pejabat Cawangan	Program Sosial	Program Gotong-royong	Jumlah
1.	Bandar Tun Razak	402	84	486
2.	Seputeh	143	62	205
3.	Batu	322	36	358
4.	Lembah Pantai	113	29	142
5.	Cheras	106	39	145
6.	Titiwangsa	253	51	304
7.	Segambut	187	39	226
8.	Kepong	101	50	151
9.	Wangsa Maju	227	39	266
10.	Bukit Bintang	153	36	189
11.	Setiawangsa	293	56	349
Jumlah Keseluruhan		2,300	521	2,821

Bagi melaksanakan dan membantu melaksanakan program-program tersebut sebanyak RM7,148,767.41 telah dibelanjakan di mana bantuan bekalan logistik sebanyak RM4,104,510.81, bekalan lembu/kambing sebanyak RM123,877.00 dan bekalan makanan bermasak sebanyak RM2,920,376.60.

Bil.	Pejabat Cawangan	Bekalan Logistik (RM)	Bekalan Lembu/ Kambing (RM)	Bekalan Makanan (RM)
1.	Bandar Tun Razak	488,212.40	28,784.00	629,066.50
2.	Seputeh	355,584.70	1,067.00	437,470.90
3.	Batu	374,762.80	22,560.00	294,956.70
4.	Lembah Pantai	312,606.60	15,552.00	98,793.55
5.	Cheras	199,734.81	4,151.00	64,535.95
6.	Titiwangsa	432,940.50	5,952.00	256,389.75
7.	Segambut	249,126.80	20,176.00	118,074.00
8.	Kepong	368,026.20	9,383.00	396,359.50
9.	Wangsa Maju	456,972.00	5,856.00	175,156.35
10.	Bukit Bintang	405,279.30	7,296.00	202,069.50
11.	Setiawangsa	461,264.70	3,100.00	247,506.90
Jumlah		4,104,510.81	123,877.00	2,920,376.60
Jumlah Keseluruhan		7,148,767.41		

3.2. Projek Kecil (Bekalan dan Infrastruktur)

Pejabat-pejabat Cawangan telah menerima permohonan dan memantau pelaksanaan serta pembekalan projek kecil (infrastruktur dan bekalan) iaitu sebanyak 558 unit projek kecil 410 (bekalan) dan 148 projek kecil (infrastruktur). Program ini dilaksanakan oleh jabatan pelaksana seperti Jabatan Kerja Awam dan Saliran, Jabatan Pengangkutan Bandar, Jabatan Lanskap dan Rekreasi, Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan dan sebagainya yang diselaraskan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pembangunan.

Bil.	Pejabat Cawangan	Projek Kecil		Jumlah
		Bekalan (Unit)	Infrastruktur (Projek)	
1.	Bandar Tun Razak	55	20	75
2.	Seputeh	5	4	9
3.	Batu	30	14	44
4.	Lembah Pantai	32	8	40
5.	Cheras	15	18	33
6.	Titiwangsa	29	9	38
7.	Segambut	24	6	30
8.	Kepong	38	3	41
9.	Wangsa Maju	45	40	85
10.	Bukit Bintang	120	5	125
11.	Setiawangsa	17	21	38
Jumlah		410	148	558

3.3. Pemantauan Kawasan

Pejabat-pejabat Cawangan telah menjalankan program pemantauan kawasan melalui para pegawai penyelaras masing-masing bagi memastikan kawasan pentadbiran berada dalam keadaan baik dan terkawal yang melibatkan kes pemuliharaan kerosakan dan tindakan seperti kebersihan, infrastruktur jalan, lampu jalan, longkang, perabot jalan, pokok, penjaja dan sebagainya. Pada tahun 2014, sebanyak 26,421 kes pemantauan telah dikesan dan dilaporkan kepada Jabatan/Agensi berkaitan yang disalurkan melalui sistem aduan iSPAA atau terus kepada Pejabat Cawangan masing-masing untuk tindakan.

Bil.	Pejabat Cawangan	Jumlah Kes
1.	Bandar Tun Razak	2,480
2.	Seputeh	2,080
3.	Batu	1,774
4.	Lembah Pantai	2,903
5.	Cheras	2,665
6.	Titiwangsa	4,550
7.	Segambut	1,914
8.	Kepong	1,085
9.	Wangsa Maju	1,035
10.	Bukit Bintang	3,584
11.	Setiawangsa	2,351
Jumlah Keseluruhan		26,421

3.4. Penurunan Iklan Haram

Pejabat-pejabat Cawangan turut mengambil tindakan menurunkan iklan-iklan haram bersaiz kecil dan sederhana pada setiap hari yang telah mencatatkan pemandangan serta mempertingkatkan kebersihan. Di sepanjang tahun 2014, sebanyak 1,136,248 iklan haram telah diturun, di buka atau ditanggalkan oleh pasukan tersebut.

Bil.	Pejabat Cawangan	Jumlah Iklan
1.	Bandar Tun Razak	158,085
2.	Seputeh	135,563
3.	Batu	70,764
4.	Lembah Pantai	82,354
5.	Cheras	171,336
6.	Titiwangsa	52,476
7.	Segambut	77,179
8.	Kepong	126,150
9.	Wangsa Maju	130,737
10.	Bukit Bintang	85,651
11.	Setiawangsa	45,953
Jumlah Keseluruhan		1,136,248

3.5. Permit Khemah Sementara

Pejabat-pejabat Cawangan juga adalah bertanggungjawab mengeluarkan permit khemah sementara kepada pelbagai pihak bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti sosial seperti mengadakan majlis kenduri, majlis sambutan perayaan, majlis kematian, majlis pembukaan premis dan sebagainya di mana pada tahun 2014 sebanyak 596 permohonan permit khemah telah dikeluarkan.

Bil.	Pejabat Cawangan	Jumlah Permohonan
1.	Bandar Tun Razak	58
2.	Seputeh	61
3.	Batu	87
4.	Lembah Pantai	16
5.	Cheras	30
6.	Titiwangsa	25
7.	Segambut	79
8.	Kepong	132
9.	Wangsa Maju	62
10.	Bukit Bintang	22
11.	Setiawangsa	24
Jumlah Keseluruhan		596

3.6. Aduan Awam

Pada tahun 2014, sebanyak 1,515 kes aduan awam yang telah diterima oleh Pejabat-pejabat Cawangan di mana aduan yang diterima akan disemak kesahihannya sebelum disalurkan kepada jabatan/agensi berkaitan melalui Sistem iSPAAA atau sistem aduan yang lain untuk tindakan lanjut.

Bil.	Pejabat Cawangan	Jumlah Kes Aduan
1.	Bandar Tun Razak	107
2.	Seputeh	249
3.	Batu	118
4.	Lembah Pantai	66
5.	Cheras	183
6.	Titiwangsa	29
7.	Segambut	473
8.	Kepong	41
9.	Wangsa Maju	106
10.	Bukit Bintang	53
11.	Setiawangsa	90
Jumlah Keseluruhan		1,515

3.7. Penguatkuasaan

Peranan Pejabat-pejabat Cawangan turut diperkasakan dengan penempatan sepasukan penguatkuasa yang di ketua oleh seorang inspektor dan 10 anggota penguatkuasa. Pada tahun 2014, sebanyak 255,423 notis kesalahan dan tawaran kompaun telah dikeluarkan oleh pasukan penguatkuasa yang ditempatkan di Pejabat-pejabat Cawangan kepada orang ramai yang melakukan kesalahan undang-undang.

Bil.	Pejabat Cawangan	Jumlah Pengeluaran Notis Kesalahan
1.	Bandar Tun Razak	16,292
2.	Seputeh	22,740
3.	Batu	25,927
4.	Lembah Pantai	13,408
5.	Cheras	17,472
6.	Titiwangsa	32,653
7.	Segambut	14,296
8.	Kepong	23,320
9.	Wangsa Maju	12,055
10.	Bukit Bintang	61,094
11.	Setiawangsa	16,166
Jumlah Keseluruhan		255,423

3.8. Kutipan Kaunter Bayaran Bil Setempat

Bagi tahun 2014, sebanyak RM193,999,177.62 telah dipungut melalui kutipan kaunter bayaran di Pejabat-pejabat Cawangan.

Bil.	Pejabat Cawangan	Jumlah Kutipan (RM)
1	Bandar Tun Razak	13,718,779.10
2	Seputeh	21,906,769.00
3	Batu	10,038,425.25
4	Lembah Pantai	8,367,778.00
5	Cheras	9,738,604.29
6	Titiwangsa	131,690.50
7	Segambut	28,997,922.09
8	Kepong	16,868,327.49
9	Wangsa Maju	7,796,659.00
10	Bukit Bintang *	-
11	Setiawangsa	11,500,312.22
Jumlah Keseluruhan		129,065,267.24

* Catatan:Pejabat Cawangan Bukit Bintang tiada Kaunter Bayaran Bil Setempat.

3.9. Penyelenggaraan Kecil Jalan dan Longkang

Bagi mempercepatkan tindakan ke atas pembaikan kerosakan-kerosakan kecil jalan dan longkang, Pejabat-pejabat Cawangan telah diberikan satu panel Kontraktor oleh Jabatan Kerja Awam dan Saliran untuk melaksanakan tindakan pembaikan berskala kecil dengan peruntukan tahunan sebanyak RM1 juta setiap kawasan. Pada tahun 2014, sebanyak 504 kerja-kerja kecil penyelenggaraan jalan dan longkang telah dilaksanakan iaitu 353 penyelenggaraan jalan dan 151 penyelenggaraan longkang.

Bil.	Pejabat Cawangan	Jenis Kerja		Jumlah
		Jalan	Longkang	
1.	Bandar Tun Razak	25	38	63
2.	Seputeh	0	0	0
3.	Batu	0	0	0
4.	Lembah Pantai	72	31	103
5.	Cheras	8	1	9
6.	Titiwangsa	8	5	13
7.	Segambut	132	20	152
8.	Kepong	84	10	94
9.	Wangsa Maju	14	40	54
10.	Bukit Bintang	-	-	-
11.	Setiawangsa	10	6	16
Jumlah Kerja		353	151	504

* Catatan:Pejabat Cawangan Bukit Bintang tiada melaksanakan program khusus ini.



3.10. Permohonan Ubah Suai Kecil Rumah Kediaman

Mulai tahun 2014 Pejabat Cawangan hanya memproses permohonan ubahsuai kecil rumah kediaman Kategori B2 sahaja iaitu permohonan ubahsuai kecil rumah kediaman bersaiz tidak lebih dari 1,000 kps. Pada tahun 2014, sebanyak 1,078 permohonan ubah kecil rumah kediaman diterima oleh Pejabat-pejabat Cawangan. Proses permohonan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Ubahsuai Rumah Kediaman (JURK) yang bersidang setiap minggu di tiga buah Pejabat Cawangan iaitu di Setiawangsa, Bandar Tun Razak dan Segambut.

Bil.	Pejabat Cawangan	Zon Urusetia Mesyuarat JURK	Jumlah Permohonan
1.	Bandar Tun Razak	JURK Zon Bandar Tun Razak	598
2.	Seputeh		
3.	Cheras		
4.	Titiwangsa		
5.	Lembah Pantai	JURK Zon Segambut	235
6.	Bukit Bintang		
7.	Segambut		
8.	Kepong	JURK Zon Setiawangsa	245
9.	Wangsa Maju		
10.	Batu		
11.	Setiawangsa		
Jumlah Keseluruhan			1,078

4.0. PROGRAM KHUSUS DI BAWAH KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Pejabat-pejabat Cawangan juga telah menjadi penggerak dan pelaksana bagi membantu pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melaksanakan program dasar dan strategik seperti berikut:

4.1. Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan 2014

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Pejabat-pejabat Cawangan telah melaksanakan Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan sempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2014 dengan tema "Ceria" di setiap kawasan Parlimen. YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor serta YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan telah hadir ke setiap kawasan Parlimen bagi merasmikan program ini dengan jadual pelaksanaan seperti berikut:

Bil.	Pejabat Cawangan	Lokasi Program	Tarikh Program
1.	Bandar Tun Razak	Taman Herba Sungai Midah, PPR Raya Permai, Sungai Besi	8 Februari
2.	Cheras	Taman Miharja Fasa 2, Cheras	8 Februari
3.	Wangsa Maju	PPR Gombak Setia, Gombak	9 Februari
4.	Titiwangsa	Taman Maluri, Cheras	9 Februari
5.	Setiawangsa	PPR Semarak, Setiawangsa	9 Februari
6.	Lembah Pantai	Perumahan Polis Desa Aman 1, Pantai Dalam	22 Februari
7.	Seputeh	Taman Salak Jaya, Sungai Besi	22 Februari
8.	Batu	PPR Batu Muda, Batu	23 Februari
9.	Segambut	Taman Sejahtera, Segambut	23 Februari
10.	Kepong	Taman Tasik Metropolitan, Kepong	23 Februari
11.	Bukit Bintang	Padang Sekolah Kebangsaan Batu (L), Jalan Raja Laut	23 Februari

4.2. Program Nur Ramadan 2014

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Pejabat-pejabat Cawangan telah melaksanakan Program Nur Ramadan dengan penganjuran majlis berbuka puasa atau majlis moreh di setiap kawasan Parlimen. YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor telah hadir di setiap kawasan Parlimen untuk menyertai program ini dengan jadual pelaksanaan seperti berikut:

Bil.	Pejabat Cawangan	Lokasi Program	Tarikh Program
1.	Wangsa Maju	Masjid Al-Muttaqqin, Wangsa Melawati	5 Julai
2.	Cheras	Surau Nur Abbas Al-Habshee, PPR Laksamana	
3.	Batu	Surau Al-Hidayah, PPR Wahyu	6 Julai
4.	Segambut	Masjid Al-Qurtubi, Taman Sri Segambut	
5.	Seputeh	Masjid Al-Muhsinin, Taman Danau Desa	12 Julai
6.	Lembah Pantai	Surau Nurul Hidayah, Taman Pantai Indah II	
7.	Titiwangsa	Masjid Al-Ikram, Datuk Keramat	13 Julai
8.	Bukit Bintang	Masjid Pengkalan Udara Kuala Lumpur, Sungai Besi	
9.	Kepong	Masjid Amaniah, Kepong	19 Julai
10.	Setiawangsa	Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah, Taman Seri Rampai	
11.	Bandar Tun Razak	Masjid Al-Najihin, Bandar Sri Permaisuri	20 Julai




4.3. Program Kebersihan Perbandaran

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Pejabat-pejabat Cawangan telah melaksanakan Program Kebersihan Perbandaran dengan penganjuran Gotong-royong Perdana di setiap kawasan Parlimen. Peruntukan kewangan sebanyak RM10,000.00 bagi setiap kawasan Parlimen telah disalurkan dengan jadual pelaksanaan seperti berikut:

Bil.	Pejabat Cawangan	Lokasi Program	Tarikh Program
1.	Titiwangsa	Masjid Al-Akram, Datuk Keramat	23 Mac
2.	Bukit Bintang	Brickfields, Kuala Lumpur	23 Ogos
3.	Kepong	Mutiara Magna, Kepong	20 September
4.	Cheras	UCSI Universiti, Taman <i>Taynton View</i> , Cheras	27 September
5.	Seputeh	Flat Perumahan KEP, Jalan Kuchai Lama	18 Oktober
6.	Wangsa Maju	Taman Melati, Wangsa Maju	18 Oktober
7.	Segambut	Taman SPPK, Segambut	8 November
8.	Bandar Tun Razak	Perumahan Awam Sri Melaka	16 November
9.	Batu	Taman Batu Muda	30 November
10.	Setiawangsa	PPR Desa Rejang, Sri Rampai	30 November
11.	Lembah Pantai	Taman Pasir Permata, Jalan Kelang Lama	20 Disember

4.4. Program 1 Parlimen 1 Kemahiran

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Pejabat-pejabat Cawangan telah melaksanakan Program 1 Kemahiran 1 Parlimen (1P1K) di setiap kawasan Parlimen. Kursus jangkapendek ini bermatlamat khususnya bagi mempertingkatkan pengetahuan dan ekonomi Bumiputera di Wilayah Persekutuan dengan jadual pelaksanaan seperti berikut:



Bil.	Pejabat Cawangan	Tarikh Program	Bilangan Peserta	Nama Program Kemahiran
1.	Bandar Tun Razak	17 - 19 April	20 orang	Kursus Kesihatan dan kecantikan (Asas)
		1 - 12 September	16 orang	Kursus Terapi Urut Tradisional (SKM 3)
2.	Seputeh	13 Oktober – 4 November	20 orang	Kursus Penyediaan Makanan/ Kulinari (SKM 2)
3.	Batu	5 - 11 November	15 orang	Kursus Penyelenggaraan Motosikal (Asas)
4.	Lembah Pantai	3 - 28 November	20 orang	Kursus Jahitan Pakaian Wanita (SKM 1)
6.	Penilaian Kadar Sewa Pasaran 40 Unit Gerai dan 9 Unit Kiosk Di Atas Lot PT.80, Plot A & B Dan Lot 302, Lorong Bunus 4, Seksyen 40, Kuala Lumpur 1.Tingkat Bawah Stall 1 Stall 2 & 20 Stall 3 & 4 Stall 19 & 20 Stall 5 Hingga 18 Kiosk 1 Hingga 5 2. Tingkat Satu Stall 1 Stall 2 Stall 3 & 4 Stall 5 hingga 7 & 10 hingga 12 Stall 8 & 9 Stall 13 Stall 14 Stall 15 Stall 16 Stall 17 Stall 18 Stall 19 Kiosk 6 hingga 9	1 Unit 2 Unit 2 Unit 2 Unit 14 Unit 5 Unit 1 Unit 1 Unit 2 Unit 6 Unit 2 Unit 1 Unit 1 Unit 1 Unit 1 Unit 1 Unit 1 Unit 1 Unit 1 Unit 1 Unit 4 Unit	3,000.00/ Sebulan 2,150.00/ Sebulan 2,650.00/Sebulan 2,950.00/Sebulan 2,150.00/Sebulan 360.00/Sebulan 2,800.00/Sebulan 2,000.00/Sebulan 2,500.00/Sebulan 2,050.00/Sebulan 1,650.00/Sebulan 1,350.00/Sebulan 1,750.00/Sebulan 1,750.00/Sebulan 1,550.00/Sebulan 1,700.00/Sebulan 1,800.00/Sebulan 2,650.00/Sebulan 650.00/Sebulan	11.4.2014
7.	Penilaian Kadar Sewa Pasaran Pusat Penjaja Yang Terletak Di Atas PT 6152, Jalan Permaisuri 1, Bandar Sri Permaisuri, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur	33 unit (Gerai Makan) 1 unit (Gerai Makan C -17)	700.00/Sebulan 690.00/Sebulan	5.6.2014
8.	Penilaian Kadar Sewa Pasaran 26 Unit Medan Selera Di Atas Lot 1406 Jalan Raja Muda Abd Aziz, Kampung Baru	26 Unit	380.00/Sebulan	4.8.2014
9.	Penilaian Kadar Sewa Pasaran 48 Unit Gerai Berkunci Yang Terletak Di Lorong Haji Hussein 1, Kuala Lumpur	48 Unit	320.00/Sebulan	4.8.2014
10.	Penetapan Kadar Sewaan Kemudahan Bilik-Bilik Di Perpustakaan Kuala Lumpur Cawangan Taman Tun Dr Ismail	Bilik Aktiviti	220.00/Sehari 110.00/Separuh Hari	7.8.2014

Bil.	Perkara	Jumlah unit	Nilai Sewa Pasaran (RM)	Tarikh Surat
11.	<p>Penilaian Nilai Pasaran Hartanah Untuk Rumah Perlindungan Gelandangan Yang Di Cadangkan Oleh Kementerian Wilayah Persekutuan</p> <p>Lot 318 & 319, Sek 46 Alamat Harta : 1B, 1B-1, 1B-2 & 1B-3, Sek 46 Jalan Chow Kit</p>	Bangunan Perdagangan 5 Tingkat	Luas Tanah : 3,116 kp Luas Bangunan Bawah : 2,870 kp Satu : 2,110 kp Dua : 2,110 kp Tiga : 2,110 kp Penthouse : 1,710 kp Jumlah : 10,910 kp Harga Tawaran Jualan : 8.8 Juta Anggaran Muatan gelandangan oleh JPPPB, DBKL 240 Orang	26.9.2014

ii. Ringkasan aktiviti penyerahan Harta kepada Jabatan Pengguna Sepanjang Tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama Harta	Tarikh Serahan	Jabatan Pengguna	Tarikh Surat
1.	Penyerahan 10 Kiosk Di Tempat Letak Kereta Di Atas Sebahagian Rizab Bandaraya Kuala Lumpur Untuk Tetuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	30.1.2014	Jabatan Landskap dan Rekreasi	24.3.2014
2.	Penyerahan Dewan Serbaguna 2 Tingkat Di PPR Seri Alam Di Atas Sebahagian Lot Pt.503 (Tanah Kerajaan), Seksyen 93, Kuala Lumpur	21.3.2014	Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti	25.3.2014
3.	Penyerahan Pasar Ria Di Atas Lot 1707 sebahagian Tanah Kerajaan (Rezab Jalan Haji Hussein), Kuala Lumpur	8.5.2014	Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja	12.6.2014
4.	Penyerahan Pusat Penjaja Satu Tingkat dan Kemudahan-Kemudahan Berkaitan Serta Sebuah Pencawang Elektrik Di Atas Lot PT 6152, Jalan Permaisuri 1, Bandar Sri permaisuri, Mukim Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.	12.6.2014	Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja	12.6.2014



Bil.	Nama Harta	Tarikh Serahan	Jabatan Pengguna	Tarikh Surat
5.	Penyerahan Pasar Sementara Fasa 1B Di Atas Lot 1221 Hingga 1231 Sebahagian Tanah Kerajaan (Rezab Jalan Haji Hussein Dan Rezab Lorong Belakang dan Sisi), Kuala Lumpur	12.6.2014	Jabatan perlesenan dan Pengurusan penjaja	8.5.2014
6.	Penyerahan Dewan Masyarakat 1 Tingkat Di Atas Sebahagian Lot 36055, Taman sri sentosa, Jalan Kelang Lama, Wilayah Persekutuan	17.6.2014	Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Sukan	20.6.2014
7.	Penyerahan Bangunan Surau dan Pusat Komuniti Di Projek Perumahan Rakyat Semarak Di Atas Sebahagian Lot 4248, Jalan Air Keroh, Mukim Setapak Kuala Lumpur.	20.6.2014	Jabatan Pengurusan Dan Perumahan Pembangunan Komuniti	2.7.2014
8.	Penyerahan Aras Bawah Hingga Aras 5A, Bangunan Perdagangan 16 Tingkat Di Atas Lot PT 80, Plot A & B Dan Lot 302, Lorong Bonus 4, Seksyen 40, Kuala Lumpur	28.8.2014	Unit Pengurusan Hartanah Korporat	10.9.2014
9.	Penyerahan Rumah Berkembar 2 Tingkat Unit No. 90, Jalan Puteri 3/1, Taman Bayu Puteri, Johor Bahru, Johor Darul Takzim Yang Dijadikan Sebagai Rumah Rehat DBKL.	3.9.2014	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	11.9.2014
10.	Penyerahan Bangunan Projek siap 144 Unit (Blok G) Rumah Kos Sederhana Rendah City View, Batu 2 ½ Cheras, Kuala Lumpur.	23.9.2014	Jabatan Perumahan dan Pembangunan Komuniti	10.10.2014
11.	Penyerahan Bangunan Rumah Penginapan "Seri Suasana DBKL @ PD" Terletak Di Atas Lot 1018, Batu 7 ½, Mukim Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan.	31.10.2014	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	21.11.2014
12.	Penyerahan Surau Satu Tingkat Di PPR Taman Wahyu 1 (Beringin) Terletak Di Atas Lot 58726, Mukim Batu, Kuala Lumpur	3.12.2014	Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti	16.1.2015

iii. Pengiraan Nilai Hartanah Bagi Tujuan Wang Sumbangan Untuk Indah Water Konsortium (IWK)


Bil.	Perkara	Tarikh Surat	Nilai sumbangan IWK 1% Daripada Nilai Pasaran Hartanah (RM)
1.	Cadangan Pembangunan 16 Tingkat Bangunan Perdagangan Di Atas PT 80, Plot A, Plot B Dan Lot 302, Lorong Bonus 4, Seksyen 40, Kuala Lumpur - Nilai Pasaran Hartanah Semasa Bagi Tujuan Sumbangan IWK	19.4.2013	RM 871,000.00
2.	Cadangan Membina 1 Blok Bangunan 3 Tingkat Yang Mengandungi 28 Lot Kedai, 1 Aras Pejabat Dan 2 Tingkat Tempat Letak Kereta Bawah Tanah Di Atas Lot 262 Dan Sebahagian Lot 255 Jalan Tun Sambanthan Dan Jalan Tun Sambanthan 1, Brickfields, Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan Untuk Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL) - Memohon Jumlah Bayaran Sumbangan IWK sebanyak 1% Berdasarkan Nilai Kos Pembangunan.	11.6.2014	RM 168,933.00

iv. Aktiviti Pembelian Aset Untuk Datuk Bandar Kuala Lumpur

Bil.	Maklumat Harta	Harga Ditawarkan	Jabatan Pengguna
1.	Pembelian Premis Rumah Kedai 3 Tingkat Di alamat No.46 Jalan 4/76C, Desa Pandan, Kuala Lumpur, Untuk Dijadikan Pejabat Cawangan Titiwangsa.	RM3 Juta	Pejabat Cawangan Titiwangsa
2.	Pembelian Premis Double Storey Semi Detached House beralamat di No. 90, Taman Bayu Puteri, Untuk Dijadikan Rumah Rehat Kakitangan DBKL	RM1,622,951.00	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
3.	Pembelian Premis Kondominium Unit No. C-09-08, C-16-07 The Meridian @ Medini , Nusajaya, Johor Darul Takzim Untuk Dijadikan Rumah Rehat Kakitangan DBKL	Unit C-09-08 (RM871,000.00) Unit C-16-07 (RM894,000.00)	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
4.	Pembelian Bangunan untuk Dijadikan Rumah Perlindungan Gelandangan Di Alamat No. 1B, 1B-1, 1B-2 Dan 1B-3, Lot 318 Dan 319, Seksyen 46, Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur.	Perolehan Bangunan Di teruskan Melalui Kaedah Pengambilan Balik Tanah (Land Aquisition)	

**v. Aktiviti Menyewa Bangunan Untuk Datuk Bandar Kuala Lumpur**

Bil	Maklumat Harta	Harga Ditawarkan	Jabatan Pengguna
1.	Penyewaan Jangka Panjang Sumai Hotel Apartment Lot 4479, Jalan Persinggahan, Kuala Terengganu.	1 Unit Superior (RM 2,450/ Bulan) 1 Unit Deluxe Apt (RM 1,200/ Bulan) 1 Unit Standard (RM 800/Bulan)	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia



11.0 BAHAGIAN STATISTIK DAN PENYELIDIKAN

Sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2014 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mencatatkan sejumlah 21,219 transaksi hartanah. Ianya meliputi 21,066 transaksi hartanah kategori tanah dan bangunan serta 153 transaksi tanah kosong. Keadaan ini menunjukkan pertambahan transaksi iaitu sebanyak 1,126 atau 5.60% atau dalam tempoh yang sama seperti tahun sebelumnya.

Transaksi tanah dan bangunan telah meningkat sebanyak 1,196 atau 6.02% berbanding tahun sebelumnya. Manakala transaksi tanah kosong pula telah menurun sebanyak 70 atau 31.39% berbanding tahun sebelumnya. Perincian transaksi ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1

Bulan	Tanah dan Bangunan	Tanah Kosong	Jumlah
Januari	1,585	19	1,604
Februari	1,446	23	1,469
Mac	2,004	10	2,014
April	1,924	23	1,947
Mei	1,642	11	1,653
Jun	1,772	8	1,780
Julai	1,528	18	1,546
Ogos	1,860	8	1,868
September	1,764	7	1,771
Oktober	1,902	8	1,910
November	1,759	8	1,767
Disember	1,880	10	1,890
Jumlah Keseluruhan	21,066	153	21,219

12.0 BAHAGIAN HAKMILIK STRATA


Pada tahun 2014, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyelia kerja-kerja ukur tanah untuk penyediaan hakmilik tanah meliputi perlantikan jurukur, penyediaan plan pra-hitungan, penarikan kaveat serta lain-lain keperluan pengeluaran hakmilik sementara dan hakmilik tetap sebelum permohonan pecah bahagi bangunan bagi pengeluaran hakmilik strata dapat dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 6 skim (7,888 unit) telah dikemukakan permohonan pecah bahagi bangunan ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun kelulusan yang diperolehi pada tahun yang sama adalah sebanyak 1 skim (632 unit).


Statistik bagi permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab Bahagian Strata, JPPH adalah seperti berikut :-

Bil.	Perkara	Jumlah Skim	Bil. Unit
1.	Telah ada hakmilik strata	24	18,210
2.	Telah lulus (menunggu pendaftaran hakmilik strata)	9	10,305
3.	Telah mohon strata (menunggu kelulusan)	5	7,256
4.	Belum mohon hakmilik strata	19	18,446
Jumlah Keseluruhan		57	54,217

Kelulusan yang diperolehi bagi permohonan pecah bahagi bangunan sehingga tahun 2014 adalah berjumlah 28,515 unit sebagaimana yang dipaparkan pada Carta 1.1 dan Carta 1.2 di bawah:-



Carta 1.1 : Pecahan dan peratusan permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab JPPH, DBKL sehingga tahun 2014.



Carta 1.2 : Jumlah kelulusan hakmilik strata yang telah diperolehi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari tahun 1998 sehingga tahun 2014.

13.0 BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK

Bahagian Pengurusan Projek, JPPH bertanggungjawab menyelaras penyediaan hal ehwal tanah dan penilaian bagi projek-projek penswastan dan pembangunan sosio-ekonomi DBKL.

Projek Penswastan

JPPH bertanggungjawab menyelaras projek-projek penswastan DBKL dari segi penilaian tanah merangkumi aspek berkaitan pulangan & daya maju sesebuah projek. Penyelaras dibuat di peringkat Jabatan bersama Bahagian Penswastan dan Usahasama, Jabatan Perancangan Ekonomi & Penyelaras Pembangunan, DBKL.

Penilaian tanah yang disediakan bagi projek penswastan DBKL adalah merupakan penilaian awal untuk tujuan perbincangan di peringkat Jabatan. Penilaian dimuktamadkan setelah dirujuk kepada Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia yang menyediakan laporan penilaian.

Projek Pembangunan Sosio-Ekonomi

JPPH bertanggungjawab menyelaras projek-projek sosio-ekonomi DBKL dari segi penilaian kadar sewa dan membantu dalam mengenalpasti / membekalkan maklumat tanah bagi tapak cadangan projek sosio-ekonomi yang terlibat. Penyelaras dibuat di peringkat Jabatan bersama Jabatan Perancangan Ekonomi & Penyelaras Pembangunan (Bahagian Pembangunan) dan Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan.


Penilaian yang disediakan bagi projek sosio-ekonomi DBKL adalah merupakan penilaian kadar sewa untuk tujuan perbincangan di peringkat Jabatan. Antara penilaian kadar sewa yang telah disediakan oleh Jabatan ini pada tahun 2014 adalah seperti berikut :-



Bil.	Perkara	Tarikh Nilaian	Nilai Pasaran / Kadar Sewa
1.	Penilaian Kadar Sewa 2 Nos Restoran, 4 Nos Gerai Makanan Dalam Bangunan Tempat Letak Kereta Bertingkat Bukit Aman, 1 Nos Gerai Cenderahati Dan 2 Nos Kafeteria Di Bangunan Pusat Informasi, 10 Nos Gerai Jualan Orkid Di Bazar Orkid Tempat Letak Kereta Gazebo Serta 2 Nos Gerai Sediada Dalam Taman Botani Perdana Kuala Lumpur.	30.4.2014	<p><u>KADAR SEWA</u></p> <p><u>Bgn. Pusat Informasi :</u> - Kafe (2 unit) : RM8,400 sebulan</p> <p><u>Bgn. TLK Bertingkat Bukit Aman :</u> - Gerai (4 unit) : RM5,600 sebulan - Restoran (1 unit) : RM9,100 /bulan - Restoran (1 unit) : RM9,600 /bulan</p> <p><u>Bazaar Orkid :</u> - Gerai Jualan Orkid (10 unit) : RM5,000 sebulan</p>
2.	Penilaian kadar sewa bangunan termasuk tempat letak kereta di Pines Bazaar, Brickfields, Kuala Lumpur.	30.4.2014	<p><u>KADAR SEWA</u></p> <p><u>Tingkat Bawah :</u> - Gerai (12 unit) : RM19,800 sebulan</p> <p><u>Tingkat 1 :</u> - Gerai (13 unit) : RM16,900 sebulan - Gerai (1 unit) : RM1,100 sebulan - Gerai (2 unit) : RM3,000 sebulan</p>

14.0 BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR (COB)

Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COB) adalah merupakan satu badan kawalselia yang diwujudkan sehubungan dengan penguatkuasaan suatu Akta di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 (Penyenggaraan dan Pengurusan) (Akta 663) yang telah mula berkuatkuasa mulai 12 April 2007 termasuk Bahagian VI dan VII Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318).




Visi, Misi dan Objektif



Fungsi Pesuruhjaya Bangunan


Skop dan tugas Pesuruhjaya Bangunan adalah untuk melaksanakan pentadbiran peruntukan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan Bahagian VI dan VII Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) serta tugas-tugas lain yang berkuatkuasa di bawah Akta Hakmilik Strata 1985.



Pengurusan Pesuruhjaya Bangunan

Bagi membolehkan Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur melaksanakan fungsi-fungsi dengan lebih berkesan, Bahagian COB dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu:-

1. Khidmat Nasihat, Pemantauan Pengurusan & Penyenggaraan Strata.
2. Khidmat Nasihat Perundangan.
3. Khidmat Nasihat & Kawalselia Teknikal.
4. Khidmat Nasihat & Kawalselia Perakaunan.
5. Pentadbiran & Statistik.



Data Bangunan Berstrata Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pemilik bangunan berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang pada masa kini terdapat lebih daripada **400,000** unit petak strata dengan anggaran jumlah penghuni seramai **1.2 juta** orang. Terdapat **5,452** kawasan pemajuan berstrata, yang mana **615** daripadanya adalah pemaju, **759** telah menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB), **2,821** daripadanya telah menubuhkan MC dan selebihnya **1,257** tidak dapat dikenal pasti. Status pengurusan bangunan tersebut tidak dapat dikenal pasti kerana terdiri daripada bangunan-bangunan lama seperti flat lima tingkat dan bangunan kedai lama yang telah tiada pemaju dan pihak pengurusan.

DATA BANGUNAN BERSTRATA BERDASARKAN KAWASAN PEMAJUAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

STATUS PENGURUSAN	JUMLAH KAWASAN PEMAJUAN
PEMAJU	615 (11%)
BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB)	759 (14%)
PERBADANAN PENGURUSAN (MC)	2,821 (52%)
LAIN-LAIN	1,257 (23%)
JUMLAH	5,452 (100%)



Aduan Awam

Dalam melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur, Bahagian COB bertanggungjawab mengawal selia dan memantau pengurusan dan penyenggaraan bangunan bertingkat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehubungan itu, pelbagai jenis aduan diterima daripada orang awam khususnya pemilik petak, Badan Pengurusan Bersama serta Perbadanan Pengurusan dan juga Pemaju. Aduan ini antaranya berkisar kepada pengurusan dan penyelenggaraan bangunan serta harta bersama bagi bangunan berstrata tersebut. Walaubagaimanapun, bagi memudahkan pemantauan, aduan-aduan ini dikelaskan dan Kerosakan, Isu Kewangan, Khidmat Nasihat dan Penguatkuasaan.

Statistik aduan ini juga akan dikemukakan kepada Cawangan Pengurusan Strata, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) seperti berikut:-

Bil.	Aduan Awam	Jumlah Diterima
1.	Mesyuarat	1,225
2.	Pentadbiran dan Pengurusan	923
3.	Penyenggaraan dan Kerosakan	372
4.	Isu Kewangan	616
5.	Khidmat Nasihat	406
6.	Penguatkuasaan COB	487
7.	Lain-lain (penubuhan JMB/MC, penyalahgunaan harta bersama, kecurian kabel, deposit air/elektrik)	1,253
8.	“Walk-In” & Telefon	1,500
Jumlah Keseluruhan Tahun 2014		6,782

Jadual 1: Statistik Aduan Berkaitan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318).

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) telah diwartakan pada 8 Februari 2013 bagi menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663). Seksyen 150, Akta 757 telah memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membuat peraturan-peraturan bagi suai manfaat dan perjalanan peruntukan akta dengan baik selepas berunding dengan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT).

Akta 757 diwujudkan sebagai sumber perundangan utama dan memastikan keseragaman undang-undang berkaitan penyenggaraan dan pengurusan bangunan berstrata serta harta bersama. Akta ini juga bertujuan untuk mengurangkan beban dan tanggungjawab PBN untuk mendengar rayuan dari mana-mana orang atau badan yang terkilan dengan apa-apa perbuatan atau keputusan Pesuruhjaya Bangunan selaras dengan Seksyen 41 Akta 663. Akta 757 akan berkuatkuasa pada tarikh yang akan diwartakan.

Aktiviti Bahagian Pesuruhjaya Bangunan

i. Program Anjuran Sektor COB

Sebanyak sepuluh (10) sesi latihan yang merangkumi seminar, bengkel dan kursus berkaitan Pengurusan Bangunan Berstrata telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014.

Bil	Perkara	Tarikh	Kumpulan Sasaran/Peserta
1.	Kursus Lanjutan Pemantauan dan Penguatkuasaan (Kertas Siasatan) 2014.	21/2/2014 (Jumaat)	- Pegawai dan kakitangan COB
2.	Kursus Penulisan Notis Dan Etika Mahkamah 2014	14/3/2013 (Jumaat)	- Pegawai dan kakitangan COB
3.	Kursus Pengurusan Strata 2014	21/5/2014 (Rabu) -Siri 1	- Pegawai dan Kakitangan DBKL dari Jabatan yang berkaitan - Wakil JMB/MC dari bangunan berstrata di WPKL
		13/8/2014 (Rabu)-Siri 2	
4.	Kursus Penyenggaraan Bangunan Berstrata 2014 (2 Siri)	22/5/2014 (Khamis)-Siri 1 14 Ogos 2014 (Khamis) - Siri	- Pegawai dan Kakitangan DBKL dari Jabatan yang berkaitan - Wakil JMB/MC dari bangunan berstrata di WPKL
		14/8/2014 (Khamis)-Siri 2	
5.	Bengkel Soalan Lazim (FAQ) dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)	19/8/2014 (Selasa)	- Pegawai dan kakitangan COB. - Wakil COB dari beberapa Pihak Berkuasa Tempatan lain
6.	Bengkel Pemahaman, Pemantapan dan Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)	26/6/2014 (Khamis)	- Pegawai dan kakitangan COB. - Wakil COB dari beberapa Pihak Berkuasa Tempatan lain
		18/8/2014 (Isnin)	
		19/8/2014 (Selasa)	
7.	Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata 2014	15/10/2014	- Pegawai dan Kakitangan DBKL dari Jabatan yang berkaitan - Wakil COB dari beberapa Pihak Berkuasa Tempatan lain - Wakil JMB/MC dari bangunan berstrata di WPKL

Jadual 2: Program Anjuran Sektor COB bagi tahun 2014

ii. Garis Panduan Tatacara Mengendalikan Mesyuarat Agung

Sektor COB telah mengambil inisiatif menghasilkan Garis Panduan “Tatacara Ringkas Mengendalikan Mesyuarat Agung Berdasarkan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)” yang bertujuan untuk memberikan panduan kepada Pemaju/JMB/MC berkenaan pengendalian Mesyuarat Agung yang betul dan teratur berdasarkan peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Garis Panduan ini telah dibincangkan di dalam Bengkel Pemahaman, Pemantapan dan Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strat 2013 (Akta 757) yang telah diadakan di Institut Latihan DBKL pada 18 & 19 Ogos 2014 (Isnin & Selasa). Garis panduan ini disempurnakan dalam bentuk *pamphlet* dan telah dilancarkan pada 15.10.2014 oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur semasa Seminar Pengurusan Bangunan Bertingkat 2014.



iii. Soalan-Soalan Lazim

Sektor COB juga telah menyediakan satu set risalah “Soalan-soalan Lazim Berdasarkan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)” yang mengandungi soalan - soalan lazim (*FAQ*) yang sering diajukan kepada Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur. Risalah atau *Pamphlet* ini dihasilkan bertujuan untuk memberi gambaran jelas mengenai jawapan – jawapan yang sesuai diberikan dalam menjawab aduan awam selaras dengan peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan juga akta – akta lain yang berkaitan. Wakil-wakil COB daripada Pihak Berkuasa Tempatan turut memberi sumbangan terhadap penyediaan risalah tersebut melalui bengkel khas yang dianjurkan oleh pihak COB KL.

JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) bertanggungjawab merancang keperluan guna tenaga kerja, perantaraan dan penempatan kakitangan, perkhidmatan, kemudahan untuk kakitangan, penilaian kompetensi, pengurusan prestasi serta pembangunan modal insan. Selain daripada itu, Jabatan meningkatkan pelaksanaan budaya inovasi, integriti dan akauntabiliti serta menguruskan hal ehwal kebajikan dan kaunseling.

1.0 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2014

- 1.1 Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
 Peruntukan : RM 25,894,700.00
 Perbelanjaan : RM 19,883,072.71
- 1.2 Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
 Peruntukan : RM 10,320,100.00
 Perbelanjaan : RM 8,349,193.84

2.0 PERJAWATAN

2.1 Kedudukan Perjawatan

Jadual 1: Kedudukan Perjawatan Tetap Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJ	ISI	KOSONG
1.	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	17	17	-
2.	Kumpulan Pengurusan Profesional	562	529	33
3.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan B)	804	755	49
4.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C)	4,159	4,038	121
5.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D)	410	383	27
6.	Kumpulan Sokongan II (IMG)	3,623	3,325	298
JUMLAH		9,575	9,047	528

Jadual 2: Kedudukan Perjawatan Kontrak mengikut kumpulan perkhidmatan bagi Tahun 2014

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJ	ISI	KOSONG
1.	Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Jawatan Fleksi)	-	-	-
2.	Kumpulan Pengurusan Profesional	174	25	149
3.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan B)	423	180	243
4.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C)	1,093	341	752
5.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D)	988	502	486
6.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan IMG)	389	77	312
JUMLAH		3,067	1,125	1,942

Jadual 3: Statistik Pengambilan Mengikut Kumpulan Perkhidmatan Tahun 2014

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TETAP	KONTRAK	PSH
1.	Pengurusan & Profesional	35	44	0
2.	Sokongan I (Kumpulan B)	41	60	13
3.	Sokongan I (Kumpulan C)	115	306	169
4.	Sokongan II (Kumpulan D)	0	105	0
5.	IMG	0	0	0
JUMLAH		191	515	182
JUMLAH KESELURUHAN		888		

2.2 Iklan Jawatan Kosong Tahun 2014

Sehingga Disember 2014, Jabatan telah mengiklankan sebanyak 41 kekosongan pelbagai jawatan (tetap dan kontrak) dalam suratkhbar utama dan portal DBKL. Manakala bagi perjawatan pekerja sambilan harian (PSH) pelbagai skim perkhidmatan, iklan hanya dibuat melalui portal DBKL bagi mengurangkan kos pengambilan kakitangan.

3.0. PERANCANGAN ORGANISASI

3.1. Kajian Semula Penstrukturan DBKL Oleh KPMG

Selepas penyusunan semula organisasi DBKL pada tahun 2011, pentadbiran DBKL telah bersetuju melaksanakan satu kajian semula penstrukturan DBKL dalam usaha untuk memantapkan lagi peranan dan fungsi DBKL menjelang tahun 2020 bagi memenuhi ekspektasi masyarakat dan saingan di peringkat global.

Kajian semula struktur dan fungsi DBKL ini dilaksanakan secara professional iaitu dengan melantik Juruperunding KPMG Management & Consultancy Sdn. Bhd. pada bulan Oktober 2013 supaya hasil kajian memberi manfaat yang berkesan.

Dalam tempoh kajian, pihak juruperunding telah melaksanakan pelbagai program yang melibatkan pegawai dan kakitangan DBKL dan wargakota bagi mendapatkan sumber maklumat yang lebih terperinci berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan perkhidmatan DBKL.

Jadual 4: Program yang dilaksanakan oleh KPMG

KAJIAN SEMULA PENSTRUKTURAN DBKL OLEH KPMG	
<p>i) Taklimat Bagi Kajian Soal Selidik Tarikh : Wargakota / Persatuan : 1 Mac 2014 Kakitangan DBKL : 17 – 19 Mac 2014 Lokasi : IDB</p>	
<p>ii) Temubual Focused Group Tarikh : MPT : 4 – 12 November 2013 Kumpulan PNP : 21 dan 22 April 2014 Kumpulan Sokongan : 17 dan 18 April 2014 Lokasi :- Menara DBKL 1,2 dan 3</p>	
<p>iii) Retreat Penyediaan Laporan Akhir Tarikh : 27 – 30 Mei 2014 Lokasi : Pullman Hotel, Putrajaya Perasmian oleh : Datuk Bandar Kuala Lumpur Tetamu : Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) MAMPU, REDHA</p>	

Kajian semula penstrukturan DBKL dalam peringkat akhir kajian oleh Juruperunding dan setelah kajian lengkap dan disahkan ianya akan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia untuk pertimbangan dan kelulusan.

3.2. Pengauditan Perjawatan

Audit perjawatan DBKL dilaksanakan bertujuan untuk melihat dan mengenalpasti penggunaan sumber tenaga manusia yang optimum dari segi peningkatan keberkesanan dan kecekapan sumber tenaga manusia, membantu meningkatkan kemajuan dan prestasi kerja serta keseimbangan penagihan tugas. Sepanjang tahun 2014, JPMS telah melaksanakan audit perjawatan ke atas empat (4) Skim Perkhidmatan seperti berikut :

- i) Perjawatan di premis kemudahan sukan Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Sukan (JKKS);
- ii) Pegawai Penerangan;
- iii) Pekerja Sambilan Harian (PSH) di JPPH; dan
- iv) Juruukur Bangunan / Tanah

3.3 Penambahbaikan 81 Skim Perkhidmatan

Kerajaan telah meluluskan penambahbaikan 81 skim perkhidmatan pada bulan Julai 2013 bertujuan untuk menaiktaraf perjawatan kakitangan kerajaan. Skim yang dinaiktaraf melibatkan 41 skim di DBKL. Bagi tujuan memberi pemahaman dan kesedaran kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat, satu taklimat telah diadakan pada bulan Februari 2014 yang disampaikan oleh Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu Encik Abu Bakar bin Idris dan Pegawai daripada JPSM sebelum opsyen dikeluarkan.

4.0. KEBAJIKAN DAN KAUNSELING

4.1 Bantuan Kebajikan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memperuntukkan RM 1.5 juta untuk bantuan Kebajikan kepada kakitangan dan keluarga kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ia bertujuan bagi meringankan bebanan yang dihadapi, merakamkan simpati dan termasuk juga penghargaan kepada kakitangan.

Jadual 5: Bantuan Kebajikan kepada kakitangan Tahun 2014

BIL	JENIS BANTUAN	JUMLAH YANG MENERIMA SUMBANGAN
1.	Saguhati kelahiran cahaya mata	328
2.	Ziarah kakitangan sakit (sumbangan hamper)	30
3.	Bantuan sakit – kakitangan (tinggal di wad)	44
4.	Bantuan sakit- ahli keluarga kaki tangan (tinggal di wad)	5
5.	Bantuan kemalangan-kakitangan (cuti sakit)	49
6.	Bantuan kemalangan-ahli keluarga kakitangan (cuti sakit)	-
7.	Bantuan kematian-kakitangan	41
8.	Bantuan kematian-ahli keluarga kakitangan	232
9.	Bantuan Bencana Alam	2
JUMLAH		731

4.2 Bayaran Pampasan Bencana Kerja Dan Insurans Kelompok

Kemudahan insurans dan bayaran bencana kerja disediakan kepada kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui Skim Insurans Kelompok dan Bayaran Pampasan Ex-Gratia. Pampasan Insurans dan Bencana Kerja yang diuruskan adalah seperti berikut :

(i) Skim Bayaran Pampasan Ex-Gratia

Skim ini diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Pekeliling Perbendaharaan WP 6.2/2013 dan WP 6.3/2013 dan turut digunapakai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Skim ini merupakan bayaran bencana kerja kepada kakitangan awam bertaraf Tetap, Sementara dan Kontrak yang mendapat kemalangan atau kecederaan semasa menjalankan tugas rasmi.

Jadual 6: Statistik kakitangan DBKL yang mendapat faedah dari Skim Bayaran Pampasan Ex-Gratia

BIL	JENIS PAMPASAN	JUMLAH YANG MENERIMA SUMBANGAN
1.	Kematian	2
2.	Hilang Upaya Kekal	-
3.	Kecederaan Lain	-
JUMLAH		2

(ii) Skim Insurans Kelompok

Kemudahan yang disediakan oleh pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada kakitangan bagi kes-kes yang melibatkan kematian, kemalangan dan hilang upaya kekal. Insurans yang disediakan ialah Great Eastern Life Insurance dan Takaful Ikhlas. Skim Great Eastern Life Insurance merupakan penyertaan secara sukarela oleh kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang berminat manakala Skim Takaful Ikhlas adalah komitmen pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada kakitangan melalui potongan gaji (RM 2.00 dibayar oleh DBKL dan RM 2.00 dibayar oleh kakitangan). Semua kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur diwajibkan mencarum di bawah Skim Takaful Ikhlas.

Jadual 7: Statistik Tuntutan Skim Insuran kelompok tahun 2014

BIL	JENIS PAMPASAN	GREAT EASTERN LIFE	TAKAFUL IKHLAS
1.	Kematian	12	6
2.	Hilang Upaya Kekal	3	2
3.	Elaun Duduk Wad	34	42
4.	Pembelian Peralatan Perubatan	-	16
5.	Kes Ragut	-	1
JUMLAH		49	67

4.3 Perkhidmatan Kaunseling Tahun 2014

Jadual 8 : Statistik Perkhidmatan Kaunseling Tahun 2014

BIL	JENIS PERKHIDMATAN	KAKITANGAN YANG TERLIBAT
1.	Kaunseling Individu	8
2.	Kaunseling Kelompok	-
JUMLAH		8

4.4 Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Jabatan ini telah melaksanakan 4 siri Mesyuarat seperti ketetapan dan peraturan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Melalui mesyuarat tersebut, pihak Kesatuan Sekerja DBKL mengemukakan isu, masalah dan pandangan kepada pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenai hal ehwal perkhidmatan dan kebajikan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Selain itu, mesyuarat tersebut juga menjadi platform kepada Kesatuan Sekerja DBKL untuk bertemu dan berbincang dengan pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Jadual 9: Tarikh mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Tahun 2014

BIL	TARIKH MESYUARAT	TEMPAT
1.	31 Mac 2014	Bilik Lembaga, Menara DBKL 1
2.	3 Julai 2014	Bilik Lembaga, Menara DBKL 1
3.	22 November 2014	Hotel JW Marriot, Surabaya, Indonesia
4.	28 Disember 2014	Bilik Lembaga, Menara DBKL 1

5.0. PENGURUSAN MAKLUMAT PERSONEL

5.1. Buku Perkhidmatan

KPI 2014 JPSM berkaitan Buku Perkhidmatan adalah "Penurunan Buku Perkhidmatan kepada Jabatan Perintis". Sebanyak 2 Jabatan telah dipilih sebagai jabatan perintis iaitu Jabatan Pengangkutan Bandar serta Jabatan Pelesenan & Pengurusan Penjaja.

5.2. Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (*Human Resource Management Information System – HRMIS*)

Objektif Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) adalah untuk membolehkan perancangan tenaga kerja dan penentuan saiz perkhidmatan awam yang berkesan melalui maklumat Pengurusan

Sumber Manusia (PSM) yang lebih lengkap dan mengautomatiskan proses-proses operasi PSM. Pelaksanaan HRMIS secara menyeluruh dalam sektor awam akan dapat memberi faedah khususnya dalam aspek-aspek berikut :

- i. *Electronic Guarantee Letter (eGL)* – Pelaksanaan penggunaan surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai secara *online* (eGL) di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui aplikasi HRMIS;
- ii. Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) – Ia merupakan satu *tools* bagi memudahkan capaian kepada sesuatu maklumat dalam bentuk laporan;
- iii. Pangkalan Data PSM Yang Berpusat – Maklumat Rekod Peribadi serta Perisytiharan Harta boleh dicapai sekiranya Pemilik Kompetensi (CO) bertukar dari satu agensi kerajaan ke agensi kerajaan lain;
- iv. Integrasi dengan Sistem POWER (Jabatan Perkhidmatan Awam – JPA) – Untuk urusan persaraan.

6.0. INTEGRITI DAN TATATERTIB

Unit Integriti menjalankan enam (6) fungsi utama iaitu :

- **Tadbir Urus** - Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan
- **Pengukuhan Integriti** - Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi ;
- **Siasatan dan Risikan :-**
 - i) Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
 - ii) Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
- **Pengurusan Aduan** - Menerima mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
- **Pematuhan** - Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa ;dan
- **Tatatertib** - Melaksanakan fungsi urusetia Lembaga Tatatertib.

6.1. Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)

Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia bertarikh 20 November 2009 bertajuk Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) bagi menggantikan Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan Pasukan Petugas Mengurangkan Karenah Birokrasi (JKP & PPMKB) yang baru. Mesyuarat ini diadakan sekali dalam masa empat bulan iaitu bulan Januari, Mei dan September setiap tahun di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan peringkat DBKL.

Mesyuarat JKJU DBKL telah di pengerusikan oleh Datuk Ketua Pengarah DBKL. Mesyuarat JKJU Peringkat DBKL telah diadakan sebanyak tiga kali pada tahun 2014.

6.2 Program Ceramah Pemantapan Integriti Dan Cabaran Menangani Jenayah Rasuah

Program ini diadakan adalah untuk membantu memberi kesedaran, pengetahuan dan pemahaman kepada warga kerja DBKL terutamanya Pegawai dan kakitangan di DBKL agar menghindarkan diri dari jenayah rasuah dan mempertingkatkan dan memperbudayakan amalan integriti dalam kerja dan kehidupan harian. Disamping itu juga, ia memberi kesedaran kepada Pegawai/ kakitangan terutama kepada Pegawai/ kakitangan yang melakukan kesalahan/ melanggar peraturan tatatertib.

6.3 Lawatan Ke Jabatan Penjara Malaysia

Lawatan diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada Pegawai / kakitangan DBKL supaya sentiasa berkelakuan baik dan mengamalkan nilai-nilai murni dan memperkukuhkan integriti. Ia juga memberi pendedahan kepada Pegawai/ kakitangan DBKL berkaitan kehidupan warga penjara sepanjang mereka berada di dalam tahanan.

Di dalam lawatan berkenaan, peserta juga telah diberi penerangan tentang jenis kesalahan, hukuman dan sebagainya. Pihak Jabatan Penjara Malaysia juga memaklumkan di Penjara Lelaki dan Wanita berkenaan terdapat 4986 orang pesalah yang menjalani hukuman dan angka ini akan berubah dari semasa ke semasa. Peserta juga dibawa melawat ke kawasan sekitar di dalam penjara dan melihat sendiri aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pesalah seperti mencanting batik, membuat kuih-muih, pertukangan, jahitan dan sebagainya.

6.4 Program Ceramah 'Pemantapan Integriti Dan Cabaran Menangani Jenayah Rasuah

Program ini diadakan adalah untuk membantu memberi kesedaran, pengetahuan dan pemahaman kepada warga kerja DBKL terutamanya Pegawai dan kakitangan di DBKL agar menghindarkan diri dari jenayah rasuah dan mempertingkatkan dan memperbudayakan amalan integriti dalam kerja dan kehidupan harian. Disamping itu juga, ia memberi kesedaran kepada Pegawai/ kakitangan terutama kepada Pegawai/ kakitangan yang melakukan kesalahan/ melanggar peraturan tatatertib.

6.5 Lawatan Ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Program ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan kepada kakitangan dan pendidikan kepada warga DBKL tentang fungsi, matlamat dan objektif Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memerangi rasuah di peringkat masyarakat Malaysia.

6.6 Lawatan Ke Institut Integriti Malaysia (IIM)

Program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada pegawai/ kakitangan DBKL tentang fungsi, matlamat dan objektif Institut Integriti Malaysia dalam mendidik masyarakat untuk membudayakan integriti dalam kehidupan seharian.

6.7 Program Ceramah Pengkisahan Tirai Besi

Program ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan keinsafan di dalam diri setiap pegawai / kakitangan DBKL supaya sentiasa berkelakuan baik dan mengamalkan nilai-nilai murni dan memperkukuhkan integriti. Disamping itu juga, ia memberi kesedaran kepada Pegawai / kakitangan terutama kepada Pegawai / Kakitangan yang melakukan kesalahan / melanggar peraturan dan undang-undang.

6.8 Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah “Corruption Risk Management (CRM)”

Bengkel ini diadakan adalah untuk mengenalpasti kelemahan yang wujud dalam organisasi dan terdedah kepada ruang dan peluang rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan serta kelemahan pengurusan. Selain itu, bengkel ini juga ingin mengemukakan Pelan Tindakan yang dihasiikan melalui bengkel kepada Pengurusan Tertinggi untuk pelaksanaan

Jadual 13 : Program dan Aktiviti yang Dilaksanakan Oleh Unit Integriti Tahun 2014

BIL	PROGRAM	JUMLAH SIRI	TARIKH	KEHADIRAN	TEMPAT
1.	Program Ceramah Pemantapan Integriti Dan Cabaran Menangani Jenayah Rasuah	4	6 November 2014 27 November 2014 2 Disember 2014 11 Disember 2014	39 36 40 41	Bilik Anggerik Menara DBKL 2
2.	Lawatan Ke Jabatan Penjara Malaysia	2	19 April 2014 30 Oktober 2014	34 31	Penjara Kajang Jabatan Penjara Malaysia
3.	Program Ceramah ‘Pemantapan Integriti Dan Cabaran Menangani Jenayah Rasuah	4	6 November 2014 27 November 2014 2 Disember 2014 11 Disember 2014	39 36 40 41	Bilik Anggerik Tingkat 5, Menara DBKL 2
4.	Program Ceramah Motivasi Muzikal Akustika ‘Mewah Rasuah Maruah Punnah’ Oleh Penceramah Bergitar SPRM	1	10 Jun 2014	222	Dewan Perdana Mestika , Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
5.	Lawatan Ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3	23 April 2014 20 Ogos 2014 29 Oktober 2014	35 28 25	SPRM Putrajaya
6.	Lawatan Ke Institut Integriti Malaysia (IIM)	2	15 Mei 2014 11 November 2014	30 22	Institut Integriti Malaysia (IIM) Jalan Duta
7.	Program Ceramah Pengkisahan Tirai Besi	3	2 Oktober 2014 13 November 2014 4 Disember 2014	69 85 79	Bilik Orked, Perpustakaan Kuala Lumpur
8.	Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah “Corruption Risk Management (Crm)”	1	2-4 September 2014	28	Hotel Melia, Kuala Lumpur

**PROGRAM CERAMAH MOTIVASI MUZIKAL AKUSTIKA
'MEWAH RASUAH MARUAH PUNAH' OLEH PENCERAMAH BERGITAR SPRM**



PROGRAM CERAMAH 'PEMANTAPAN INTEGRITI DAN CABARAN MENANGANI JENAYAH RASUAH



LAWATAN KE SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)



7.0. KEMUDAHAN DAN PERSARAAN

Statistik Pinjaman / Biasiswa

BIL	JENIS PINJAMAN	JUMLAH	JUMLAH PINJAMAN / PEMBIAYAAN (RM)
1.	Perumahan	117	13,873,854.00
2.	Kenderaan	43	466,300.00
3.	Komputer	30	141,300.00
4.	Pinjaman Pelajaran Datuk Bandar (untuk anak kakitangan)	13	194,000.00
5.	Biasiswa Datuk Bandar (untuk kakitangan)	17	654,139.00

Statistik Pembayaran Gantian Cuti Rehat (GCR)

BIL	KATEGORI	JUMLAH	JUMLAH PEMBAYARAN (RM)
1.	Kakitangan Tetap (Persaraan)	326	700,494.59
2.	Kakitangan Kontrak (Tamat Kontrak)	191	98,063.09
3.	Kakitangan Meninggal Dunia	28	181,635.23
	JUMLAH KESELURUHAN	545	980,192.91

Statistik Tunggakan Pinjaman

BIL	JENIS PINJAMAN / TUNTUTAN	BAKI PINJAMAN 1.1.2014		KUTIPAN TUNGGAKAN SEHINGGA 31.12.2014 (DALAM TEMPOH)		BAKI PINJAMAN 31.12.2014		
		BIL. AKAUN	JUMLAH (RM)	BIL. AKAUN	JUMLAH (RM)	% KUTIPAN	BIL. AKAUN	JUMLAH (RM)
1	Skim Pinjaman Pelajaran Datuk Bandar	28	319,995.05	11	30,530.00	9.54%	28	289,465.05
2	Gantirugi Ikatan Kontrak Perkhidmatan	5	39,864.61	4	9,800.00	24.58%	5	30,064.61
3	Pinjaman Kenderaan	7	13,245.53	6	7,896.56	59.62%	7	5,348.97
4	Pinjaman Komputer	9	16,656.95	6	4,921.74	29.55%	9	11,735.21
	JUMLAH KESELURUHAN	49	389,762.14	27	53,148.30	13.64%	49	336,613.84

7.1. PROGRAM – PROGRAM YANG DIJALANKAN OLEH UNIT KEMUDAHAN DAN PERSARAAN TAHUN 2014

i) **Majlis Meraikan Pesara – Pesara DBKL**

Diadakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2014 bagi meraikan pesara – pesara dan waris yang telah meninggal dunia dalam perkhidmatan pada tahun 2013 hingga Mei 2014.

SEKITAR MAJLIS MERAIKAN PESARA-PESARA DBKL



8.0. PRESTASI DAN KENAIKAN PANGKAT

8.1. **Kedudukan Perjawatan Kenaikan Pangkat**

Selaras dengan kelulusan Penstrukturan Semula Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kedudukan perjawatan kenaikan pangkat di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengikut kumpulan perkhidmatan bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

Jadual 25: Kedudukan Perjawatan Kenaikan Pangkat Tahun 2014

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJ	ISI	KOS
1.	Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	342	323	19
2.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan B)	245	236	9
3.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C)	345	338	7
4.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D & IMG)	232	196	36
	JUMLAH KESELURUHAN	1,164	1,093	71

8.2 **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2013 Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama Agensi**

Diadakan pada 1 April 2014 (Selasa) bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya. Seramai 803 orang pegawai dan kakitangan DBKL telah dipilih untuk menerima APC.

9.0 PENTADBIRAN, RUMAH REHAT, KUARTERS

Unit Pentadbiran, JPSM bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan jabatan dan menguruskan kemudahan kuarters, rumah sewa kakitangan dan rumah rehat DBKL.

9.1 Kuarters dan Rumah Sewa Kakitangan

Kuarters dan Rumah Sewa Kakitangan DBKL diuruskan di bawah Unit Pentadbiran, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), DBKL. Perkhidmatan pembersihan kuarters diuruskan oleh JPSM, manakala penyelenggaraannya diselenggarakan oleh Unit Pengurusan Bangunan (UPB), Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan, DBKL.

Senarai 270 Unit Kuarters di 23 Kawasan

BIL	LOKASI	JENIS KEDIAMAN/ BILANGAN BILIK	STATUS PENGHUNI	JUMLAH UNIT
1	Jalan Changkat Tunku, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur	Banglo (5-6 Bilik)	A Ke Atas	11
2	Bandar Tun Razak Cheras, 56000 Kuala Lumpur	Teres 2 Tingkat (4 Bilik)	A	1
3	Jalan Pantai Murni 5, Pantai Dalam, 59200 Kuala Lumpur	Teres 2 Tingkat (4 Bilik)	A	15
4	Jalan Ibu Kota 3, Taman Ibu Kota, 53100 Kuala Lumpur	Teres 1 Tingkat (3 Bilik)	A	1
5	Villa Laman Tasik, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Cheras, Kuala Lumpur	Town House (3 Bilik)	A	1
6	Menara City One, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A	1
7	Kondominium Gurney Height, Jalan Bukit Keramat, 54000 Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A/B	14
8	Pangsa Murni, Seksyen 6, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A/B	11
9	Kondominium Bandar Manjalara, Jalan 1/62B, Bandar Manjalara, 52200 Kepong, Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A/B	20
10	Jalan 5/106 Vista Tasik, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Cheras, Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A	4
11	Plaza 393 Jalan Shelley Off Jalan Peel, 55100 Kuala Lumpur	Kondominium (3 Bilik)	A/B	10

12	Kuarters DBKL Pantai Permai, Jalan Pantai Permai, Pantai Dalam, 59000 Kuala Lumpur	Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik)	A/B	20
13	Blok 3B Nova II, Jalan 34/38A, Taman Sri Sinar Segambut 51200 Kuala Lumpur	Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik)	B	2
14	Jalan 5/22A, Pangsapuri Melati, Taman Melati, 53000 Kuala Lumpur	Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik)	B	2
15	Batu 2 ½ Cheras, Jalan 3/93A, 56000 Kuala Lumpur	Pangsapuri/ Apartment (3 Bilik)	C/D	72
16	Taman Salak Jaya, Off Jalan Sungai Besi	Teres 1 Tingkat (3 Bilik)	C	2
17	Bandar Tun Razak Cheras, 56000 Kuala Lumpur	Teres 1 Tingkat (3 Bilik)	B/C	2
18	Jalan Sentul, Sentul, 51000 Kuala Lumpur	Rumah Berkembar (3 Bilik)	C	10
19	Jalan Semarak, 54000 Kuala Lumpur	Rumah Berkembar (3 Bilik)	C	10
20	Pekan Kepong, Jalan 3/34A, 52100 Kepong, Kuala Lumpur	Town House (2 Bilik)	B/C/D	48
21	Klinik Ibu Mengandung dan Kanak-Kanak Taman Tun Dr. Ismail, Jalan Tun Mohd Fuad, 60000 Kuala Lumpur	Rumah Berkembar (2 Bilik)	D	2
22	Perkuburan Cheras, Batu 4 Cheras, 56100 Kuala Lumpur	Rumah Berkembar (2 Bilik)	D	1
23	Jalan Semarak, 54000 Kuala Lumpur	Rumah Berkembar (2 Bilik)	C	10
JUMLAH UNIT KESELURUHAN				270

9.2 Rumah Sewa Kakitangan

Pentadbiran DBKL juga telah memutuskan agar kuarters DBKL yang boleh dikategorikan sebagai sama dengan perumahan awam kos rendah termasuk saiz yang tidak melebihi 650 kaki persegi, ditukar status kepada Rumah Sewa Kakitangan DBKL berkuatkuasa pada 1 Mac 2013 yang lalu dengan kadar sewa sebanyak RM124.00 sebulan melalui potongan gaji. Pada masa ini terdapat 310 unit Kuarters DBKL yang telah dijadikan sebagai Rumah Sewa Kakitangan DBKL, seperti berikut :

Senarai Rumah Sewa Kakitangan

BIL	LOKASI	JENIS KEDIAMAN/ BILANGAN BILIK	STATUS PENGHUNI	JUMLAH UNIT
1	Blok A1, Seksyen 1 Bandar Baru Wangsa Maju 53000 Kuala Lumpur	Flat (2 Bilik)	C	35
2	Blok C7 Dan C8 , Seksyen 10, Blok A1, Seksyen 1 Bandar Baru Wangsa Maju 53000 Kuala Lumpur	Flat (2 Bilik)	C	80
3	Teratak Muhibbah 2, Taman Desa 58100 Kuala Lumpur	Flat (2 Bilik)	C	44
4	Pantai Permai, Jalan Pantai Permai Pantai Dalam, 59000 Kuala Lumpur	Flat (3 Bilik)	C	90
5	Jalan Semarak, 54000 Kuala Lumpur	Rumah Panjang (2 Bilik)	D	61
JUMLAH UNIT KESELURUHAN				310

9.3 Penyediaan Keperluan Perumahan Kepada Kakitangan

Kajian Keperluan Rumah di Kuala Lumpur Untuk Kakitangan DBKL telah dilaksanakan bermula pada 6 Mei 2014 hingga 16 Mei 2014 yang lalu, seperti berikut :

- i. Kajian dilaksanakan khususnya kepada lebih 4 ribu orang dari keseluruhan 10 ribu kakitangan DBKL yang masih belum mempunyai rumah sendiri di Kuala Lumpur, bagi mengenalpasti kakitangan yang memenuhi kriteria ditetapkan serta untuk mendapatkan keperluan perumahan yang mampu dibeli oleh kakitangan.
- ii. Seramai 4,012 kakitangan dari pelbagai gred telah mengambil bahagian dalam kajian dengan menyatakan hasrat dan keperluan perumahan masing-masing. Dari jumlah tersebut seramai 1,360 kakitangan yang memilih untuk membeli rumah yang tidak melebihi RM 42,000.00.

Statistik Pemohon Mengikut Kategori Rumah Yang Ingin Dibeli

Bil	KATEGORI RUMAH YANG INGIN DIBELI	BERKAHWIN	BUJANG	JUMLAH
1.	KOS RENDAH (Harga tidak melebihi RM42,000 hanya layak untuk kakitangan yang jumlah gaji isi rumah kurang RM2,500 sebulan)	1,063	297	1,360
2.	HARGA RM 50,000 - RM 100,000	1,347	318	1,665
3.	HARGA RM 101,000 - RM 200,000	610	131	741
4.	HARGA RM 201,000 - RM 300,000	174	38	212
5.	HARGA MELEBIHI RM 300,000	25	9	34
JUMLAH KESELURUHAN		3,219	793	4,012

Penjualan Rumah Kepada Kakitangan

BIL	LOKASI	JENIS KEDIAMAN/ SAIZ	BIL. UNIT DITAWARKAN/ HARGA	BIL. K/TGN TELAH TERIMA SURAT TAWARAN	BIL. K/TGN MENOLAK TAWARAN	BAKI UNIT KOSONG	CATATAN
1.	Blok G, Warisan City View, Batu 2 ½ Jalan Cheras	Kos Sederhana Rendah 3 Bilik/2 Bilik Air Bersaiz 758kps - 96 unit tengah, Bersaiz 770kps - 48 unit tepi	144 Unit RM140,000 (Slp diskaun 10,000) RM145,000 (Slp diskaun 10,000)	113	3	34	Baki 34 unit kosong akan ditawarkan kepada calon simpanan yang layak dan telah diluluskan oleh Datuk Bandar
2.	Apartment Abdullah Hukum 1, Jalan Bangsar	Kos Sederhana Rendah 3 Bilik/2 Bilik Air Bersaiz 750kps	9 Unit RM140,000 (Slp diskaun 10,000)	8	1	2	Baki 2 Unit akan ditawarkan kepada kakitangan yang layak
3.	PPR Pinggiran Bukit Jalil II	Kos Rendah 3 Bilik/2 Bilik Air Bersaiz 650kps	632 Unit RM42,000	199	2	435	Baki kekosongan unit telah diiklankan kepada kakitangan DBKL. Senarai nama yang layak telah diluluskan dan akan ditawarkan pembelian rumah kos rendah ini.

9.4 Rumah Rehat Dan Rumah Transit DBKL

Senarai Rumah Rehat

BIL	RUMAH REHAT	BILIK	JUMLAH UNIT
1.	KONDOMINIUM PORT DICKSON	2	4
2.	KONDOMINIUM BUKIT FRAZER	3	8
3.	BANGLO CAMERON HIGHLANDS	8	1
4.	KONDOMINIUM PULAU PINANG	2	2
5.	TERES PULAU PINANG	5	2
6.	KONDOMINIUM PULAU LANGKAWI	3	3
7.	SUMAI APARTMENT HOTEL TEREENGGANU	2/3/4	3
8.	SERI SUASANA DBKL@PD, PORT DICKSON :-		
	Apartment Type A	3	14
	Apartment Type B	2	12
	Apartment Type C	3	2
	Apartment Type D (President Suite)	3	1
	Banglo A	3	1
	Banglo B	7	1
9.	SEMI D TAMAN BAYU PUTERI JOHOR	5	1
	KONDOMINIUM TAMAN NUSA JAYA JOHOR * Dalam pembinaan	7	2
JUMLAH			56

Senarai Rumah Transit

BIL	RUMAH TRANSIT	BILIK	JUMLAH UNIT
1.	KONDOMINIUM JALAN SHELLEY KUALA LUMPUR	3	2
2.	KONDOMINIUM BANDAR MANJALARA	3	1
JUMLAH			3

10.0. INSTITUT LATIHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

10.1. Kursus - Kursus Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2014

Sebanyak **504** kursus telah dijalankan dari Januari sehingga Disember 2014 yang meliputi **9** bidang iaitu Bidang Perancangan Bandar, Maklumat, Arkitek, Bangunan dan Ukur Bahan, Kejuruteraan, Kewangan dan Harta, Perundangan dan Penguatkuasaan, Kesihatan dan Alam Sekitar, Pengurusan dan Landskap & Hortikultur. Jumlah kakitangan yang telah menghadiri kursus ialah 12,295 peserta yang melibatkan kos perbelanjaan sebanyak RM5,171,120.00.

Senarai Kursus Dan Prestasi Kehadiran Peserta Tahun 2014

BIL	BIDANG	BIL KURSUS	JUMLAH KEHADIRAN
1.	Kejuruteraan	56	718
2.	Teknologi Maklumat	50	870
3.	Arkitek Bangunan Dan Ukur Bahan	63	829
4.	Perancangan Bandar	28	444
5.	Pengurusan	97	3,451
6.	Perundangan Dan Peguatuksaan	78	2,821
7.	Landskap Dan Hortikultur	18	383
8.	Kesihatan Dan Alam Sekitar	53	1,577
9.	Kewangan Dan Harta	52	1,189
	Jumlah	504	12,295

Program di bawah "Kuala Lumpur Regional Training Centre (KLRTC), Tahun 2014.

Bil	Kursus	Tarikh	Jumlah Peserta	Kos (RM)
1	KLRTC 28: Urban Planning for City Leaders	22-24 September 2014	22 orang	43,450.00
JUMLAH				43,450.00

Program ini merupakan salah satu program antarabangsa yang dilaksanakan sejak 2003 dengan usahasama Pertubuhan Antarabangsa seperti *Regional Network and Local Authorities For The Management Of Human Settlements* (CITYNET), *Green Purchasing Network Malaysia* (GPNM), *United Nation Human Settlements Program* (UNHABITAT) dan *United Nation Institute For Training And Research* (UNITAR). Sehingga kini sebanyak **1** program telah dianjurkan di bawah program KLRTC dan seramai **22** peserta dari dalam dan luar negara telah mendapat manfaat dengan menyertai program tersebut. Setakat ini program KLRTC telah menjana pendapatan sebanyak **RM 43,450.00**.

Kursus Bimbingan Peperiksaan Perkhidmatan

BIL	KERTAS	BIL HARI	SIRI 1 (3 HARI)	SIRI 2 (3 HARI)	SIRI 3 (3 HARI)	SIRI 4 (3 HARI)	CALON HADIR
1.	Kursus Hal Ehwal Pentadbiran	12	153	152	40	63	408
2.	Kejuruteraan Awam	2	22	0	0	0	22
3.	Kejuruteraan Elektrik	2	14	0	0	0	14
4.	Kejuruteraan Mekanikal	2	8	0	0	0	8
5.	Landskap	2	9	0	0	0	9
6.	Penguatkuasa	2	23	0	0	0	23
7.	Kewangan	2	0	0	12	0	12
8.	Undang-undang	3	0	0	35	0	35

10.2. Peperiksaan Perkhidmatan

Pada tahun 2014, Peperiksaan Perkhidmatan telah dilaksanakan sebanyak **3** siri seperti berikut:-

Peperiksaan Perkhidmatan Siri 1/2014

Bil	Kumpulan	Jumlah skim / jawatan	Jumlah Calon Dalam	Jumlah Calon Luar	Calon Denda	Tarikh
1.	Kumpulan B	6	48	4		8.4.2014-10.4.2014
2.	Kumpulan C	15	289	9		22.4.2014-25.4.2014
Jumlah		21	310	11	27	

Peperiksaan Perkhidmatan Siri 2/2014

Bil.	Kumpulan	Jumlah skim/ jawatan	Jumlah Calon Dalam	Jumlah Calon Luar	Calon Denda	Tarikh
1.	Kumpulan B	8	23	4	5	12.8.2014-14.8.2014
2.	Kumpulan C	15	102	0	57	26.8.2014-28.8.2014
Jumlah		23	125	4	62	

Peperiksaan Perkhidmatan Siri 3/2014

Bil.	Kumpulan	Jumlah skim/ jawatan	Jumlah Calon Dalam	Jumlah Calon Luar	Calon Denda	Tarikh
1.	Kumpulan B	7	19	13	2	4.11.2014-6.11.2014
2.	Kumpulan C	15	117	10	0	18.11.2014-20.11.2015
Jumlah		22	136	23	2	

11.0. INOVASI DAN KUALITI

Unit Inovasi dan Kualiti bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan keurusetiaan serta menggalak dan mempromosikan budaya inovasi dan kualiti di kalangan warga kerja DBKL. Program dijalankan melalui pelaksanaan MS ISO 9001: 2008, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Sistem Penarafan Bintang-Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT), Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), pelaksanaan idea inovasi dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

11.1. MS ISO 9001:2008

DBKL telah mendapat pensijilan semula pada 18 September 2012 hingga 17 September 2015. Untuk mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008 tersebut, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014, seperti berikut:

Aktiviti MS ISO 9001:2008 tahun 2014

BIL.	AKTIVITI	TARIKH (2014)
1.	Seminar Juruaudit Dalam	19 dan 20 Mei
2.	Kursus Penyelenggaraan dan Pengukuhan SPK	21 – 22 Mei
3.	Audit Dalam MS ISO	7 – 21 Julai
4.	Mesyuarat Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sesi I	24 September
5.	Mesyuarat Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sesi II	3 November
6.	Audit Pemantauan (<i>Surveillance</i>) oleh SIRIM	10 – 14 November

Sehingga berakhir tahun 2014, DBKL mempunyai seramai 195 orang auditor dalam untuk menjalankan kerja-kerja audit di 28 site dan melibatkan 68 skop pensijilan. Kerja-kerja audit dalaman ini juga akan melihat kepada 497 dokumen kualiti dengan pecahan seperti berikut:

Pecahan Dokumen Kualiti di DBKL sehingga berakhir Disember 2014

BIL.	DOKUMEN	JUMLAH
1	Manual Kualiti	1
2	Prosedur Pengurusan	17
3	Prosedur Kualiti	195
4	Arahan Kerja	284
JUMLAH DOKUMEN		497


Audit Pemantauan (*Surveillance*) oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd juga telah diadakan pada 10 – 14 November 2014. Auditor SIRIM telah menemui 3 Ketidakpatuhan Kecil (NCR-Minor) dan 21 Peluang Penambahbaikan (OFI). Semua Jabatan/Unit yang telah menerima *NCR-Minor* ini telah mengemukakan jawapan pembetulan dalam tempoh 21 hari.



11.2. Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator – KPI)

DBKL telah menyenaraikan 381 KPI pada tahun 2014. KPI ini disenaraikan bagi memastikan setiap jabatan dapat melaksanakan fungsi jabatan dengan memenuhi tanda aras yang ditetapkan dan pada masa yang sama dapat memenuhi kehendak orang awam. Sehingga berakhir Disember 2014, DBKL telah mencapai peratusan keseluruhan KPI sebanyak 92%.

Carta Bar I: Pencapaian KPI mengikut sektor



11.3. Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

DBKL telah mendapat persijilan semula Ekosistem 5S Plus kategori BAIK untuk tempoh dua tahun bermula 1 November 2013 hingga 1 November 2015. Hasil pencapaian keseluruhan DBKL daripada Audit Dalam EKSA Siri I dan Siri II yang dilaksanakan pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

Pencapaian keseluruhan EKSA pada tahun 2014

BIL.	AKTIVITI	Pencapaian
i.	Audit Dalam EKSA Siri I	82.68%
ii.	Audit Dalam EKSA Siri II	91.21%

11.4. Sistem Penarafan Bintang – Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)

DBKL berjaya memperolehi 4 Bintang dalam SPB-PBT tahun 2013 dan sijil SPB-PBT tersebut tamat pada bulan Disember 2015. Sijil tersebut dianugerahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).



Pencapaian ini mengekalkan kedudukan DBKL sebagai PBT yang mendapat **penarafan 4 Bintang bagi tempoh tiga kali berturut – turut dengan markah yang diperolehi sebanyak 87.54%**. DBKL juga memperoleh kedudukan kelima terbaik antara PBT-PBT dan di kedudukan ketiga terbaik antara PBT yang memperoleh penarafan 4 Bintang.

Berikutan daripada keputusan SPB-PBT yang telah dikeluarkan oleh KPKT pada 22 April 2013 tersebut, aktiviti berterusan dilaksanakan sebagai usaha memastikan DBKL sentiasa bersedia.

Antara aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2014 ialah:

Aktiviti SPB-PBT tahun 2014

BIL.	AKTIVITI	TARIKH (2014)
i.	Lawatan Penandaarasan Majlis Bandaraya Johor Bahru ke DBKL	7 Mei
ii.	Mesyuarat Pemantauan SPB-PBT DBKL Bil. 1/2014	3 Julai
iii.	Mesyuarat Pemantauan SPB-PBT DBKL Bil. 2/2014	22 September

11.5. KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Sebanyak 13 KIK dari pelbagai Jabatan telah ditubuhkan dan menyertai Konvensyen KIK Peringkat DBKL tahun 2014.

Aktiviti pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif tahun 2014

BIL.	AKTIVITI	TARIKH (2014)
i.	Bengkel Lanjutan KIK	a. 28 – 30 Mei b. 17-19 Jun c. 24 – 26 Jun d. 25 – 27 Jun
ii.	Program <i>Coaching</i>	a. 16 Jun dan 26 Jun b. 8 Julai dan 9 Julai c. 21 Julai dan 22 Julai d. 18 Ogos dan 19 Ogos e. 26 Ogos dan 28 Ogos
iii.	Konvensyen KIK Peringkat DBKL	19 – 20 November

Keputusan pemenang Konvensyen KIK Peringkat DBKL tahun 2014 telah diumumkan semasa Hari Inovasi DBKL tahun 2014 yang diadakan pada 25 November 2014. Johan dan Naib Johan bagi kategori Pengurusan dan Teknikal akan dicalonkan untuk mewakili DBKL ke Peringkat Wilayah Persekutuan.

DBKL juga telah menghantar 4 kumpulan Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Peringkat Kementerian Wilayah 2014. Dua kumpulan telah berjaya mendapat tempat semasa konvensyen tersebut berlangsung, seperti berikut:

Pemenang Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Peringkat Kementerian Wilayah 2014

BIL.	KATEGORI	KUMPULAN DAN PROJEK
i.	Kategori Teknikal (Tempat Pertama)	Kumpulan: Bolt (Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan). Projek : Kesukaran Menyelenggara Kerosakan Lampu Pejabat
ii.	Kategori Pengurusan (Tempat Kedua)	Kumpulan: Strikers (Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja) Projek : Tahap ketelusan pengurusan lesen bazar perayaan rendah

Semasa Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan 2014, DBKL telah menghantar 2 kumpulan untuk mewakili Kementerian Wilayah Persekutuan dan 2 kumpulan untuk mewakili Negeri. Kumpulan Strikers (Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja) dengan projek Tahap Ketelusan Pengurusan Lesen Bazar Perayaan Rendah telah berjaya mendapat Anugerah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Tempat Ke-2), Kategori Negeri – Pengurusan.

DBKL juga telah menghantar Kumpulan Sihat XV (Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar) untuk bertanding ke *International Conference on Quality (ICQ)* di Tokyo pada 2014.

ICQ merupakan program yang dianjurkan tiga tahun sekali oleh *American Society for Quality (ASQ)*, *European Organization for Quality (EOQ)* dan *Japanese Scientists and Engineers (JUSE)*.

Kumpulan ini telah mendapat *Gold Award* dalam Kategori *Competition* semasa konferens tersebut.

11.6 PROGRAM INOVASI

Program Inovasi pada tahun 2014

BIL.	AKTIVITI	TARIKH (2014)
1.	Mesyuarat Pelaksanaan Idea Inovasi 2013	a. 7 Februari b. 30 April c. 26 Jun d. 28 Ogos
2.	Kursus Inovasi – ‘ <i>Lets Innovate, Awakening Your Creative Mind Via Scamper Technique</i> ’	5 – 6 Mei
3.	Bengkel Lanjutan Inovasi	a. Siri I : 19 – 21 Mei b. Siri II : 17 – 19 Jun
4.	Sesi Percambahan Fikiran Pasukan Petugas Inovasi DBKL bersama Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan	9 – 10 Jun
5.	Sesi Percambahan Fikiran Pasukan Petugas Inovasi DBKL – Siri 2	20 – 21 Ogos
6.	Hari Inovasi Peringkat DBKL	25 November

11.6.1. Pelaksanaan Idea Inovasi

Sebanyak 6 idea inovasi yang telah memenangi anugerah pada Hari Inovasi DBKL tahun 2013 telah dilaksanakan pada tahun 2014. Pelaksanaan idea-idea inovasi ini adalah hasil daripada mesyuarat pemantauan pelaksanaan idea inovasi yang diadakan secara berterusan.

11.6.2. Penubuhan Pasukan Petugas Inovasi

Sebanyak 4 pasukan petugas inovasi telah ditubuhkan pada tahun 2014. Pasukan Petugas Inovasi ini diwujudkan sebagai satu pasukan pemikir dan pencetus idea-idea terkini yang seterusnya menyumbang ke arah pembangunan penyampaian perkhidmatan di DBKL. Pasukan Petugas Inovasi ini telah dihantar mengikuti kursus *Lets Innovate, Awakening Your Creative Mind Via Scamper Technique* pada 5 – 6 Mei 2014 yang dikendalikan oleh penceramah bertauliah daripada SIRIM Training Services Sdn Bhd. dan menyertai Bengkel Lanjutan Inovasi untuk menjana idea yang dapat memberikan impak. Sebanyak lima idea pasukan ini telah mendapat hadiah pada Hari Inovasi DBKL tahun 2014.

UNIT PENGURUSAN HARTANAH KORPORAT

Ditubuhkan pada 1 Ogos 2013 yang bertanggungjawab sepenuhnya bagi mentadbir dan mengurus mewujudkan pasukan pemasaran / promosi hartanah DBKL supaya lebih berdaya maju dan meningkatkan hasil DBKL dari sewaan dan penjualan harta serta meningkatkan potensi hartanah DBKL.

VISI DAN MISI



MISI

Menjana pendapatan tambah nilai, yang optimum dan progresif melalui pengurusan Hartanah, Aset-Aset dan Fasiliti milik DBKL.

VISI

Menjadikan entiti "Special Marketing Driven Unit" yang efisien bagi DBKL serta kesejahteraan masyarakat warga kota khususnya.

BAHAGIAN FUNGSIAN


Unit Pengurusan Hartanah Korporat mempunyai 5 bahagian utama iaitu:



1.0. PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

Bagi urusan tadbir urus dan pengoperasian Unit Pengurusan Hartanah Korporat (UPHK), pada tahun 2013, pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM7,746,900.00** yang dibahagikan kepada 3 pecahan utama iaitu tadbir urus UPHK sebanyak **RM3,652,400.00**, pengoperasian Kompleks Perniagaan Keramat Mall **RM2,253,500.00** dan pengoperasian Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul sebanyak **RM1,841,000.00**.

Carta 1.0: Carta Pai Analisa Perbelanjaan Peruntukan Bagi Tahun 2014



Peruntukan tadbir urus UPHK telah dibelanjakan sebanyak RM1,882,420.00(52%) dan mempunyai bagi peruntukan sebanyak RM1,769,980.00(48%). Manakala peruntukan pengoperasian bagi Kompleks Perniagaan Keramat Mall telah dibelanjakan sebanyak RM1,755,763.00 (78%) dan baki peruntukan adalah sebanyak RM497,737(22%). Untuk Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul, peruntukan pengoperasian telah dibelanjakan sebanyak RM1,294,594(70%) dan mempunyai baki peruntukan sebanyak RM546,406(30%). Kesimpulannya, peruntukan keseluruhan yang telah diperuntukan kepada UPHK telah dibelanjakan sebanyak RM4,932,777.00(64%) dan baki peruntukan adalah sebanyak RM2,814,123.00(36%)

Carta 2.0: Perbelanjaan Peruntukan Keseluruhan UPHK





2.0. PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2014

2.1. BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH BISTARI

Jadual 1.0: Senarai Unit Sewaan Mengikut Lokasi

BIL	KAWASAN	JUMLAH UNIT	UNIT DISEWA	UNIT KOSONG	PERATUS SEWAAN
1	Jalan Kampung Attap	4	4	0	100%
2	Dc 20 (Desa Cahaya Condominium)	18	1	17	6%
3	Pusat Bandar Sri Rampai	36	29	7	81%
4	No.23, Changkat Tunku	1	1	0	100%
5	Bandar Sri Petaling	4	4	0	100%
6	Taman Salak Jaya	30	28	2	93%
7	Plaza Dwi Tasik	5	5	0	100%
8	Villa Laman Tasik	9	9	0	100%
9	Pangsapuri Nova	14	14	0	100%
10	Menara City One Condominium	30	30	0	100%
11	Teratak Muhibbah 2	176	163	13	93%
12	Vista Tasik Condo	21	21	0	100%
13	Plaza 393(Fawanis)	66	57	9	86%
14	Queen's Avenue (Fasa 2)	34	8	26	24%
15	Tsi Business Industrial Park	1	1	0	100%
16	Setiawangsa Business Suites	2	2	0	100%
17	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKIA)	14	14	0	100%
18	Bandar Tun Razak	39	39	0	100%
19	Menara DBKL 2	6	6	0	100%
20	Gurney Heights	18	0	18	0%
JUMLAH KESELURUHAN		528	436	92	83%

Sepanjang tahun 2014, UPHK meneruskan aktiviti penyewaan kediaman, perdagangan dan industri yang sebelum ini diuruskan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta(JPPH). Secara keseluruhannya, prestasi penyewaan agak membanggakan dimana sebanyak 436(83%) dari 519 unit-unit berjaya disewakan. Baki 83(17%) unit-unit yang masih belum berjaya disewakan disebabkan unit-unit masih dalam proses penyelenggaraan serta penambahbaikan.

Unit-unit yang masih mempunyai peratusan sewaan yang rendah adalah di DC 20 Desa Cahaya Condominium hanya 6%, manakala di Queen's Avenue Fasa 2 adalah 24% dan di Gurney Heights masih lagi 0%.

2.2. BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI

2.2.1. Pengurusan Tempat Letak Kereta

i) Tempat Letak Kereta Terkawal

DBKL bertanggungjawab mengendalikan tempat letak kereta terkawal bagi tapak-tapak yang status tanahnya adalah milik DBKL. Terdapat kira-kira 17 tapak tempat letak kereta terkawal yang aktif sepanjang tahun 2014 dengan jumlah petak sebanyak 1,966 buah. Kesemua tapak milik DBKL ini dioperasikan oleh operator yang dilantik oleh DBKL secara tender terbuka.

Kesemua tapak milik DBKL ini diselia dan dikawal harga caj kemasukannya. Caj yang dikenakan bagi tapak-tapak milik DBKL adalah berpatutan dan jauh lebih murah jika dibandingkan dengan tapak-tapak tempat letak kereta terkawal milik swasta (persendirian). Senarai lokasi tapak-tapak tempat letak kereta terkawal milik DBKL adalah seperti berikut:

Jadual 2.0 Lokasi tapak-tapak tempat letak kereta

BIL	LOKASI	BIL. PETAK
1	Jalan Metro Perdana Timur 1, Jalan Kepong	90
2	Park & Ride Pekan Sungai Besi	213
3	Jalan Imbi (Honda Imbi)	30
4	Jalan Pudu (Bulatan Yew + Sebelah Hotel)	30
5	Plaza Danau Desa	124
6	Keramat Mall (hadapan)	69
7	Jalan Permaisuri 10 (sebelah JPJ)	124
8	Lot 24214, Bandar Sri Petaling	388
9	Lot 36667, Jalan Semantan	97
10	Lot 48670, Desa Sri Hartamas	30
11	Pasar Besar TTDI	154
12	Pasar Borong Harian Selayang (Bawah Flyover)	232
13	Depan Gleneagle, Jalan Ampang	28
14	Lot 55134, Desa Sri Hartamas	82
15	Jalan Permaisuri 6 (sebelah Maybank)	111
16	Lot 55142, Jalan Desa Bahagia	124
17	Jalan Setiapuspa	40
JUMLAH KESELURUHAN		1,966



Sistem Siste

ii) **Sistem Letak Kereta Elektronik (SLKE)**

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan projek Sistem Letak Kereta Elektronik (SLKE) di seluruh kawasan Bandar Raya Kuala Lumpur. Sistem elektronik ini berkonsepkan 'Bayar dan Peraga' ('*Pay and Display*') di mana pengguna akan membuat pembayaran di mesin elektronik yang diletakkan di kawasan yang strategik sekitar kawasan letak kereta. Tiket pembayaran tersebut perlu diletakkan oleh pengguna di atas papan pemuka (*dashboard*) kenderaan sebagai bukti pembayaran.

3.0. **Objektif**


Menjadikan pengurusan letak kereta di Bandar Raya Kuala Lumpur lebih efisien dan efektif. Ianya secara tidak langsung dapat mengatasi masalah monopoli petak letak kereta, *double parking*, kesesakan di kawasan letak kereta terutamanya di kawasan komersial dan lain-lain.

Tujuan utama pelaksanaan Sistem Letak Kereta Elektronik adalah:


- i. Membantu peniaga di sekitar kawasan komersial menjana ekonomi perniagaan masing-masing dengan adanya pengunjung yang lebih ramai datang ke kedai mereka.
- ii. Memberi kemudahan dan peluang kepada pengunjung untuk meletakkan kenderaan mereka di kawasan komersial bagi melakukan urusan jangka masa pendek.
- iii. Menghasilkan suatu keadaan di kawasan komersial yang lebih teratur di mana kenderaan akan diletakkan di petak letak kereta yang sepatutnya (mendisiplinkan pengguna).

HARI / WAKTU OPERASI	KADAR BAYARAN
HARI <ul style="list-style-type: none"> • Isnin hingga Sabtu • (kecuali Ahad dan Cuti Am) MASA <ul style="list-style-type: none"> • 7.30 pagi hingga 6.00 petang 	<ul style="list-style-type: none"> • Masa maksimum adalah 3 jam. Bermula dari pertengahan tahun 2009, tiada had bagi kawasan luar pusat bandar. • Bayaran minimum bagi tempat letak kereta adalah satu jam • PUSAT BANDAR RM0.80 untuk setiap jam • LUAR PUSAT BANDAR RM0.50 untuk setiap jam

Kontrak asal pelaksanaan SLKE ini telah tamat pada 15 Jun 2013 dan disambung secara bulan ke bulan dengan cara kontrak ditukar kepada 'profit sharing'. Pecahan 'profit sharing' adalah seperti berikut:



Carta 3.0: Pecahan hasil kutipan pihak DBKL dan Operator



Carta 4.0: Hasil kutipan DBKL bagi tahun 2013 dan 2014



Bagi kutipan pada tahun 2013, jumlah kutipan yang terkumpul adalah sebanyak **RM7.3 juta**. Manakala pada tahun 2014, jumlah kutipan berkurangan **11.5%** menjadikan jumlah kutipan pada tahun 2014 adalah sebanyak **RM6.4 juta**. Berikut merupakan contoh-contoh mesin yang diaplikasikan oleh operator bagi membuat kutipan tempat letak kereta.



Gambar1.0: Jenis mesin tempat letak kereta yang diaplikasikan oleh operator



MPARK SDN BHD




MISBAKTI SDN BHD



GODELL PARKING SDN BHD



SUNGGUH ABADI SDN BHD



4.0. BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

Bahagian ini memfokuskan penguatkuasaan berkaitan unit-unit kediaman, komersial dan industri yang mempunyai tunggakan sewa yang tegar. Pada tahun 2014, beberapa tindakan telah dilaksanakan melibatkan lawatan turun padang, pengeluaran notis peringatan, pengeluaran notis penamatan / pengosongan dan operasi penguatkuasaan / penyitaan. Sepanjang tahun 2014, UPHK telah mengeluarkan 104 (87%) Notis Peringatan, 10 (9%) Notis Penamatan & Pengosongan dan melaksanakan 5(4%) Operasi

Carta 5.0: Tindakan perundangan yang telah dilaksanakan pada tahun 2014



Penguatkuasaan dan Penyitaan. Hasil tindakan tersebut, majoriti penyewa tegar tampil memberi maklumbalas dan mengambil tindakan untuk melunaskan tunggakan mereka. Namun, hanya 5 unit gagal dan tidak akur dengan arahan mahkamah yang meyebabkan unit-unit tersebut diambil tindakan penyitaan/pengosongan. Berikut merupakan sorotan beberapa gambar sepanjang aktiviti penyitaan yang telah dilaksanakan di beberapa lokasi sepanjang tahun 2014:



Operasi sitaan di unit komersial di Salak Jaya, Kuala Lumpur



Operasi pengosongan unit kediaman di Teratak Muhibbah, Kuala Lumpur

5.0. BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN KORPORAT

5.1. PEMBUKAAN MINI UTC KERAMAT

Pada tahun 2014, Mini UTC kedua telah berjaya ditempatkan di Kuala Lumpur. Iaitu Mini UTC Keramat yang terletak di bangunan Kompleks Perniagaan Keramat Mall, Jalan Datuk Keramat, Kuala Lumpur.

Mini UTC Keramat telah mula beroperasi pada 1 Disember 2014 dan dijangka dirasmikan pada tahun 2015 nanti.



*Pandangan hadapan
Mini UTC Keramat*

Terdapat 11 agensi kerajaan dan swasta yang menyediakan pelbagai kemudahan kepada warga seperti Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Agama Islam



Wilayah Persekutuan (MAWIP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Perpustakaan 1 Malaysia dan Klinik 1 Malaysia.

Mini UTC ini mudah untuk dikunjungi kerana tersedia dengan kemudahan pengangkutan awam iaitu stesen LRT Putra Damai yang menghubungkan terus ke bangunan tersebut. Alamat lokasi Mini UTC Keramat yang boleh dihubungi adalah:

Mini UTC Keramat,
Kompleks Perniagaan Keramat Mall,
Jalan Datuk Keramat,
54000 Kuala Lumpur.

5.2. PUSAT PERDAGANGAN LORONG BUNUS (PT80)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berjaya membina sebuah bangunan 16 tingkat yang di namakan Pusat Perdagangan Lorong Bunus di atas tanah Lot PT80. Pembinaan bangunan ini mengambil kira pelbagai aspek fungsian bangunan akan datang bagi tujuan kemudahan warga kota dan pembangunan penaja. Bangunan ini siap dibina dengan komponen yang memenuhi keperluan warga kota iaitu 2 tingkat medan selera, 8 tingkat kemudahan tempat letak kereta, 4 tingkat Pusat Rekod DBKL, 1 tingkat dewan serbaguna/ pusat rekreasi dan 1 tingkat kemudahan “Mezzanine”. Mula dibuka kepada orang ramai pada bulan Oktober 2014.



dengan memindahkan penaja sepanjang lorong bunus 3, 4 dan yang berdekatan bagi mengisi gerai-gerai di ruang medan selera bangunan tersebut

yang mempunyai 40 unit gerai makan dan 7 unit kiosk. Ia terbina dengan kemas dan tersusun bagi memberi keselesaan kepada peniaga dan pengunjung. Pada fasa pertama bangunan ini hanya dibuka kepada orang awam hanya melibatkan 5 tingkat iaitu dari tingkat medan selera

sehingga 3 tingkat tempat letak kereta. Bagi fasa kedua, bangunan ini akan beroperasi sepenuhnya dijangka pada bulan Februari 2015 nanti.



Dewan Serbaguna



Tempat Letak Kereta



Medan Selera

5.3. PEMBUKAAN GALERI MENARA DBKL 3



Pandangan sudut hadapan

Pada penghujung tahun 2014, UPHK telah siap membina satu galeri bagi tujuan pameran berkaitan hartanah yang meliputi aset-aset kediaman, komersial dan industri sama ada dibawah seliaan DBKL ataupun kerjasama dengan pihak swasta.

Galeri yang ditempatkan di lobi menara DBKL 3 ini dibina atas tapak berkeluasan 259.63 kaki persegi bersamaan 24.12 meter persegi mengadaptasikan konsep korporat moden (*Modern Corporate Concept*). Ianya tersedia dengan 3 ruang untuk pameran model rumah dan 2 dua meja perbincangan yang boleh memuatkan maksima 3 pemaju/pemeran dalam satu masa.


Pembinaan galeri ini adalah merupakan langkah-langkah dalam merialisasikan hasrat Y.Bhg Datuk Bandar supaya wujudnya "*Marketing Arm*" dalam menguruskan pendaftaran dan mempromosikan rumah kos rendah, rumah mampu milik dan rumah kuota bumiputera. Untuk urusan tempahan ruang pameran pada galeri boleh terus berhubung dengan Ketua Unit, Unit Pengurusan Hartanah Korporat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Tingkat 10, Menara DBKL 3, Jalan Raja Abdullah, 53000, Kuala Lumpur atau ditalian 03-2617 6185.



Pandangan sudut sisi atas



Pandangan sudut sisi kanan



UNIT MUZIK

Bahagian Muzik telah ditubuhkan pada Disember 1988 hasrat daripada Datuk Bandar Y. Bhg. Tan Sri Elyas Omar dan diselia tadbir oleh Pengarah Muzik, Datuk Johari Salleh (1988-2001). Ia dikenali sebagai 'ORKESTRA KUALA LUMPUR' yang dianggotai seramai 45 orang pemuzik profesional dan berpengalaman yang terdiri daripada pelbagai kaum anak tempatan dan dari luar negara. Orkestra Kuala Lumpur mampu bermain berbagai corak muzik klasik dan muzik terkini seperti:

- i. Corak Etnik
- ii. Kontemporari
- iii. Klasik, Pop, Irama Melayu, Jazz dan sebagainya

1.0. OBJEKTIF

- i. Memelihara dan memertabatkan warisan Muzik Melayu, Asli, Tradisional, Klasik Melayu dan Kontemporari untuk diadaptasikan dan dipersembahkan secara Orkestra.
- ii. Menjadi platform bagi penulis-penulis Muzik Tempatan (Penggubah Muzik) dan pemuzik-pemuzik tempatan untuk menimba pengalaman bagi mengasah bakat serta kreativiti mereka bertujuan menjanakan peningkatan ilmu dalam selok belok keorkestraan.
- iii. Menjadikan Orkestra Kuala Lumpur sebagai satu mercu tanda bagi menonjolkan imej Kuala Lumpur dari aspek muzik yang berkualiti dan berprestij.

2.0. FUNGSI

- I. Menyediakan, menggalakkan dan meningkatkan aktiviti program muzik yang berbentuk orkestra, mariachi, kombo dan stroller.
- II. Menyedia dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti persembahan muzik yang berkaitan dengan acara sambutan perayaan awam dan acara festival-festival kesenian yang disambut sepanjang tahun.
- III. Menyediakan, menyelaraskan dan memberikan kerjasama dalam menganjurkan aktiviti seni persembahan muzik bersama agensi-agensi kerajaan, pihak NGO dan agensi-agensi swasta.
- IV. Menyediakan dan menyelaraskan program pembangunan muzik melalui aktiviti-aktiviti program bengkel muzik, persembahan muzik, perbelajaran muzik kepada para pemuzik orkestra dan para peserta wargakota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- V. Bekerjasama dengan penggiat-penggiat industri muzik untuk memartabatkan muzik tanahair.

3.0. PELAKSANAAN AKTIVITI –AKTIVITI TAHUNAN 2014

Peruntukan sebanyak RM650,000.00 yang telah diluluskan dan mendapat peruntukan tambahan pada bulan November sebanyak RM500,000.00 dari Jabatan Kebudayaan, Kesenian Dan Sukan bagi Unit Muzik menjalankan aktiviti-aktiviti persembahan muzik sehingga akhir tahun 2014.

Secara keseluruhannya Unit Muzik telah melaksanakan tiga program utama untuk persembahan muzik sepanjang tahun 2014 iaitu sebanyak 34 aktiviti muzik berbentuk kombo ,25 aktiviti berbentuk orkestra dan 4 program berbentuk bengkel/ pembangunan muzik yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Semua aktiviti yang telah dilaksanakan merupakan aktiviti atau program yang memenuhi skop Jadual Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan program-program ini termasuklah persembahan muzik bulanan, jemputan dan kerjasama antara pihak kerajaan, swasta dan NGO. Di antara persembahan muzik yang sering dipersembahkan ialah berbentuk persembahan muzik *orkestra, kombo, string, strollers dan quintet*.

AKTIVITI- AKTIVITI UTAMA UNIT MUZIK

PERSEMBAHAN MUZIK ORKESTRA (JANUARI-DISEMBER 2014)

BIL	TARIKH	ACARA	TEMPAT
1.	6.1.2014	Perhimpunan Bulanan DBKL Bulan Januari 2014	Auditorium DBKL
2.	9.1.2014	Kunjungan Hormat Presiden Cuepacs Merangkap Presiden Anulae Semenanjung Malaysia.	Auditorium DBKL
3.	10.2.2014	Perhimpunan Bulanan DBKL Bulan Februari 2013	Auditorium DBKL
4.	28.2.2014	Majlis Jamuan Negara Meraikan Tuan Yang Terutama Beningno's Aquinno 111, Presiden Republik Filipina .	Istana Negara
5.	3.3.2014	Perhimpunan Bulanan DBKL Bulan Mac 2014	Auditorium DBKL
6.	1.4.2014	Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2013 KWPKB Bersama Agensi	PICC Putra Jaya
7.	7.4.2014	Perhimpunan Bulanan DBKL Bulan April 2014	Auditorium DBKL
8.	19.4.2014	Konsert Orkestra 'Kami Bersama Mu'	Auditorium DBKL
9.	5.5.2014	Perhimpunan Bulanan DBKL Bulan Mei 2014	Auditorium DBKL
10.	23.5.2014	KL Bonsai & Orchid Show (KLOB)	Taman Botani Perdana Kuala Lumpur
11.	31.5.2014	Penutup -KL Bonsai & Orchid Show (KLOB)	Taman Botani Perdana Kuala Lumpur
12.	8.6.2014	Majlis Jamuan Teh Diraja Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XIV	Istana Negara
13.	9.6.2014	Perhimpunan Bulanan DBKL Bulan Jun 2014	Dewan Mestika Perdana (IDB)

BIL	TARIKH	ACARA	TEMPAT
14.	16.6.2014	Sambutan Hari Pekerja Peringkat DBKL	Auditorium DBKL
15.	19.6.2014	Kuala Lumpur Mayor's Tourism Awards 2014	Hotel Shangri-La Kuala Lumpur
16.	23.6.2014	Majlis Jamuan Negara Meraikan Tuan Yang Terutama Emomali Rahman, Presiden Republik Tajikistan	Istana Negara
17.	24.8.2014	Konsert Aidilfitri Bersama Orkestra Kuala Lumpur Dan Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti	PPR Batu Muda Jln Ipoh Kuala Lumpur
18.	8.9.2014	Lawatan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ke DBKL	Auditorium DBKL
19.	13.9.2014	Festival Cipta Lagu Patriotik 2014	USIM
20.	26.9.2014	Majlis Meraikan YBhg Tan Sri Zulhasnan Bin Rafique : Mantan Menteri Wilayah Persekutuan	Ballroom Hotel Majestic Kuala Lumpur
21.	15.11.2014	Majlis Perkahwinan Nigel Dan Carmy	Hotel Shangri-La Kuala Lumpur
22.	29.11.2014	Konsert Inspirasi P.Ramlee	Auditorium DBKL
23.	9.12.2014	Majlis Penganugerahan Pingat Wilayah Persekutuan	Istana Negara
24.	13.12.2014	Program Penganjuran Konsert Bersama Orkestra Kuala Lumpur Dan Universiti Kebangsaan Malaysia	Angkasapuri RTM
25.	18.12.2014	Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Agensi Bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan Bil.4 /2014	Auditorium DBKL

PERSEMBAHAN KOMBO

BIL	TARIKH	ACARA	TEMPAT
1.	11.1.2014	Majlis Makan Malam Yang Di Hoskan Oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Delegasi Persidangan "61st Les Clefs D' Or Uich International Congress"	Galeri Perpustakaan Kuala Lumpur
2.	22.1.2014	Majlis Jamuan Makan Malam Penghargaan Mantan Ketua Pengarah & Ketua Jabatan DBKL	Hotel J.W Marriot Bukit Bintang Kuala Lumpur
3.	1.2.2014	Majlis Istiadat Pengurnaan Darjah -Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Wil.Persekutuan (DKBPWP) Tahun 2014	Istana Negara
4.	13.2.2014	Persembahan Sempena Sambutan Tahun baru Cina	Dataran Merdeka
5.	16.2.2014	Majlis Muhibbah Sempena Kong Hee Fatt Choy 2014	Galeri perpustakaan Kuala Lumpur
6.	25.2.2014	Majlis Meraikan Pesara-Pesara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Pacific Ballroom Hotel Seri Pacific
7.	23.3.2014	Persembahan Muzik Bulanan DBKL 'Sayangi Kuala Lumpur'	Taman Tasik Titiwangsa
8.	26.4.2014	Majlis Khidmat Bakti 2014	Hotel Palace Of The Golden Horses Seri Kembangan

BIL	TARIKH	ACARA	TEMPAT
9.	2.4.2014	Majlis Perjumpaan Y.Bhg Datuk Bandar Kuala Lumpur Dengan Penganjur - Penganjur Pasar Malam Kuala Lumpur	Dewan Megapuri DBKL
10.	27.4.2014	Persembahan Muzik Bulanan DBKL'Sayangi Kuala Lumpur'	Taman Tasik Titiwangsa
11.	16.5.2014	Majlis Makan Malam <i>Malaysian Institute Of Interior Designner "IFI Awards Gala Nite'</i>	Hotel Istana
12.	25.5.2014	Persembahan Muzik Bulanan DBKL'Sayangi Kuala Lumpur'	Taman Tasik Titiwangsa
13.	27.6.2014	Majlis Makan Malam YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur Bagi Meraikan "Delegasi" <i>Tourism Promotion Organization Promotion (TPO)</i>	Plazza Galari Kuala Lumpur
14.	28.7.2014	Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri 2014.	Istana Negara
15.	11.8.2014	Perhimpunan Bulanan Bulan Ogos Dan Jamuan Hari Raya Aidilfitri DBKL	Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur
16.	22.8.2014	Majlis Sambutan Aidilfitri , Anulea DBKL dengan Kerjasama <i>Cuepacs</i> Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Dewan Megapuri Menara DBKL 1
17.	24.8.2014	Majlis Sambutan Aidilfitri Persatuan Bekas Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	IDB
18.	27.8.2014	<i>Making It In Hollywood :U.S Film Actress and Singer Erin Westbrook</i>	Auditorium Menara DBKL 1
19.	16.9.2014	Malam Penghargaan Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur Sempena Penilaian Semula Cukai Taksiran 2014	Dewan Komuniti Bukit Bandaraya
20.	22.9.2014	Majlis Makan Malam Kuala Lumpur <i>Regional Training Centre 28 Urban Planning For City Leaders Workshop</i>	IDB
21.	1.10.2014	Jamuan Makan Malam Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur Sempena Penganjuran <i>12th Asian Crisis Management Conference</i> Tahun 2014	Hotel Berjaya Time Square
22.	16.10.2014	Majlis Meraikan Pesara-Pesara DBKL 2014	Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur
23.	18.10.2014	"Program Komuniti Ceria "Kerjasama Di Antara Unit Muzik Dengan Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti	PPR Desa Tun Razak Kuala Lumpur
24.	25.10.2014	Program Komuniti Ceria "Kerjasama Di Antara Unit Muzik Dengan Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti	PPR Seri Semarak Kuala Lumpur
25.	7.11.2014	Majlis Deepavali Wilayah Persekutuan Anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama DBKL Dan Yayasan Wilayah Persekutuan	Dataran DBKL
26.	16.11.2014	"Program Komuniti Ceria "Kerjasama Di Antara Unit Muzik Dengan Jabatan Pengurusan Perumahan & Pembangunan Komuniti	PPR Perkasa

BIL	TARIKH	ACARA	TEMPAT
27.	18.11.2014	Majlis Meraikan Mantan Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Dan Ketua-Ketua Jabatan DBKL	Hotel Pullaman
28.	26.11.2014	Majlis Perasmian "My Teksi"	Laman Kompleks Kraf Kuala Lumpur
29.	5.12.2014	Majlis Pelancaran Pusat Pemantauan Kamera Litar Tertutup (CCTV).	Menara DBKL 2
30.	8.12.2014	Majlis Anugerah <i>Standard</i> Dan Akreditasi Kebangsaan 2014	Hotel Bangi, Selangor
31.	9.12.2014	Majlis Penganugerahan Pingat Wilayah Persekutuan	Istana Negara
32.	11.12.2014	Majlis Makan Malam Penghargaan Kumpulan Kerja WhatsApp Mari Bersih& Indah KL Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur	Hotel Berjaya <i>Time Square</i>
33.	12.12.2014	Majlis Makan Malam Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur Dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Taman Botani Perdana Kuala Lumpur
34.	31.12.2014	<i>New Year Eva Gala Dinner</i>	Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur

PERSEMBAHAN MUZIK ORKESTRA

"SEMPENA SAMBUTAN KE 40 PERSAHABATAN MALAYSIA –CHINA" PADA 30 MAC 2014 DI TAMAN BOTANI KUALA LUMPUR.





JABATAN KEWANGAN

Jabatan Bendahari diwujudkan pada tahun 1956 dan nama jabatan ini ditukarkan kepada Jabatan Kewangan mulai tahun 2003. Sehingga kini, Jabatan Kewangan mempunyai tenaga kerja seramai 290 orang.

1.0. FUNGSI

Maklumat yang merangkumi semua bahagian/unit:

Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL.

Jabatan Kewangan juga memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak dan menyediakan maklumat-maklumat kewangan hasil bukan cukai / terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana.

2.0. KEWANGAN

2.1. LAPORAN PRESTASI BELANJAWAN DBKL 2014

2.1.1. Sumber-sumber Pembiayaan DBKL :

BIL	PERKARA	RM	PERATUS %
1.	Hasil Cukai	1,201,000,000	43.0
2.	Hasil Bukan Cukai	558,372,000	20.0
3.	<i>National Key Economic Areas (NKEA - Greater KL / KV)</i>	259,660,000	9.0
4.	Rancangan Malaysia Ke-10	196,839,000	7.0
5.	Rezab / Simpanan Pembangunan	172,687,700	6.0
6.	Kumpulan Wang Penswastaan	158,644,800	6.0
7.	Bantuan Kerajaan Pusat	135,180,000	5.0
8.	Jabatan Pengurusan Perumahan	81,652,000	3.0
9.	<i>National Key Result Areas (NKRA)</i>	18,500,000	0.7
10.	Swasta (Petronas)	7,550,000	0.3
		2,790,085,500	100%

2.2. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengurus DBKL 2014

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	% BELANJA
1.	Emolumen	436,629,000	383,023,380	87.7
2.	Elaun Lebih Masa	63,775,800	63,751,019	100.0
3.	Perkhidmatan & Bekalan	930,614,565	834,130,585	89.6
4.	Pemberian & Kenaan Tetap	36,511,500	24,700,192	67.7
5.	Perbelanjaan Lain	24,966,150	16,778,859	67.2
6.	Aset Kecil (Inventori)	6,768,985	5,412,243	80.0
JUMLAH KESELURUHAN		1,499,266,000	1,327,796,278	88.6

2.3. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan DBKL 2014

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	% BELANJA
a.	Projek Pembangunan			
1.	DBKL	529,325,990	519,310,239	98.1
2.	Rancangan Malaysia Ke-10	134,762,000	130,436,269	97.0
3.	National Key Result Areas (NKRA)	12,005,000	10,925,944	91.0
4.	<i>National Key Economic Areas (NKEA - Greater KL / KV)</i>	127,082,210	116,717,120	91.8
5.	Swasta (Petronas)	2,160,900	2,160,889	100.0
6.	Lain-lain Pembiayaan	36,928,400	36,775,737	99.6
b.	Aset Modal - Kenderaan, Jentera, Aset dan Komputer	49,441,400	40,501,147	81.9
JUMLAH KESELURUHAN		891,705,900	856,827,345	96.0

3.0. BENGKEL BAJET 2015 BERSAMA 'FOCUS GROUP' DAN RETREAT BAJET 2015

DBKL telah mengadakan Bengkel Bajet 2015 Bersama 'Focus Group' pada 17 September 2014. Bengkel ini dianjurkan bagi mendapatkan pandangan dan penglibatan 'focus group' (kumpulan sasaran) di dalam proses merangka Bajet DBKL 2015. Pandangan, idea, syor dan penglibatan kumpulan sasaran di peringkat awal penyediaan bajet ini dianggap penting bagi memastikan perancangan bajet DBKL adalah realistik serta mengambil kira keperluan sebenar masyarakat yang akhirnya diharapkan dapat memberi impak positif dan manfaat kepada warga kota secara holistik.

Selain daripada itu, program, aktiviti dan projek yang dirancang juga perlu selari dengan Pelan Strategik DBKL 2010 - 2020 yang menekankan 5 matlamat utama iaitu Bandar raya milik warga kota, bandar raya makmur ekonomi, bandar raya bersaring, bandar raya eko dan bandar raya tadbir urus cekap. DBKL juga terus mengamalkan prinsip 'value for money' bagi setiap program, aktiviti dan projek dengan memastikan ianya mempunyai ciri-ciri realistik, kos munasabah, mencapai keperluan sebenar masyarakat dan mempunyai impak positif.

Berdasarkan kepada Retreat Bajet 2015 DBKL yang telah diadakan pada 1 dan 2 Oktober 2014, DBKL akan menyediakan **deraf Bajet 2015** seperti berikut :-

a. Peruntukan Mengurus	=	RM 1,628,041,700
b. Peruntukan Pembangunan	=	RM 812,547,800
c. Keseluruhan Bajet 2015	=	RM 2,440,589,500
d. Anggaran Hasil DBKL	=	RM 2,075,689,500



E. BENGKEL BAJET 2015 BERSAMA 'FOCUS GROUP'



SIDANG MEDIA BAJET DBKL 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 DISEMBER 2014



4.0. PENGURUSAN HASIL

4.1. KAUNTER BAYARAN SEMENTARA DI PUSAT MEMBELI BELAH

Jabatan Kewangan telah membuka kaunter bayaran sementara di pusat membeli belah bersempena bulan membayar cukai takiran pada bulan Februari dan Ogos. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan orang awam membuat bayaran cukai takiran mereka. Lokasi yang terlibat adalah seperti di bawah :

- i. Mid Valley Megamall
- ii. AEON Metro Prima, Kepong
- iii. AEON Taman Maluri, Cheras



JABATAN PENTADBIRAN

Jabatan Pentadbiran berfungsi untuk memastikan urusan keurusetiaan, penyelarasan dan perolehan dilaksanakan berdasarkan peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Selain daripada itu, memastikan pengurusan perolehan dan pelupusan harta Datuk Bandar Kuala Lumpur dilaksanakan berdasarkan Perintah Tetap Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja Datuk Bandar Kuala Lumpur Bil 1/1995 dan Kaedah Perolehan yang diterimapakai serta peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

1.0. BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN BANGUNAN

Bahagian ini mengurus dan menyelaraskan penyediaan Panggung dan Dataran Merdeka, permohonan penyewaan Auditorium dan Dewan Megapuri. Penyelenggaraan bangunan, mekanikal dan elektrik termasuk ruang pejabat jabatan, bilik mesyuarat utama, surau, kantin dan sewerage.

Menyelaraskan penghantaran dan pengumpulan semua jawapan serta soalan Parlimen ke KWPKB. Memastikan peruntukan yang dibekalkan di belanjakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bahagian ini juga bertindak untuk mengurus dan menyelaraskan perkhidmatan Mel & Bungkus di DBKL.

Bahagian ini juga terlibat dalam urusan perlantikan perkhidmatan pembersihan, penyelenggaraan bangunan dan perkhidmatan kantin. Mengawal keselamatan bangunan dan harta/aset DBKL.

Antara projek/pengubahsuaian yang dijalankan oleh bahagian ini adalah seperti jadual dibawah:

BIL	STATUS PROJEK	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	%
1.	Projek Sambungan	36	10,600,000	80.30
2.	Projek Baru	10	2,600,000	19.70
JUMLAH KESELURUHAN		46	13,200,000	100

BIL	STATUS PROJEK	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	%
1.	Rekabentuk	4	2,700,000	25
2.	Tender	3	1,200,000	11
3.	Pelaksanaan	12	4,250,000	40
4.	Siap	14	1,450,000	14
5.	Batal / Tangguh	3	1,000,000	10
JUMLAH KESELURUHAN		36	10,600,000	100

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	TARIKH BUKA IKLAN	TARIKH TUTUP IKLAN	STATUS		
1.	Mengubahsuai Pejabat Pusat Data JPM – DBKL 1	1,200,000	1,000,000	8/1/2015	4/2/2015	Kontraktor	:	-
						Tempoh	:	-
						Jadual	:	-
						Sebenar	:	-
						Perbezaan	:	-
2.	Mengubahsuai Kafeteria Tingkat 2 – DBKL 1	1,200,000	100,000	27/1/2015	23/2/2015	Kontraktor	:	-
						Tempoh	:	-
						Jadual	:	-
						Sebenar	:	-
						Perbezaan	:	-
3.	Kerja-Kerja Membekal, Memasang Dan Menguji Sistem Siaraya di Auditorium, Dewan Serbaguna Dan Dewan Seminar Perpustakaan Kuala Lumpur (Iklan)	500,000	100,000	6/2/2015	23/2/2015	Kontraktor	:	-
						Tempoh	:	-
						Jadual	:	-
						Sebenar	:	-
						Perbezaan	:	-
Jumlah Keseluruhan		2,900,000	1,200,000					

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	SST	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS		
1.	Menaiktaraf Unit berkuda di Titiwangsa & Bandar Tun Razak, Cheras	950,000	600,000				Kontraktor	:	-
							Tempoh	:	-
							Jadual	:	-
							Sebenar	:	-
							Perbezaan	:	-
Status Semasa	:	Pelan Ukur telah diterima pada 22/01/2015. Penyediaan Rekabentuk Skematik Dalam Tempoh 2 Minggu Dari Tarikh Penerimaan Pelan Ukur (Bandar Tun Razak)							
2.	Menaiktaraf Depoh Tunda – Jinjang	3,000,000	100,000				Kontraktor	:	-
							Tempoh	:	-
							Jadual	:	-
							Sebenar	:	-
							Perbezaan	:	-
Status Semasa	:	Masih menunggu keputusan dari Mrt untuk Pembinaan Tiang Mrt di kawasan Depoh Tunda Jinjang							
3.	Cadangan Pemindahan Dan Pembinaan Pejabat JKM	200,000,000	1,000,000				Kontraktor	:	-
							Tempoh	:	-
							Jadual	:	-
							Sebenar	:	-
							Perbezaan	:	-
Status Semasa	:	Juruperunding di dalam Proses Menyediakan Dokumen untuk Penghantaran ke Osc. Mesyuarat Pre-Consultation OSC pada 28/1/2015.							
4.	Cadangan Pemindahan Dan Pembinaan Pejabat JKAS	45,000,000	1,000,000				Kontraktor	:	-
							Tempoh	:	-
							Jadual	:	-
							Sebenar	:	-
							Perbezaan	:	-
Status Semasa	:	Dalam Proses Mengemukakan Permohonan Kelulusan Merancang Ke OSC							
Jumlah Keseluruhan		248,950,000	2,700,000						

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS	
1.	Membina dan Mengubahsuai Pejabat Tapak & Stor Jabatan-Jabatan di DBKL – JKAS	2,000,000	500,000			Seperti Dibawah	
1.1	Di Atas Sebahagian Lot 110, Sek.69, Jalan San Peng Mukim Bandaraya Kuala Lumpur			17/7/2013	27/2/2014	Kontraktor	: REZEKI IKHWAN SDN BHD
						Tempoh	: 32 MINGGU
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -
1.2	Di Atas Sebahagian Lot 58593, Jalan Loke Yew, Cheras K.Lumpur			1/10/2013	12/05/2014	Kontraktor	: REKABINA INDAH
						Tempoh	: 32 MINGGU
						Jadual	: 97%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: +3%
1.3	Jalan Cheras Kuala Lumpur			1/4/2014	26/5/2014	Kontraktor	: Tetuan Two Rizz Enterprise
						Tempoh	: 8 MINGGU
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -
1.4	Kepong			11/2/2014	7/4/2014	Kontraktor	: SYARIKAT BINA ASAS
						Tempoh	: 8 Minggu
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -
2.	Membina Dan Mengubahsuai Pejabat Tapak & Stor Jabatan-Jabatan DBKL – Taman Dusun Bandar	800,000	300,000	23/6/2014	4/1/2015	Kontraktor	: TETUAN MSYB ENTERPRISE
						Tempoh	: 28 Minggu
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 50%
						Perbezaan	: -50% (-83Hari)
3.	Membina Dan Mengubahsuai Pejabat Tapak & Stor Jabatan-Jabatan DBKL – Nurseri Pusat Jinjang	3,000,000	200,000	8/4/2014	26/1/2015	Kontraktor	: Tetuan Kelcare Engineering SDN BHD
						Tempoh	: 42 Minggu
						Jadual	: 55%
						Sebenar	: 60%
						Perbezaan	: Cepat +5%

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS	
4.	Mengubahsuai Pejabat Cawangan Lembah Pantai Di <i>The Pine Bazar</i> – Brickfields	1,500,000	500,000	22/12/2014	6/4/2015	Kontraktor :	MY HIJRAH SDN BHD
						Tempoh :	16 Minggu
						Jadual :	
						Sebenar :	
						Perbezaan :	
5.	Merekabentuk & Menaiktaraf Bangunan DBKL di Jalan Tangsi	7,600,000	200,000			Seperti Dibawah	
5.1	Merekabentuk & Menaiktaraf Bangunan DBKL di Jalan Tangsi (Lot 11)	8,512,553 7,449,418.80 : Harga Kontrak Baru IZINRIA Ditolak Lot 10]	200,000	1/10/2012	29/9/2013	Kontraktor :	IZINRIA SDN BHD
						Tempoh :	52 MINGGU
						Jadual :	100%
						Sebenar :	96.79%
						Perbezaan :	-3.21% (-21hari)
Isu :	Penyambungan TNB; Pengalihan Kabel Telekom; Penebangan Pokok (Kelulusan Dasar Harga)						
5.2	Merekabentuk & Menaiktaraf Bangunan DBKL di Jalan Tangsi (Lot 10)	7,879,625.80	200,000	4/2/2015	21/6/2016	Kontraktor :	TETUAN NTQT SDN BHD
						Tempoh :	72 MINGGU
						Jadual :	0%
						Sebenar :	0%
						Perbezaan :	-
STATUS :	Permit Perobohan dan Kebenaran Mendirikan Tapak diluluskan Jan 2015						
6.	Mengubahsuai Perpustakaan Cawangan Setiawangsa- Wangsa Delima	1,600,000	500,000	18/9/2004	7/1/2013	Kontraktor :	Ero Builder Enterprise
						Tempoh :	16 Minggu
						Jadual :	95.40%
						Sebenar :	100%
						Perbezaan :	Kelewatan : - 4.60%
7.	Mengubahsuai Pejabat Zon 1 Cheras, JPPPK	2,500,000	200,000	27/1/2015	28/12/2015	Kontraktor :	TETUAN CATURAN INOVASI SDN. BHD
						Tempoh :	48 Minggu
						Jadual :	05
						Sebenar :	0%
						Perbezaan :	-

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS	
8.	Menghantar dan Memasang Kerusi Meja di Gerai Tingkat Bawah Bangunan <i>Pine Bazaar</i>	650,000	200,000	26/2/2015	23 /4/2015	Kontraktor :	PANGKAL KALONG TRADING
						Tempoh :	8 MINGGU
						Jadual :	-
						Sebenar :	-
						Perbezaan :	-
9.	Mengubahsuai Ruang Galeri Perpustakaan Kuala Lumpur	300,000	100,000	18/11/2014	30/12/2014	Kontraktor :	1.Efikasi Unggul Enterprise : RM 97,920.00 2.TetuanJaya Enterprise: RM 97,485.00
						Tempoh :	6 Minggu
						Jadual :	100%
						Sebenar :	100%
						Perbezaan :	-
10.	Mengubahsuai Galeri Lobi - DBKL 1	597,000	600,000	29/12/2014	23/3/2015	Kontraktor :	Jaya Sahunggun Sdn Bhd
						Tempoh :	12 Minggu
						Jadual :	43%
						Sebenar :	31%
						Perbezaan :	-12% (11hari)
11.	Mengubahsuai Pejabat Cawangan Titiwangsa	1,500,000	500,000	16/1/2015	15/6/2015	Kontraktor :	Tetuan H'fiz Enterprise
						Tempoh :	5 Bulan
						Jadual :	
						Sebenar :	
						Perbezaan :	
12.	Mengubahsuai Pejabat-Pejabat Cawangan Cadangan Pembangunan Stor Flying Squad Untuk Pejabat Cawangan Lembah Pantai Di Atas Lot 5528 Jalan Kg Pasir Tengah, Kg. Pasir, Kuala Lumpur	1,000,000	50,000			Kontraktor :	Tetuan Tenaga Perak Enterprise
						Tempoh :	24 Minggu (Tarikh Sst : 2.10.2014)
						Jadual :	
						Sebenar :	
						Perbezaan :	
JUMLAH KESELURUHAN		39,439,179	4,250,000				

STATUS PROJEK (SAMBUNGAN) DALAM PERINGKAT SIAP

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS	
1.	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 15 & 16 Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF) - DBKL 1	500,000	50,000	6/3/2013	11/6/2013	Kontraktor	: Tetuan RZBA Enterprise
						Tempoh	: 14 Minggu
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -
2.	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 21 Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPMS) – DBKL 1	600,000	50,000	14/11/2013	8/1/2014	Kontraktor	: Tetuan Bina Unggul Sdn Bhd
						Tempoh	: 8 Minggu
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -
3.	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 1, 14 & 24 Jabatan Kewangan (JKew) – DBKL 1	1,500,000	50,000	2/9/2013	10/11/2013	Kontraktor	: Tetuan Camar Kreatif Sdn Bhd
						Tempoh	: 10 Minggu
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -
4.	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 17, 18 & 19 Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Saliran (JKAWS) -DBKL 1	1,000,000	50,000	6/3/2013	11/6/2013	Kontraktor	: Tetuan Rzba Enterprise
						Tempoh	: 14 Minggu
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -
5.	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 11, 12, 13 & 14 Jabatan Perancangan Fizikal (JPF) – DBKL 1	1,900,000	50,000	22/7/2013	27/10/2013	Kontraktor	: Melati Evergreen Enterprise
						Tempoh	: 14 Minggu
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -



BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS		
						Kontraktor	:	
6.	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 7, 8, 9 & 10 Jabatan Perancangan Bandar (JPRB) – DBKL 1	3,360,000	100,000	6/3/2013	11/6/2013	Kontraktor	:	Tetuan Proxy Enterprise
						Tempoh	:	16 Minggu
						Jadual	:	100%
						Sebenar	:	98.67%
						Perbezaan	:	-1.33% (-1 Hari)
7.	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 4 & 5 Jabatan Pelesenan Dan Pengurusan Penjaja (JPPP) – DBKL 2	3,100,000	100,000	10/9/2013	3/12/2013	Kontraktor	:	Camar Kreatif Sdn Bhd
						Tempoh	:	12 Minggu
						Jadual	:	100%
						Sebenar	:	100%
						Perbezaan	:	-
8.	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 4, 5, 6 & 17 Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (JPPH) – MAJU JUNCTION	1,000,000	50,000	19/10/2012	30/11/2012	Kontraktor	:	Tetuan Glass Wall Sdn Bhd
						Tempoh	:	12 Minggu
						Jadual	:	100%
						Sebenar	:	100%
						Perbezaan	:	-
10.	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 1,2,3,4 Dan 7 Pejabat Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	57,300,000	100,000	1/4/2014	21/7/2014	Kontraktor	:	Vna Resources Sdn Bhd
						Tempoh	:	16 Minggu
						Jadual	:	100%
						Sebenar	:	100%
						Perbezaan	:	-
11.	Menaiktaraf Dataran Merdeka	5,300,000	100,000	22/1/2014	30/11/2014	Kontraktor	:	RS Green Master (M) Sdn Bhd
						Tempoh	:	38 Minggu
						Jadual	:	100%
						Sebenar	:	100%
						Perbezaan	:	-

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS	
12.	Mengubahsuai Pejabat Unit Pengurusan Hartanah Korporat Di Tingkat 10 – DBKL 3	600,000	100,000	09/06/2014	25/10/2014	Kontraktor	: I Be Trading
						Tempoh	: 15 Minggu
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -
13.	Penempatan Sementara Stor Pusat Vektor Jalan Dwi Tasik	980,000	100,000	20/7/2014	19/9/2014	Kontraktor	: Quazza Enterprise
						Tempoh	: 10 Minggu
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -
14.	Mengubahsuai Bilik Persalinan Jpk - Cadangan Meletakkan 8 Blok 2 Tingkat Kabin Sementara Di Atas Sebahagian Lot 454, Jalan Pahang Barat, Seksyen 79, Kuala Lumpur (2014/A016)	2,400,000	500,000	11/06/2014	28/10//2014	Kontraktor	: Tetuan MYSB Enterprise
						Tempoh	: 20 Minggu
						Jadual	: 100%
						Sebenar	: 100%
						Perbezaan	: -
JUMLAH KESELURUHAN		79,840,000	1,450,000				

STATUS PROJEK (SAMBUNGAN) DALAM PERINGKAT BATAL / TANGGUH

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	CATATAN
1	Auditorium – DBKL 1	8,000,000	100,000	Terlibat Dengan Pembangunan Semula Menara DBKL 2
2	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 6 Jabatan Integriti & Unit Kaunseling – DBKL 2	1,000,000	800,000	Terlibat Dengan Pembangunan Semula Menara DBKL 2
3	Mengubahsuai Pejabat Cawangan Batu	8,000,000	100,000	Tiada Tapak
JUMLAH KESELURUHAN		17,000,000	1,000,000	

STATUS PROJEK BARU

BIL	STATUS PROJEK	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	%
1.	REKABENTUK	10	2,600,000	100
2.	TENDER	-	-	-
3.	PELAKSANAAN	-	-	-
4.	SIAP	-	-	-
5.	BATAL / TANGGUH	-	-	-
JUMLAH		10	2,600,000	100

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	CATATAN
1.	Mengubahsuai 'Viewing Deck' Tingkat 30 - DBKL 1	5,200,000	50,000	Penentuan samada Tingkat 30 di Menara DBKL 1 atau di bangunan baru yang akan dibina
2.	Mengubahsuai Taska Tingkat 2- DBKL 1	600,000	600,000	Pengubahsuaian selaras dengan ulasan datuk bandar pada 6/2/2015
3.	Mengubahsuai Unit Penyenggaraan Bangunan Tingkat 4 - DBKL 1	300,000	300,000	Dicadangkan dibuat secara kerja undi (tidak selaras dengan proses perolehan)
4.	Mengubahsuai dan Menaiktaraf Lobi Perpustakaan Kuala Lumpur	500,000	200,000	Tambahan skop untuk cadangan kerja <i>awning</i> dan jambatan menghubungkan PKL dengan perpustakaan kanak-kanak
5.	Mengubahsuai Ruang Pusat ITIS Menjadikan Pejabat Unit Urus Bangunan Di Tingkat 1 - DBKL 1	500,000	100,000	Peringkat penyediaan tender dokumen
6.	Pembangunan semula pejabat cawangan kepong di sebahagian lot 58068 mukim batu	8,000,000	100,000	Tapak masih bukan milik DBKL
7.	Menaiktaraf menara DBKL dan IDB kepada bangunan hijau	1,000,000	100,000	Peringkat penelitian spesifikasi
8.	Meroboh Dan Membina Semula Menara DBKL 2	300,000,000	1,000,000	Peringkat penelitian spesifikasi
9.	Pemasangan Bumbung Dan Tembok Pagar Di Pejabat Dan Stor Unit <i>Flying Squad</i> Bandar Baru Sentul	700,000	50,000	
10.	Mengubahsuai Pejabat Tingkat 11,23 & 24 Jabatan Pengurusan Sumber Manusia - DBKL 1	1,600,000	100,000	Peringkat rekabentuk . Penempatan sementara kakitangan
JUMLAH KESELURUHAN		318,400,000	2,600,000	

KERJA-KERJA UBAH SUAI DIBAWAH UPB

BIL	PROJEK	KOS PROJEK (RM)	CATATAN
1	Kerja-Kerja Penambahan 'Partition' Bilik Jurutera Di Jabatan Infrastruktur Tingkat 15, Dbkl 1	4,726.50	
2	Kerja-Kerja Ubah Suai Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Saliran - Kaunter Tingkat 18 Dan 19 - Pantry Tingkat 18	57,613.30	
3	Kerja-Kerja Ubah Suai Penggantian Permaidani (Karpel) Tingkat 5 Jabatan Perancangan Korporat	37,839.00	
4	Kerja-Kerja Ubah Suai Bilik Pegawai, Pintu Kaca Dan Kaunter Jabatan Perancangan Ekonomi Dan Penyelarasan Pembangunan Tingkat 26	21,792.60	
5	Cadangan Kerja-Kerja Ubah Suai Pejabat Di Tingkat 15 Dan 16 Jabatan Perancangan Infrastruktur , Menara DBKL 1	-	Kos Projek Sedang Disediakan Oleh UPB
JUMLAH KESELURUHAN		121,971.40	



SEKTOR PERANCANGAN BANDAR

JABATAN PERANCANGAN BANDAR

1.0 PERMOHONAN KEBENARAN PERANCANGAN DITERIMA MELALUI URUSETIA PUSAT SETEMPAT / ONE STOP CENTRE (OSC)

Sebanyak **5,807 Permohonan Kebenaran Perancangan** telah diterima oleh OSC melibatkan 5 jenis permohonan iaitu Permohonan Serentak, Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan dan Perakuan Menduduki Bangunan (CFO). Jenis permohonan yang paling banyak diterima sepanjang tahun 2014 ialah Permohonan Pelan Bangunan iaitu sebanyak **3,094 permohonan**. Sebanyak **5,037 (99.21%) permohonan** telah diselesaikan dalam tempoh Piagam Pelanggan yang ditetapkan.



Kaunter OSC di Lobi Menara DBKL 2

Statistik Permohonan Kebenaran Perancangan Diterima Melalui OSC

JENIS PERMOHONAN	BILANGAN PERMOHONAN	PERMOHONAN DALAM PROSES	PERMOHONAN SELESAI	SELESAI DALAM PIAGAM	SELESAI MELEBIHI PIAGAM
Permohonan Serentak	901	146	755	740	15
Kebenaran Merancang	1,576	249	1,327	1,325	2
Pelan Kejuruteraan	207	47	160	151	9
Pelan Bangunan	3,094	267	2,827	2,813	14
CFO	29	21	8	8	0
JUMLAH	5,807	730	5,077	5,037	40

2.0. PERMOHONAN KEBENARAN PERANCANGAN DITERIMA OLEH JABATAN

Secara keseluruhannya Jabatan Perancangan Bandar telah menerima sebanyak **5,243 permohonan perancangan** yang melibatkan permohonan kebenaran merancang. Jenis permohonan yang paling banyak diterima sepanjang tahun 2014 ialah permohonan ulasan pelan bangunan iaitu sebanyak **1,065 permohonan**. Perincian jenis permohonan sepanjang tahun 2014 adalah seperti di jadual di bawah:

Jadual 2.0: Statistik Permohonan Kebenaran Perancangan Diterima Oleh Jabatan

JENIS PERMOHONAN		JUMLAH	
1.	PERDAGANGAN		
	1.1	Kompleks perdagangan / kompleks beli belah	131
	1.2	Kompleks pejabat	34
	1.3	Pembangunan bercampur	105
	1.4	Rumah pejabat	25
	1.5	Rumah kedai	15
2.	PERUSAHAAN		
	2.1	Perusahaan / kilang	13
3.	KEDIAMAN		
	3.1	Skim perumahan	39
	3.2	Rumah pangsa / pangsapuri	111
	3.3	Apartmen	22
	3.4	Pangsapuri servis / hotel	97
	3.5	Kondominium	28
	3.6	Rumah sebuah / banglo	161
	3.7	Rumah berkembar	50
	3.8	Rumah teres	69
	3.9	Rumah contoh	8
	3.10	Rumah bandar (<i>Town House</i>)	3
3.11	Tambahan dan perubahan (rumah sahaja)	310	
JENIS PERMOHONAN		JUMLAH	

4. LAIN-LAIN		
JENIS PERMOHONAN		JUMLAH
4.1	Tambahan dan perubahan (kedai / pejabat)	165
4.2	Agama	18
4.3	Institusi / pelajaran	42
4.4	Bangunan kerajaan / kuarters kerajaan	25
4.5	Tempat rekreasi	6
4.6	Stesen minyak	5
4.7	Swop plan / hospital	4
4.8	Tempat letak kereta terbuka	3
4.9	Lain-lain/rumah contoh	111
4.10	Menara telekomunikasi	17
4.11	Pusat penjaja / setor / restoran	38
4.12	Kontena / kabin	11
4.13	Ruang pameran	42
4.14	Bangsas / gudang	54
4.15	Penukaran guna bangunan tetap / sementara (kedai, tadika, pejabat, ruang pameran, restoran)	294
4.16	Penukaran zon guna tanah	95
4.17	Pindaan penukaran zon guna tanah	100
4.18	Kepadatan penduduk	41
4.19	Pindaan kepadatan penduduk	22
4.20	Susunatur / penyatuan semula	157
4.21	Pindaan susunatur / penyatuan semula	75
4.22	Melanjutkan tempoh sah perintah pembangunan (tetap)	55
4.23	Melanjutkan tempoh sah perintah pembangunan (sementara)	482
4.24	Pelan pindaan (permohonan baru)	618
4.25	Pertimbangan semula	331
4.26	Pelan R.S (4 salinan)	148
4.27	Permohonan ulasan pelan bangunan	1,065
JUMLAH KESELURUHAN		5,245



Kaunter Permohonan, Jabatan Perancangan Bandar Tingkat 9, Menara DBKL 1

3.0. PERMOHONAN KEBENARAN PERANCANGAN YANG DIPERTIMBANGKAN

3.1. Bilangan Mesyuarat OSC Yang Telah Diadakan

Sebanyak **1,440 kali Mesyuarat OSC** telah diadakan sepanjang tahun 2014 yang melibatkan pelbagai kategori iaitu OSC Khas, OSC 1, OSC1 Teknikal dan OSC 2. Daripada jumlah tersebut, Mesyuarat OSC 1 Teknikal paling banyak diadakan iaitu sebanyak **65 kali**.

Jadual 3.1: Bilangan Mesyuarat OSC Yang Telah Diadakan

BIL	MESYUARAT	JUMLAH
1.	OSC Khas	10
2.	JKPS (OSC 1)	19
3.	JKPS (Teknikal) (OSC 1)	65
4.	JKPS (Projek Berskala Kecil dan Sederhana) (OSC 2)	50
JUMLAH		144



Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (Projek Berskala Kecil Dan Sederhana) (Osc 2) Di Bilik Mesyuarat Osc Menara DBKL 2

4.0 PENGELUARAN PERINTAH PEMBANGUNAN

4.1 Perintah pembangunan yang dikeluarkan

Sebanyak **1,087 Perintah Pembangunan yang** telah dikeluarkan mengikut kategori. Daripada jumlah tersebut sebanyak **255 perintah penolakan** telah dibuat.

Jadual 4.1: PERINTAH PEMBANGUNAN TAHUN 2014

KATEGORI / BULAN	JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DESEMBER	JUMLAH
i) Pembinaan bangunan-bangunan baru	14	15	32	19	16	18	21	18	25	21	38	27	264
ii) a. Penukaran kegunaan tanah	3	2	6	-	3	3	3	-	4	5	5	5	39
b. Penambahan ketumpatan penduduk	1	3	3	2	2	6	1	-	3	7	2	1	31
iii) Pindaan kepada pelan yang diluluskan	9	9	5	7	7	10	6	4	3	13	18	9	100
iv) Tambahan dan perubahan	7	15	13	18	5	6	24	16	7	18	13	18	160
v) Bangunan/pembinaan sementara	3	4	10	5	1	7	3	7	4	6	8	6	64

vi)	Penukaran sementara kegunaan bangunan	12	16	9	6	1	5	6	18	3	3	13	10	102
vii)	Pembinaan struktur pemancar telekomunikasi	3	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-	1	6
viii)	Perintah Penolakan	19	26	16	21	25	12	28	17	16	33	20	22	255
ix)	Pelan Susunatur (pecahan sempadan dan penyatuan lot)	3	8	4	4	8	3	2	3	3	9	11	8	66
Jumlah Perintah Pembangunan yang dikeluarkan		74	98	98	82	68	71	94	83	68	116	128	107	1,087

4.2 Tuntutan Caj Pembangunan

Berkenaan dengan tuntutan caj pembangunan, sejumlah **RM 1,016,463,901.00** telah dituntut oleh pihak jabatan kepada pihak pemaju sepanjang tahun 2014. Berdasarkan kepada jadual di bawah, bulan September mencatatkan tuntutan caj pembangunan tertinggi iaitu sebanyak **RM339,509,500.00**

Jadual 4.2: Tuntutan Caj Pembangunan Tahun 2014

BULAN	JUMLAH (RM)
JANUARI	58,599,000.00
FEBRUARI	34,590,100.00
MAC	58,494,000.00
APRIL	109,022,000.00
MEI	41,550,000.00
JUN	26,888,401.00
JULAI	49,542,000.00
OGOS	40,959,000.00
SEPTEMBER	339,509,500.00
OKTOBER	59,952,000.00
NOVEMBER	69,945,900.00
DISEMBER	127,412,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	1,016,463,901.00

4.3 Tuntutan Sumbangan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (I.S.F) dan Sumbangan

Sejumlah **RM58,630,206.20** telah dituntut oleh pihak Jabatan sepanjang Tahun 2014 meliputi **RM50,398,125.00** untuk I.S.F. Jalan, **RM 3,040,499.00** untuk I.S.F. Parit dan **RM5,191,582.20** untuk sumbangan. Sumbangan yang dituntut melibatkan permohonan yang tidak menyediakan ruang tempat letak kereta yang mencukupi, tidak menyediakan ruang pusat penjaja, tidak menyediakan kawasan lapang, tabung perumahan kos rendah dan pembinaan jalan keluar masuk.

Jadual 4.3: Tuntutan I.S.F dan Sumbangan Bagi Tahun 2014

TAHUN	2014			JUMLAH (RM)
BULAN	I.S.F	I.S.F	SUMBANGAN	
	(JALAN)	(PARIT)		
JANUARI	3,697,500.00	294,550.00	498,917.00	4,490,967.00
FEBRUARI	1,674,961.00	121,860.00	110,100.00	1,906,921.00
MAC	3,505,250.00	236,380.00	672,006.20	4,413,636.20
APRIL	3,039,700.00	157,300.00	239,245.60	3,436,245.60
MEI	4,568,900.00	166,775.00	327,561.00	5,063,236.00
JUN	3,814,500.00	163,255.00	125,802.40	4,103,557.40
JULAI	2479750.00	157,076.00	717,900.00	3,354,726.00
OGOS	6,278,699.00	72,743.00	440,656.00	6,792,098.00
SEPTEMBER	2,645,400.00	415,975.00	905,300.00	3,966,675.00
OKTOBER	6,950,950.00	440,160.00	332,880.00	7,723,990.00
NOVEMBER	5,042,600.00	415,885.00	477,101.00	5,935,586.00
DISEMBER	6,699,915.00	398,540.00	344,113.00	7,442,568.00
JUMLAH (RM)	50,398,125.00	3,040,499.00	5,191,582.20	58,630,206.20

5.0. PENGUATKUASAAN PERANCANGAN BANDAR

Sejumlah **321 notis penguatkuasaan** di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 172) telah dikeluarkan terhadap pemohon yang melanggar arahan dan perintah pembangunan. Sebanyak **56 kes tindakan mahkamah** telah diambil terhadap Orang Kena Tuduh (OKT) atas pelbagai kesalahan dan sebanyak **121 tindakan roboh / sita** telah dilaksanakan.

Notis Penguatkuasaan Dan Tindakan Roboh Bagi Tahun 2014

BULAN	BILANGAN NOTIS PENGUATKUASAAN YANG DIKELU- ARKAN	TINDAKAN ROBOH / SITA
JANUARI	20	7
FEBRUARI	25	7
MAC	25	15
APRIL	21	16
MEI	28	12
JUN	45	16
JULAI	29	12
OGOS	27	14
SEPTEMBER	27	12
OKTOBER	13	8
NOVEMBER	16	0
DISEMBER	45	14
JUMLAH	321	133

OPERASI PENGUATKUASAAN PERANCANGAN



6.0. ADUAN AWAM

Sejumlah **80 aduan awam** telah diterima oleh pihak jabatan ini sepanjang tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, kesemua aduan awam telah diselesaikan oleh Bahagian Penguatkuasaan mengikut Piagam Pelanggan yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 3 hari bekerja.

BULAN	ADUAN AWAM	KES TUTUP/ SELESAI
JANUARI	5	5
FEBRUARI	3	3
MAC	3	3
APRIL	12	12
MEI	8	8
JUN	6	6
JULAI	8	8
OGOS	6	6
SEPTEMBER	7	7
OKTOBER	3	3
NOVEMBER	11	11
DISEMBER	8	8
JUMLAH	80	80

Bilangan dan Status Aduan Awam Bagi Tahun 2014

7.0 KELULUSAN PERMOHONAN PELAN LANDSKAP

Sebanyak **852 permohonan** pelan landskap telah diterima melalui OSC, merangkumi **696 permohonan** untuk diproses di bawah kategori A13 (Kebenaran Merancang) dan selebihnya iaitu **156 permohonan** untuk diproses di bawah kategori A17 (Pelan Lanskap).

Jadual 7.0: Kelulusan Permohonan Pelan Lanskap Bagi Tahun 2014

BIL.	BULAN	JUMLAH PERMOHONAN YANG DIPROSES	
		A13	A17
1	JANUARI	58	13
2	FEBRUARI	58	13
3	MAC	59	13
4	APRIL	58	13
5	MEI	58	13
6	JUN	58	13
7	JULAI	59	13
8	OGOS	58	13
9	SEPTEMBER	58	13
10	OKTOBER	59	13
11	NOVEMBER	58	13
12	DISEMBER	59	13
JUMLAH		700	156



Contoh Pelan Perspektif Bagi Permohonan Pelan Lanskap Yang Diterima Melalui OSC

GAMBAR POKOK DAN TANAMAN

POKOK KAWASAN LAPANG



PHILODENDRON "ANDERSON'S RED"
(PHILODENDRON)



SANSEVIERIA TRIFASCIATA "LAURENTII"
(SNAKE PLANT)



SOLENOSTEMON SCUTELLAROIDES
(PAINTED NETTLE)



TRADESCANTIA SPATHACEA "DWARF TRICOLOR"
(DWARF VARIEGATED BOAT LILY)



TURNERA ULMIFOLIA
(YELLOW TURNER)



PHYLLANTHUS COCHINCHINENSIS
(VIETNAM LEAF FLOWER)



AXONOPUS COMPRESSUS
(COW GRASS)



PERMOHONAN PELAN KELULUSAN LANDSKAP BAGI: CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN PADA KOMPLEKS MEMBELI BELAH SEDIADA 9 TINGKAT DAN 3 BESMEN SERTA TAMBAHAN 4 TINGKAT PADA ARAS 6 YANG MELIBATKAN: I. 3 TINGKAT RUANG LETAK KERETA BESMEN TERMASUK 1 TINGKAT KOMPLEKS MEMBELI BELAH; II. 9 TINGKAT KOMPLEKS MEMBELI BELAH TERMASUK 4 TINGKAT RUANG LETAK KERETA; III. PENAMBAHAN 4 TINGKAT RUANG PAWAGAM DARI ARAS 6 DI ATAS LOT NO 38, SEKSYEN 51, JALAN PUTRA, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR.
UNTUK TETUAN RHB TRUSTEES BERHAD

JABATAN REKABENTUK BANDAR DAN BANGUNAN

Selaras dengan pengstrukturkan semula jabatan-jabatan dalam organisasi **DBKL** pada 17 Februari 2014 Unit Rekabentuk dan Warisan telah berpindah ke Jabatan Perancangan Fizikal dan Unit Rekabentuk telah berpindah ke Jabatan Pelaksanaan Projek dan penyelenggaraan bangunan. **Jabatan Rekabentuk Bandar dan Bangunan (JRBB)** kini mengekalkan skop dan fungsi utamanya iaitu melaksanakan kawalan bangunan dan penguatkuasaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

JRBB adalah jabatan yang bertanggung jawab melaksanakan kawalan bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui perwakilan kuasa yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 1971] dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 serta pindaan-pindaan yang berkuatkuasa.

1.0. Fungsi Utama Jabatan Rekabentuk Bandar Bangunan

Fungsi kawalan bangunan sangat luas merangkumi kerja-kerja memproses permohonan untuk pengeluaran kelulusan pelan dan kebenaran mendirikan bangunan, mengeluarkan permit bagi kerja pengubahsuaian dalaman dan struktur sementara, memperakukan keperluan bangunan untuk lesen premis, mengeluarkan permit bagi kerja perobohan bangunan dan kebenaran kerja lebih masa serta memantau tapak bina dan pembinaan bangunan dari permulaan kerja sehingga perakuan siap dan pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP. Disamping itu jabatan juga bertanggungjawab mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti mengikut Akta dan Undang-Undang serta melakukan siasatan dan tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima.

2.0. Laporan Peruntukan Dan Perbelanjaan Jabatan Rekabentuk Bandar Dan Bangunan

Jabatan Rekabentuk Bandar dan Bangunan telah mendapat kelulusan peruntukan bajet bagi tahun 2014 adalah seperti berikut : -

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN
Bajet Mengurus	14,049,300.00	11,601,543.72	83%
Bajet Pembangunan	333,800	333,736	99.98%

3.0. Program Jabatan / Aktiviti - Aktiviti Jabatan Rekabentuk Bandar Dan Bangunan

3.1. Statistik permohonan dan kelulusan pelan bangunan

Tempoh Permohonan	Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan	Jumlah Permohonan Diluluskan	Permohonan Dalam Proses	Jumlah Permohonan Yang Ditolak
1 Jan. 2014 hingga 31 Dis. 2014	Permohonan Serentak	655	426	155	74
	Pelan Bangunan	1,111	911	135	65
	CFO	24	24	-	-
	CCC	492	492	-	-

3.2. Statistik Pemantauan Tapak Bina

Pihak jabatan menjalankan pemantauan bagi memastikan keselamatan, kebersihan dan keselesaan Tapak Bina dan kawasan persekitaran semua projek yang telah diluluskan dengan lawatan sekurang – kurangnya 1 kali dalam tempoh 3 bulan.

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Fail pelan yang diluluskan	1,337
2.	Fail bagi lawatan tapak bagi pemantauan	666

3.3. Laporan Tindakan Penguatkuasaan dan Pemantauan terhadap Pembinaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

3.3.1. Operasi Penguatkuasaan

Pihak Jabatan Rekabentuk Bandar dan Bangunan juga melaksanakan tindakan penguatkuasaan bagi pembinaan tanpa kelulusan. Tindakan penguatkuasaan ini dilaksanakan secara bersepadu dengan mendapat kerjasama daripada jabatan – jabatan dalam DBKL serta agensi kerajaan yang lain. Antara pihak lain yang terlibat ialah, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Undang–Undang dan Pendakwaan, Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja, Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar, Jabatan kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Pejabat Cawangan dan Juga Polis Diraja Malaysia. Operasi bersepadu telah dilaksanakan sebanyak 103 projek bagi memastikan pembinaan dilaksanakan berdasarkan peraturan yang disyaratkan dan selaras dengan pelan yang diluluskan.

3.3.2. Pemantapan Pasukan Task Force Jabatan

Jabatan ini juga telah menubuhkan Pasukan Task Force Jabatan yang mana pasukan ini akan menjalankan pemantauan pada setiap hari selepas waktu pejabat. Pasukan ini terdiri daripada kalangan kakitangan jabatan yang bertugas mengikut jadual yang ditetapkan.

Pelaksanaan pemantauan ini adalah berdasarkan data di jabatan serta aduan awam yang diterima terutamanya bagi kesalahan Kerja Lebihmasa di Tapak Bina. Sebanyak lebih dari 200 tapak projek berskala besar telah dipantau dalam tahun 2014 termasuk 46 projek telah diberi permit kerja lebih masa kepada pemaju pembinaan dan mereka ini disyaratkan untuk memasang CCTV di semua tapak bina dan boleh dipantau secara maya iaitu melalui telefon bimbit.

3.4. Laporan Pemantauan dan Maklumbalas Aduan Awam.

Bulan	Jumlah Aduan Yang Diterima	Dijawab / Selesai	Dalam Proses/ Tindakan	Jumlah (%)
Januari	89	89	0	100%
Februari	88	88	0	100%
Mac	101	101	0	100%
April	113	113	0	100%
Mei	128	128	0	100%
Jun	108	108	0	100%
Julai	87	87	0	100%
Ogos	123	123	0	100%
September	142	142	0	100%
Oktober	113	113	0	100%
November	122	122	0	100%
Disember	129	129	0	100%
Jumlah Keseluruhan	1343	1343	0	100%

Dalam memastikan pelaksanaan pemantauan terhadap aduan awam pihak jabatan telah mengambil pendekatan dan kaedah yang lebih efisien dengan mengadakan mesyuarat mingguan pemantauan terhadap aduan awam ini. Dengan ini semua aduan yang diterima dapat dikenalpasti dan diselesaikan dengan lebih cepat dan mudah.

3.5. Laporan Pemeriksaan Berkala - Penguatkuasaan Notis Seksyen 85 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974

Jabatan ini melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap bangunan sediaada supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat, berkualiti, bersih dan selesa serta premis/ bangunan mematuhi kehendak Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan undang – Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1985.

Jabatan juga memastikan pemilik bangunan melaksanakan pemeriksaan berkala kepada bangunan / premis sediaada yang melebihi 5 tingkat dan berusia lebih Sepuluh (10) tahun dengan cara:

- i. Mengenalpasti Bangunan sediaada yang terlibat.
- ii. Mengeluarkan Notis kepada pemilik bangunan yang telah dikenalpasti.
- iii. Menganalisis Laporan *dilapidation* dan mengesyorkan jenis tindakan.
- iv. Mengambil Tindakan undang-undang terhadap bangunan yang tidak mematuhi notis yang telah dikeluarkan.

BIL	STATUS FAIL DAN TINDAKAN	JUMLAH FAIL
1	Surat Pemberitahuan	6
2	Notis	10
3	Surat Peringatan	8
4	Surat Penangguhan	4
5	Borang	-
6	Laporan	11
7	Lawatan Tapak	-
8	Surat Makluman	3
9	Sijil Berkala	6
10	Carian Hakmilik	2
11	Fail Tutup	2
	JUMLAH	52

3.6 Pelaksanaan Aktiviti Jabatan

Jabatan telah melaksanakan beberapa program seperti:-

3.6.1. Pusat Pemantauan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di Tapak Bina Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) adalah satu opsyen bagi membolehkan JRBB membuat pemantauan dengan lebih efisien terhadap tapak bina terutama untuk projek - projek berskala besar. Buat masa ini, pemasangan CCTV disyaratkan ke atas projek - projek pembinaan yang telah diberi kebenaran menjalankan kerja lebih masa di luar waktu kerja biasa yang dibenarkan.


Majlis pelancarannya telah diadakan pada 5 Disember 2014 dan dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Hj. Ahmad Phesal bin Hj. Talib, Datuk Bandar Kuala Lumpur di Bilik Gerakan OSC, Menara DBKL 2, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

4.0. GAMBAR BAGI PROGRAM / AKTIVITI UTAMA JABATAN REKABENTUK BANDAR DAN BANGUNAN


Operasi Meroboh Binaan Tanpa Izin Di Sekitar Kuala Lumpur (Operasi Bersepadu)



Operasi Meroboh Binaan Tanpa Izin Di Sekitar Kuala Lumpur (Operasi Bersepadu)



Operasi Meroboh Binaan Tanpa Izin Di Sekitar Kuala Lumpur (Operasi Bersepadu)



**Operasi Meroboh Binaan Tanpa Izin Di Sekitar Kuala Lumpur
(Operasi Bersepadu)**





JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR (JPIF)

Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF) telah ditubuhkan pada 1 Julai 2011 dengan fungsi utamanya adalah untuk menyelaraskan kawalan perancangan infrastruktur pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jabatan Perancangan Infrastruktur ini adalah gabungan daripada beberapa bahagian dalam Jabatan berasingan yang berfungsi melakukan kerja-kerja perancangan infrastruktur dan kawalan pembangunan.

Antara Jabatan yang digabungkan adalah seperti berikut:

Jabatan Kerja Awam

- i. Kelulusan Pelan Kerja Tanah
- ii. Kelulusan Pelan Jalan dan Perparitan
- iii. Kelulusan pelan Pembentungan Pintu Masuk
- iv. Kelulusan Pelan Lampu Jalan
- v. Rekabentuk Jalan/ Jambatan/ Persimpangan Bertingkat

Jabatan Pengangkutan Bandar

Kelulusan Pelan Aliran Trafik dan Tempat Letak Kereta (TLK)

Jabatan Saliran dan Pengurusan Sungai

Kelulusan Pelan Mengikut Kehendak Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dan Sistem Pengurusan Air Hujan (SPA)

1.0. FUNGSI UTAMA JABATAN

- 1.1. Merancang dan membuat kawalan pembangunan dari segi kerja tanah, jalan dan perparitan, lampu jalan, TLK, sirkulasi trafik dan MSMA yang bertujuan untuk pengeluaran sokongan CF atau CCC.
- 1.2. Menjalankan kerja pengukuran kejuruteraan, pengambilan tanah, permohonan tanah, utiliti dan geospasial dan membantu pasukan bangunan untuk khidmat nasihat projek DBKL.
- 1.3. Merancang, rekabentuk dan menyediakan dokumen-dokumen tawaran untuk Infrastruktur Jalan dan Parit.



2.0. BAGHIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan Jabatan adalah merupakan salah satu daripada tugas utama bahagian ini. Ia melibatkan penyediaan belanjawan tahunan pada tiap-tiap awal tahun dan juga pengawalan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi semua bahagian di sepanjang tahun 2014.

Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014

BIL	ASET/INVENTORI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN(RM)
1	Elaun Lebih Masa Kakitangan	250,000.00	198,835.77
2	Elaun Lebih Masa Pekerja	125,000.00	97,134.90
	JUMLAH	375,000.00	295,970.67
BIL	PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN(RM)
1	Elaun Perjalanan	20,000.00	16,297.74
2	Telefon dan Faks	5,000.00	5,282.62
3	Surat Khabar	1,500.00	1,919.40
4	Alatulis Pejabat	65,000.00	63,256.32
5	Alatulis Komputer/Toner	100,000.00	19,690.00
6	Alatulis Melukis	17,000.00	15,911.00
7	Bekalan Alat-Alat Pekakas	14,000.00	13,843.04
8	Pakaian Seragam	90,000.00	55,660.50
9	Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Pejabat	100,000.00	61,106.39
10	Penyelenggaraan Komputer	2,000.00	2,000.00
11	Penyelenggaraan Alat Perhubungan Lain	10,000.00	10,000.00
12	Penyelenggaraan Alat-alat Ukur	50,000.00	30,310.00
13	Bayaran Siasatan/ Kerja	50,000.00	15,000.00
14	Keraian Pejabat	10,000.00	5,819.25
	JUMLAH	534,500.00	316,096.26

BIL	ASET/INVENTORI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
1	Aset-Aset Kecil	1,600.00	1,586.00
2	Elektrik/ Elektronik/ Jentera Kecil	1,300.00	975.00
	JUMLAH	2,900.00	2,561.00




3.0. BAHAGIAN PERANCANGAN DAN KAWALAN PEMBANGUNAN SWASTA

3.1. Perancangan

- i. Membuat perancangan masa hadapan bagi infrastruktur jalan dan saliran.
- ii. Mengkaji semula susunatur jaringan jalan/koridor jalan.
- iii. Menyemak permohonan yang dikemukakan oleh Jabatan Perancangan dan kelulusan dasar/perintah pembangunan oleh Jawatankuasa Perancangan Bandar berhubung dengan kehendak-kehendak garisatur dan rizab jalan.
- iv. Mewakili DBKL dalam perundingan terma dan syarat-syarat serta ulasan teknikal untuk projek-projek penswastaaan jalan.
- v. Kelulusan pelan-pelan penyerahan tanah untuk rezab jalan, susur dan lorong.
- vi. Khidmat nasihat bagi jaringan jalan-jalan baru dalam kawasan pembangunan baru.
- vii. Penyemakan pelan-pelan dan permohonan yang dibentangkan didalam mesyuarat Kelulusan Serentak untuk kelulusan Perancangan/Perintah Pembangunan dari rangkaian jalan, garisatur jalan dan sebagainya.

PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK TAHUN 2014

UNIT JALAN (PERANCANGAN)			
BIL	RINGKASAN AKTIVITI / PROJEK (SENARAI AKTIVITI PROJEK)	JUMLAH PERMOHONAN(OSC)	JUMLAH KELULUSAN
1.	Ulasan Kebenaran Perancangan	1500	1500
2.	Ulasan Pelan Bangunan	500	500
3.	Juruukur Perunding	300	300
	JUMLAH	2300	2300



UNIT JALAN (PERANCANGAN)												
BIL	JENIS KELULUSAN	JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT KAWASAN										
		U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	JUMLAH
1.	Ulasan Kebenaran Perancangan	155	127	105	129	135	116	222	202	106	203	1500
2.	Ulasan Pelan Bangunan	50	50	50	50	50	50	50	50	50	50	500
3.	Juruukur Perunding	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	300
	JUMLAH											2300

3.2. Kawalan Pembangunan Swasta

- i. Penyemakan dan kelulusan pelan-pelan terperinci yang dikemukakan oleh akitek/jurutera perunding swasta berhubung dengan kerja tanah, cerucuk, jalan, perparitan, lampu jalan dan pembentungan pintu masuk untuk memastikan bahawa pelan-pelan tersebut mematuhi Akta Jalan, Parit dan bangunan 1974, Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 serta kehendak-kehendak/garis panduan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- ii. Pemeriksaan tapak berhubung dengan kerja-kerja yang tersebut di atas semasa kerja-kerja dijalankan.
- iii. Pemeriksaan tapak selepas kerja-kerja disiapkan sebelum surat pengesyoran Sijil Kelayakan Mendiami Bangunan dikeluarkan.
- iv. Menjalankan pemeriksaan/penyiasatan tapak berhubung dengan aduan yang diterima berkaitan dengan kerja-kerja yang terlibat di atas serta mengambil tindakan susulan.
- v. Mengurus segala hal ehwal berkaitan dengan JPIF dalam projek-projek penswastaan/usahasama antara DBKL dengan pemaju swasta.



PERMOHONAN KELULUSAN TAHUN 2014

BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN SWASTA												
Bil	Jenis Permohonan Kelulusan Tahun 2014	JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT KAWASAN										
		U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	JUMLAH
1.	Kelulusan Pelan Kerja Tanah dan Cerucuk	74	74	26	77	147	23	23	55	77	87	663
2.	Kelulusan Pelan Jalan dan Perparitan	20	31	10	17	46	18	17	32	35	29	255
3.	Kelulusan Pembetung Pintu Masuk	48	39	12	56	96	-	1	18	37	51	358
4.	Kelulusan Pelan Lampu Jalan	20	14	14	21	26	16	12	20	25	26	194
5.	Jumlah Mengikut Kawasan Bagi Tahun 2014	162	158	62	171	315	57	53	125	174	193	1470
Jumlah Keseluruhan bagi Tahun 2014		1470 mohonan Kelulusan										

4.0. UNIT PENGANGKUTAN AWAM

- a) Mengkaji dan menyelaraskan laluan sistem rel bersama MoT dan SPNB
- b) Mengkaji kesesuaian dan keperluan KPA untuk sesebuah pembangunan.
- c) Mengkaji dan menganalisa laporan TIA yang disediakan oleh perunding atau DBKL sendiri untuk sesebuah pembangunan
- d) Memastikan perletakan papan tanda tunjuk arah yang mencukupi dan tidak mengelirukan.
- e) Papan tanda iklan ditentukan lokasi yang sesuai dan tidak menghalang pemandangan.
- f) Menyediakan garis panduan dan mengkaji kesesuaian aliran lalulintas bagi sesebuah pembangunan.
- g) Menyediakan garis panduan TLK termasuk TLK untuk pelawat, OKU, mekanikal, bas, lori dan motosikal bagi pembangunan komersil atau kediaman.
- h) Memastikan bilangan TLK mengikut kehendak perintah pembangunan dan menepati spesifikasi.
- i) Memastikan rekabentuk pondok mengikut spesifikasi dan mendapat persetujuan penduduk setempat.

4.1. AKTIVITI TAHUN 2014

- i. Menyemak permohonan OSC dan pelan-pelan supaya selaras dengan kehendak Jabatan. Garis panduan DBKL (JPIF/TLK/2013 JPIF/BAS/2013. JPIF/TEKSI/2013).
- ii. Membuat surat pengesyoran bagi laluan keluar dan masuk (egress/ingres) susunan ruang letak kereta, motosikal dan edaran laluan dalaman dan kemudahan pengangkutan awam (bas/teksi) daftar dan cop pelan untuk pengesyoran.

- iii. Membuat pemeriksaan tapak sebelum CCC dikeluarkan.
- iv. Memberi maklumat dan penerangan teknikal kepada Arkitek, orang Awam dan pelajar-pelajar.
- v. Menghadiri mesyuarat antara jabatan-jabatan dalam DBKL atau mesyuarat dalaman yang diadakan dalam jabatan ini.

5.0. UNIT REKABENTUK (BAHAGIAN JALAN, JEJAMBAT DAN JAMBATAN)

5.1. Fungsi-Fungsi Utama

- a. Merancang dan menyediakan dokumen tawaran bagi projek-projek jalan raya, jejambat dan jambatan. Seterusnya akan dihantar ke Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan untuk di tender.
- b. Mengadakan mesyuarat-mesyuarat teknikal (rekabentuk) bersama pihak konsultan dari aspek pelan konsep kejuruteraan dan rekabentuk terperinci sebelum dokumen tawaran disediakan.
- c. Membuat kajian / perancangan pembinaan lebuh raya-lebuh raya baru atau penambahan susur lebuh raya bagi lebuh raya sedia ada serta memberi ulasan-ulasan teknikal terhadap pembinaan lebuh raya, MRT, LRT dan laluan basikal di dalam kawasan WPKL.

Projek – Projek Dilaksanakan

Bil	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Anggaran Kos Perunding (RM)
1	Kajian Untuk Mengatasi Kesusakan Lalulintas di Jalan Yew (Diantara Jalan Yew /Jalan Loke Yew) KL	1,000,000.00	1,000,000.00
2	Menaiktaraf Jalan Yap Kwan Seng dari Jalan Ampang hingga ke Jalan Tun Razak	10,000,000.00	666,405.60
3	Membina Jalan Sambungan dari Jalan 1/27A ke Setiawangsa	50,000,000.00	2,032,687.20
4	Membina Jalan Sambungan Jalan Kiara 5 K.Lumpur	16,000,000.00	969,670.33
5	Menaiktaraf Jalan Semarak Dari Jalan Tun Razak Hingga Ke Lebuh raya DUKE, Kuala Lumpur	20,000,000.00	1,222,600.00
6	Pembinaan Jalan Rezab 80 Kaki di Desa Petaling / Kg. Malaysia Tambahan (Lot 698 dan 3041), K.L	18,000,000.00	783,000.00
7	Membina Jalan Sambungan (Missing Link) Jalan Jalil Perkasa 7 ke Jalan Barat, Bukit Jalil, KL	8,000,000.00	607,300.00
8	Cadangan Penyuraian Trafik Bukit Jalil, K.Lumpur	70,000,000.00	Di Biayai oleh Pemaju



Ga



Kajian Untuk Mengatasi Kesyakan Lalulintas di Jalan Yew (Di antara Jalan Yew / Jalan Loke Yew) Kuala Lumpur.



Menaiktaraf Jalan Yap Kwan Seng dari Jalan Ampang hingga ke Jalan Tun Razak




Membina Jalan Sambungan Jalan Kiara 5 Kuala Lumpur.





Menaiktaraf Jalan Semarak Dari Jalan Tun Razak Hingga Ke Lebuhraya DUKE, Kuala Lumpur.



Membina Jalan Sambungan (Missing Link) Jalan Jalil Perkasa 7 ke Jalan Barat, Bukit Jalil, Kuala Lumpur



Cadangan Penyuraian Trafik Bukit Jalil, Kuala Lumpur.



6.0. BAHAGIAN UKUR GEOMATIK

- a) Melaksanakan kerja-kerja pengukuran dan pemetaan.
- b) Berperanan dalam bidang ukur lebih lancar dalam kerja-kerja pembangunan tanah.
- c) Menjadi pangkalan data untuk pengumpulan maklumat utiliti.
- d) Memastikan pengukuran penentuan sempadan memenuhi keperluan pembangunan.
- e) Penyediaan Pelan Pengambilan Tanah dan Pengendalian kerja-kerja pengambilan tanah.
- f) Penyediaan pelan perhitungan untuk permohonan perizaban dan serahan tanah.
- g) Pengkalan data pelan ukur, peta akses, pelan akui JUPEM dan foto udara.
- h) Semakan hak milik dan status tanah di PTG.
- i) Membuat semakan dan mengawal selia kerja-kerja berlesen serta semakan tuntutan upah ukur.

6.1. AKTIVITI TAHUN 2014

BIL	UNIT	PROJEK DILAKSANAKAN	ANGGARAN UPAH UKUR (RM)
1	Unit Kejuruteraan	68	873,046.00
2	Unit Utiliti	43	9,212,122.00
3	Unit Kadaster		
	- Butiran dan Penandaan Sempadan	46	506,504.00
	- Pengambilan Tanah	16	-
	- Pra-Hitungan	27	-
	- Lesen Menduduki Sementara (LMS)	2	11,411.00
	JUMLAH KESELURUHAN	202	10,603,083.00

7.0. UNIT LUKISAN

- a. Unit Lukisan ditubuhkan bagi tujuan untuk pemberian alamat pada setiap bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan Jabatan dan Akta 133 Parit, Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 29 dan 31.
- b. Fungsi utama Unit Lukisan seperti berikut :
 - i. Menyediakan pelan-pelan kejuruteraan jalanraya dan lain-lain pelan yang dikeluarkan oleh Jabatan.
 - ii. Menyimpan rekod pelan-pelan piawaian, jejantas, jambatan serta inventori jalan-jalan di Wilayah Persekutuan.
 - iii. Mengisytihar jalan persendirian ke jalan awam. Jumlah panjang jalan yang diisytihar sebagai jalan awam bagi tahun 2014 adalah sepanjang **13.800 km.**

Jumlah Panjang Jalan-jalan Yang Diambilalih Dan Diisytiharkan Sebagai Jalan Awam Bagi Tahun 2014 (km)	Panjang Jalan = 13.800 km
---	---------------------------

- iv. Memproses permohonan alamat dan memberi nombor alamat premis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebanyak 140 permohonan dikemukakan dan 137 permohonan yang telah lengkap serta mematuhi kriteria yang ditetapkan telah diluluskan pada tahun 2014.

BIL	JENIS BANGUNAN	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN YANG DILULUSKAN
1	Banglo/Teres/rumah Berkembar	47	46
2	Pangsapuri/Kilang/Pejabat/Rumah pangsa	66	64
3	Baki permohonan tahun sebelum 2014 yang belum diluluskan (Yg Belum Mematuhi Kehendak JKA)	23	23
4	Permohonan pertukaran alamat	4	4
Jumlah Permohonan Alamat Yg Diluluskan Bagi Tahun 2014 (Permohonan Yg Telah Lengkap Mematuhi Kehendak JPIF)			137

- v. Menjadi Sekretariat kepada Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Untuk Nama Jalan-Jalan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti berikut:

BIL	NAMA JALAN	BIL JNNG	TARIKH
1	J SULTAN YAHYA PETRA	BIL 2/2014	11/04/2014
2	PERSIARAN TUANKU JAAFAR	BIL 2/2014	11/04/2014
3	LEBUHRAYA SULTAN ISKANDAR	BIL 2/2014	11/04/2014
4	J SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN	BIL 2/2014	11/04/2014
5	PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN	BIL 2/2014	11/04/2014
6	J SULTAN AZLAN SHAH	BIL 2/2014	11/04/2014
7	J SULTAN HAJI AHMAD SHAH	BIL 2/2014	11/04/2014
8	JALAN TUANKU ABDUL HALIM	BIL 2/2014	11/04/2014
9	LINGKARAN SV	BIL 3/2014	24/11/2014
10	LINGKARAN SV1	BIL 3/2014	24/11/2014
11	LINGKARAN SV2	BIL 3/2014	24/11/2014
12	LINGKARAN SV3	BIL 3/2014	24/11/2014
13	LINGKARAN SV3A	BIL 3/2014	24/11/2014
14	J INOVASI UTAMA	BIL 3/2014	24/11/2014

15	J INOVASI 1	BIL 3/2014	24/11/2014
16	J INOVASI 2	BIL 3/2014	24/11/2014
17	J INOVASI 3	BIL 3/2014	24/11/2014
18	J TEKNOLOGI MALAYSIA 2	BIL 3/2014	24/11/2014
19	J TEKNOUSAHAWAN 1	BIL 3/2014	24/11/2014
20	J TEKNOUSAHAWAN 2	BIL 3/2014	24/11/2014
21	J TEKNOUSAHAWAN 3	BIL 3/2014	24/11/2014
22	J TEKNOUSAHAWAN 4	BIL 3/2014	24/11/2014
23	J TEKNOUSAHAWAN 5	BIL 3/2014	24/11/2014
24	J TEKNOUSAHAWAN 6	BIL 3/2014	24/11/2014
25	J RAKYAT	BIL 3/2014	24/11/2014

Mengemaskini pelan 2 rantai setiap permohonan alamat premis dan pertukaran nama jalan.

8.0. UNIT SALIRAN (MSMA)

- a. Menjalankan Kajian dan siasatan ditapak dari aspek saluran sediaada dan jenisnya penentuan keperluan selenggara semasa, dipertingkatkan atau diperbesarkan berdasarkan keperluan.
- b. Membuat Kajian dan Analisa Kejuruteraan Hidrolik untuk menentukan kapasiti sediaada, kapasiti permintaan semasa dan kapasiti di masa akan datang.
- c. Merekabentuk jenis struktur saliran yang terbaik untuk mengatasi dan memenuhi keperluan semasa serta akan datang hasil kajian yang dilakukan di perkara 2.
- d. Menyediakan dokumen tawaran untuk cadangan rekabentuk yang telah dipilih/disyorkan melalui rekabentuk dalaman jika kerja dilakukan secara "In-House".
- e. Menyediakan "Term of Reference" (TOP) untuk Perlantikan Perunding jika kerja dilakukan melalui Khidmat Perunding. Ini termasuk memantau kerja oleh pihak Perunding.
- f. Berurusan dengan Bahagian Perolehan DBKL untuk membuat Tawaran Tender tertakluk kepada jenis tender yang ditetapkan.
- g. Membuat penganalisan tawaran dan seterusnya mengesyorkan pemilihan kontraktor yang berkelayakan untuk melaksanakan kerja yang berkaitan.

JABATAN PERANCANGAN FIZIKAL

Jabatan Perancangan Fizikal adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab menyediakan, mengemaskini dan melaksanakan pelan-pelan pembangunan untuk kemajuan Kuala Lumpur. Pelan-pelan ini terdiri daripada Pelan Struktur dan Pelan Tempatan.

Jabatan ini juga menjalankan tugas-tugas urusetia kepada *Greater KL/KV* peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan urusetia dalam melaksanakan program-program LA 21KL secara '*bottom up*' dengan penglibatan bersama masyarakat dan sektor swasta.

Pada Februari 2015, fungsi jabatan telah diperluaskan dengan penubuhan Bahagian Rekabentuk Bandar dan Estetika, yang bertanggungjawab dari aspek perancangan dan senibina dalam memelihara nilai-nilai setempat, warisan senibina, karektor bandar melalui penyelidikan dan garis panduan perancangan rekabentuk.

Projek dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh jabatan sepanjang tahun 2014 mengikut bahagian adalah seperti berikut :

1.0. BAHAGIAN PERANCANGAN PELAN (BPP)


BPP terlibat dalam aktiviti penyediaan pelan pembangunan yang terdiri daripada pelan struktur, pelan tempatan, pelan susunatur, pelaksanaan dan pemantauan perancangan, kajian sektoral serta program-program publisiti dan penyertaan awam.

1.1. Sektor Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020)

Jabatan telah membuat beberapa Pindaan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Pindaan PBRKL2020) berdasarkan arahan terkini pentadbiran DBKL dan dasar-dasar semasa kerajaan untuk dibenteng kepada Menteri Wilayah Persekutuan sebelum proses pewartaan dijalankan. Penentuan tarikh baru pewartaan PBRKL2020 akan dimaklumkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan setelah semua pindaan PBRKL2020 dibuat.

1.2. Sektor Guna Tanah dan Pengangkutan (GT & P)

Sektor GT&P telah terlibat secara aktif dalam penyediaan Pindaan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Pindaan PBRKL2020) khususnya dalam perancangan guna tanah dan pengangkutan seperti koridor pengangkutan awam, cadangan sirkulasi jalan dan cadangan laluan basikal di Kuala Lumpur.



Cadangan laluan basikal di Kuala Lumpur disediakan dengan kerjasama jabatan, agensi dan penduduk berkaitan seperti dari Pusat Bandar ke *Mid Valley*, Taman Batu Muda ke Taman Metropolitan Batu dan di sekitar Pusat Bandar.

Laluan basikal sedia ada di kawasan perumahan seperti di Taman Tun Dr. Ismail, Wangsa Maju dan Setiawangsa akan dinaik taraf.

Penyediaan Peta Guna Tanah Semasa Kuala Lumpur 2014 dijalankan dengan menggunakan kaedah seperti lawatan tapak, pengumpulan maklumat dari jabatan teknikal dalaman DBKL dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Pindaan kepada PBRKL 2020 melibatkan penyediaan pelan koridor pengangkutan termasuk laluan Mass Rapid Transit (MRT) Line 2 dan Line 3, koridor keretapi laju (Kuala Lumpur – Singapura) dan BRT KL – Klang.

Kajian bersepadu dengan agensi-agensi pengangkutan seperti SPAD, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Kementerian Kerja Raya dan lain-lain untuk agar satu sistem pengintergrasian pengangkutan awam dan guna tanah yang tercapai.



1.3. Sektor Industri - Pelan Tindakan Pembangunan Kawasan Industri (PTPKI 2014-2018)

Penyediaan PTPKI 2014-2018 adalah bertujuan untuk menaiktaraf dan menambahbaik keseluruhan kawasan industri sedia ada.



Satu sesi Bengkel penyediaan Pelan Tindakan Pembangunan Kawasan Industri WPKL 2014-2018

1.4. Sektor Rekabentuk Bandar dan Warisan

Garis Panduan Reka Bentuk Bandar, Pusat Bandar Kuala Lumpur (GPRBKL) disediakan dalam 2 jilid. Garis Panduan Rekabentuk Bandar bertujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandar Raya yang dinamik, sejahtera dan mapan disamping mempunyai identiti yang unik dan reka bentuk yang menarik.

Garis Panduan Reka Bentuk Bandar disediakan berdasarkan 4 teras utama iaitu :

- 1.4.1. Perancangan Gunatanah dan Fizikal-kajian guna tanah sedia ada dan komited, kawasan infill, kawasan brownfields dan kesesuaian aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
- 1.4.2. Jaringan Pergerakan dan Kemudahsampaian aspek perhubungan dalam bandar melalui jaringan pergerakan jalan, laluan pejalan kaki, pengangkutan awam, ameniti dan servis utiliti.
- 1.4.3. Imej dan identiti – merangkumi imej bandar, profil bandar, landskap, *public realm*, fasad bangunan, papan tanda, karektor bangunan, tipologi bangunan, dan karya seni.
- 1.4.4. Sejarah dan warisan - merangkumi pembentukan bandar, latar belakang sejarah dan inventori bangunan bersejarah, karektor dan identiti kawasan serta pemuliharaan bangunan warisan

1.5. Sektor Kawasan Lapang dan Kemudahan Masyarakat (KLKA)

Menjalankan Kajian Semakan Kawasan Lapang dan Kemudahan Masyarakat dengan mengumpul dan merekodkan maklumat kawasan lapang kemudahan masyarakat dari jabatan, agensi, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kementerian berkaitan. Kajian lapangan dijalankan bertujuan untuk mengemaskini maklumat-maklumat kemudahan awam dan kawasan lapang Januari 2014 sehingga September 2014. Sektor KLKA bertanggungjawab menghantar pelaporan kawasan lapang ke Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) setiap enam (6) bulan. Berikut adalah pelaporan tanah lapang bagi Jun 2014.

Status Pewartaan Tanah Lapang Awam (A) Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sehingga 30 Jun 2014

Tanah Lapang Awam (A)			
Pihak Berkuasa Tempatan	Status sehingga Jun 2014 (hektar)		
	(A1) Warta	(A2) Belum warta	(A) Jumlah
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur			
Jumlah (Kumulatif - sehingga Jun 2014)	982.8	1034.39	2017.19
Jumlah (Kumulatif - Disember 2013)	977.24	604.32	1581.56
Jumlah (Incremental - Dis 2013 - Jun 2014)	5.56	430.07	435.63

Laporan Tanah Lapang Jun 2014

1.6. Sektor Indeks Petunjuk Bandar

Fungsi utama sektor ini adalah mengumpul maklumat berkaitan indeks petunjuk bandar seperti data perumahan, alam sekitar, sosial ekonomi bagi menyediakan Laporan Pelaksanaan. Sektor ini juga Terlibat dalam menghasilkan indikator Garis Panduan Kejiranan Hijau, *KL Competitiveness Index*, Petunjuk Bandar Berdaya Huni (*Liveability City Index*), *Kuala Lumpur Low Carbon Society Blueprint*, Pelan Tindakan Pembangunan Kejiranan Hijau, Inisiatif Kejiranan Hijau.



Nurseri Jinjang Fasa 3



Taman Herba Local Agenda 21 KL, Sungai Midah

2.0. BAHAGIAN PROJEK KHAS (BPK)

Bahagian Projek Khas berfungsi khusus selaku urusetia menyelaras semua projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) Greater Kuala Lumpur/Klang Valley dan DBKL sendiri. Antara projek yang sedang dalam pelaksanaan ialah River Of Life (ROL) Greener KL, Iconic Places dan Pedestrian Network.

EPP 5 - RIVER OF LIFE



Untuk menghidupkan semula Sg. Klang; sungai akan dibersihkan bermula dari bahagian hulu; dipindahkan serta beberapa kawasan strategik di sepanjang sungai dibangunkan atau diperkemaskan supaya menghadap ke sungai.

EPP 6 - GREENER KL



Menghijaukan Greater KL/KV bagi memastikan setiap warganya dapat menikmati kawasan hijau yang cukup luas. DBKL telah mulakan inisiatif untuk meningkatkan kepadatan hijau bandar raya Kuala Lumpur. Mensasarkan kadar 14 m² kawasan hijau setiap penduduk menjelang 2020.

a. ICONIC PLACES

Menaiktaraf, mengindah dan menambah tempat-tempat menarik sebagai sebuah bandaraya bertaraf dunia dan pusat warisan dengan mentransformasikan tarikan sedia ada dan membina tarikan baru.



Heritage Trail Route 1 Medan Pasar (Dataran Merdeka ke Medan Pasar). Reviving Medan Pasar dengan menambahbaik dan mengindah serta menukar aktiviti yang lebih sesuai dengan persekitaran baru.




Heritage Trail Route 2 (Jalan Melaka - Pusat Maklumat Perhutanan Bukit Nanas) menunjukkan jejak warisan di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur dengan memperindahkan dan menaiktaraf kawasan yang mempunyai karektor budaya tempatan.




Heritage Trail Route 3 (Jalan Hang Kasturi- Segitiga Bangkok Bank- Sebahagian Jalan Petaling & Lebuhraya Pudu).

EPP 8 – PEDESTRIAN NETWORK



Membangunkan rangkaian pejalan kaki yang komprehensif akan meningkatkan kepada keselesaan hidup (*livability*), menggalakkan pelancong dalam dan luar Negara mengunjung kawasan pusat bandar rata serta dapat mempromosi kawasan dan aktiviti perniagaan dan riadah.

3.0. BAHAGIAN PENYELIDIKAN



Fungsi bahagian ini menjurus kepada menjalankan kajian lapangan, membangunkan pangkalan data perancangan GIS, menyelaraskan maklumat pembangunan serta menyelia pengurusan Pusat Sumber Jabatan.

3.1. Unit Penyelidikan dan Pengurusan Maklumat


Unit Penyelidikan dan Pengurusan Maklumat telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut :

- 3.1.1. Kajian Lapangan : Kajian Guna Tanah Semasa :
Kajian Guna Tanah telah menghasilkan pelan guna tanah semasa 2014 meliputi kawasan Pusat Bandar (CC) dan Kawasan Perancangan Strategik
- 3.1.2. Kajian Tapak Dalam Pembinaan (KDP)
Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti tapak-tapak yang sedang dalam pembinaan untuk mendapatkan status dan peratus pembinaan di tapak bagi permohonan perancangan yang telah diberikan kelulusan perintah Pembangunan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).
- 3.1.3. Pengemaskinian Maklumat OSC
Pengemaskinian maklumat kelulusan perintah pembangunan bertujuan sebagai pengumpulan maklumat terutama projek-projek yang telah dikeluarkan kelulusan Perintah oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

3.2. UNIT GIS

Unit GIS bertanggungjawab untuk mengurus dan memantau proses Pelan Asas Digital WPKL dalam pangkalan data GIS secara berpusat. Unit GIS juga menyediakan dan mengemaskini Lapisan Pelan Bermaklumat secara berkala iaitu versi April, Ogos dan Disember untuk kegunaan jabatan.

- 3.2.1. Unit GIS juga perlu mengurus pangkalan data GIS bagi perkara-perkara berikut:
 - a. Pelan Semasa
 - b. Pelan Komited
 - c. Pelan Utiliti – Jalan, Tnb Dll.
 - d. Pelan Rangkaian Pengangkutan
 - e. Pelan Menukar *projection Non-Earth(meter)* kepada *Geocentric Datum of Malaysia 2000 (GDM2000)* bagi menyelaraskan *projection* dengan *standard* Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (*MaCGDI*).
 - f. Rezab Sungai/Parit
 - g. Pelan Lot Dari Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia



3.2.2. Pengurusan Sistem dan ICT :

- a. Membangun dan menyelenggara Sistem Pemantauan Pencapaian Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Mosys PBRKL2020). Ia digunakan di peringkat mesyuarat jawatankuasa penilaian perancangan sistem MOSYS PBRKL2020.
- b. Membangun dan menyelenggara Sistem Maklumat Eksekutif atau e-PBRKL2020, yang kini telah siap sepenuhnya dengan kekemasan data ke dalam peta interaktif.
- c. Membantu Pegawai Perancang dalam penyaluran maklumat dan perkongsian data-data GIS di antara jabatan-jabatan dalam DBKL bagi projek DBKL Gisnet, sistem hazard and risk map serta G-Aset dan mesyuarat-mesyuarat berkala bersama-sama Pusat Infrastruktur Data Geospasial negara (MacGDI) bagi tujuan perkongsian data antara agensi.

4.0. UNIT LOCAL AGENDA-21 KUALA LUMPUR (LA 21 KL)

Unit LA 21 KL bertanggungjawab melaksanakan program berkonsepkan perkongsian pintar yang melibatkan tiga pihak berkepentingan swasta, PBT, Komuniti, NGO berbentuk projek mampan. Empat tema telah dikenalpasti iaitu Bandar Raya Bersih dan Indah, Bandar Raya Sejahtera, Bandar Raya Selamat dan E-Bandar Raya

4.1. Program Bandar Raya Bersih Dan Indah

13.	Ubahsuai Rumah Rehat DBKL di Johor	Tender
14.	Menaiktaraf 144 unit kediaman Blok G <i>Apartment Warisan City View</i> Jalan Cheras	Tender
15.	Struktur Bumbung Untuk <i>Paddock</i> Kuda JLR di Titiwangsa	Perancangan
16.	Perumahan Awam Kg Wira Jaya, Setapak	Perancangan
17.	Perumahan Awam <i>Indian Settlement</i> , Kg Pandan	Perancangan
18.	Perumahan Awam Sg Udang, Segambut	Dokumentasi
19.	Auditorium DBKL	Rekabentuk
20.	Ubahsuai Pejabat Zon 1 Cheras JPPK	Tender
21.	Naiktaraf Depoh Tunda Jinjang	Tender

BIL	NAMA PROJEK	STATUS
22.	Cadangan Kompleks Pejabat JKM, Stor Sitaan JPK, Setor Pusat Vektor, Pusat Kurungan Haiwan, <i>Squad</i> Kecemasan dan <i>Flying Squad</i> , JKAS di atas sebahagian Lot PT26211 dan 26210 MRR2	Rekabentuk
23.	Cadangan Pemindahan dan Pembinaan Pejabat JKAS	Dokumentasi
24.	Cadangan Pejabat Cawangan Batu di Batu 3 Jalan Ipoh	Rekabentuk
25.	Membekal dan Memasang Kerusi Meja Gerai <i>Pines Bazaar</i>	Retender
26.	Kaunter Bayaran Setempat Baru di <i>The Pines Bazaar</i>	Rekabentuk
27.	Membina Dewan Di Jalan Wirawati Kg.Pandan	Rekabentuk
28.	Membina Surau di PPR Desa Tasik	Perancangan
29.	Pusat Komuniti PPR Beringin	Rekabentuk
30.	Cadangan Membina Dewan Komuniti di PPR Bukit Jalil	Perancangan
31.	Pembinaan Sebuah Dewan di Taman Changkat Desa /Taman Melewar Fasa 2, Mukim Batu, Kuala Lumpur	Rekabentuk
32.	Pembinaan Dewan Terbuka Sri Langkawi 1	Dokumentasi
33.	Pembinaan Dewan Terbuka Sri Langkawi 2	Dokumentasi
34.	Cadangan Membina Surau di PPR Bukit Jalil	Dokumentasi
35.	Membina Sebuah Kompleks Akademi Tahfiz Darul Abrar di atas Tanah Milik Jabatan Agama Islam WP	Rekabentuk
36.	Ubahsuai Dan Naiktaraf Lobi Perpustakaan Kuala Lumpur	Dokumentasi
37.	Pembangunan Semula Pasar Keramat- Pasar Sementara	Dokumentasi
38.	Cadangan Pusat Penyembelihan dan Pemprosesan Ayam di Kuala Lumpur	Perancangan
39.	Pusat Penjaja Bersebelahan Kompleks JPJ	Rekabentuk
40.	Pembangunan Semula Pasar Borong Kuala Lumpur	Perancangan
41.	Pembangunan Semula Pasar Harian Selayang	Rekabentuk
42.	Pembangunan Semula Pasar Pudu	Rekabentuk
43.	<i>KL Sport City</i> - Naiktaraf Kolam Renang	Rekabentuk
44.	<i>KL Sport City</i> - Membina Bangunan Asrama Sukan	Rekabentuk
45.	Cadangan Membina Velodrom di Bandar Tun Razak	Rekabentuk
46.	Menaiktaraf Bangunan Pengurusan Zon 1 di Kompleks Belia Bandaraya Cheras	Tender
47.	Pembinaan Pejabat Baru di Tanah Perkurungan Ampang	Dokumentasi
48.	Pembinaan Depoh Simpanan kenderaan Sementara di Jalan Pahang	Tender
49.	Pemasangan Pagar Tembok di sekeliling Tanah Perkuburan Kristian Cheras	Rekabentuk
50.	Membina tempat letak kereta di Batu 2 1/2 Cheras (<i>CityViews</i>)	Rekabentuk

Jadual 8: Senarai Projek dalam perancangan/rekabentuk/tender di bawah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan pada tahun 2014

2.3 Penyelenggaraan

2.3.1 Penyelenggaraan Bangunan dan Kemudahan Awam

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Kuarters dan Rumah Rehat	1,900,000.00	1,756,434.71
Bangunan DBKL	8,290,000.00	7,585,103.97
Bangunan Pasar	3,400,000.00	3,020,480.98
Tandas Awam	1,800,000.00	1,728,371.44
Jentera/Mesin/Lif	1,500,000.00	1,478,201.00
Alat Hawa Dingin	2,400,000.00	2,286,094.44
Dataran Merdeka	730,000.00	712,865.80
Penyelenggaraan PABX	100,000.00	97,598.00
Pusat Penjaja	2,300,000.00	2,107,347.15
Taman-Taman Utama	1,700,000.00	1,632,063.72
Bangunan Taman Orkid Taman Sang Kancil	50,000.00	40,562.00
Program NADI	10,000.00	6,312.32
Stadium/Kompleks Renang	1,600,000.00	1,439,486.79
Kompleks Sukan	1,900,000.00	1,625,922.99
Dewan Serbaguna	1,500,000.00	1,412,977.14

Jadual 9: Pecahan peruntukan dan belanja operasi penyelenggaraan di bawah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan pada tahun 2014

2.3.1.1 Ubahsuai Pejabat di Bangunan DBKL



Gambar 10: Ubahsuai Pejabat Bahagian Muzik di Menara DBKL 2



Gambar 11: Ubahsuai Pejabat Jabatan Pentadbiran di Menara DBKL 1

2.3.1.2 Ubahsuai Tandas Awam



Gambar 12: Ubahsuai Tandas Lanai Seni di Jalan Tunku Abdul Rahman

2.3.1.3 Pembekalan Logistik



Gambar 13: Pembekalan Logistik untuk Jamuan Di Raja di Istana Negara





Gambar 14: Pembekalan Logistik untuk Acara *KL Towerthon* di Menara KL

2.3.1.4 Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1Malaysia)

Sebanyak 34 perumahan kos rendah dan sederhana sekitar Kuala Lumpur telah diselenggara yang merangkumi kerja-kerja mengecat semula dan penggantian bumbung di bawah Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia. Jabatan telah berjaya membelanjakan peruntukan sebanyak RM6juta



Gambar 15 : Intan Apartment Blok 15 Setiawangsa



Gambar 16 : Kelompok Embun Emas Blok B



Gambar 18 : Pangsapuri Sri Jinjang Court Blok C



JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR

1.0 PENGURUSAN DAN OPERASI PUSAT KAWALAN TRAFIK

1.1. Sistem lampu isyarat lalulintas berkomputer

1.1.1. Senarai Lampu Trafik dan Lokasi

Sehingga bulan November 2014, kesemuanya terdapat 563 buah persimpangan / lintasan pejalan kaki yang mempunyai lampu isyarat di sekitar Kuala Lumpur. Daripada jumlah ini 480 buah adalah merupakan persimpangan berlampu isyarat, manakala 83 buah adalah lintasan pejalan kaki berlampu isyarat

Daripada jumlah 563 buah persimpangan / lintasan pejalan kaki ini, 483 adalah bersambung dengan Pusat Kawalan Lalulintas (ITIS). Baki sebanyak 80 masih belum bersambung dengan ATC. DBKL sedang dalam proses untuk menyambung 80 buah lagi ke ATC secara berperingkat dan dijangka siap pada penghujung bulan Disember 2016.

1.2. Sistem CCTV Pemantauan Jenayah

CCTV bagi tujuan pemantauan jenayah yang dipasang di sekitar Kuala Lumpur adalah sebanyak 309 unit.

CCTV tersebut dihubungkan kepada empat (4) buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan semua CCTV tersebut dapat dipantau di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur.

Bil.	IPK / IPD	Bilangan CCTV Pemantauan Jenayah
1	IPK Kuala Lumpur	16
2	IPD Dang Wangi	83
3	IPD Sentul	103
4	IPD Brickfields	48
5	IPD Cheras	59
	Jumlah	309

1.3. Sistem Variable Message Sign (VMS)

Bilangan Variable Message Sign (VMS) yang dipasang sekitar Kuala Lumpur adalah sebanyak 140 unit.

Mesej yang dipaparkan pada VMS dapat membantu pengguna-pengguna jalanraya merancang perjalanan dan mengelakkan daripada terperangkap di dalam kesesakan lalulintas.

2.0 PENGURUSAN DAN OPERASI ITIS

2.1. Penyebaran Maklumat Trafik Melalui Papan Elektronik VMS


Selain daripada memantau keadaan trafik sekitar Lembah Klang, Pusat Operasi ITIS juga bertanggungjawab di dalam kerja - kerja pengumpulan data, menganalisa dan menyampaikan maklumat serta data trafik di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Pusat operasi ITIS juga memainkan peranannya yang tersendiri didalam menyebarkan maklumat – maklumat yang diterima berkenaan penutupan-penutupan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur melalui papan maklumat elektronik atau Variable Message Sign (VMS).

Untuk tahun 2014, jabatan telah menggunakan peralatan sebanyak 140 VMS di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Sebanyak 43 paparan maklumat telah dibuat sepanjang tahun 2014 di sekitar Kuala Lumpur.

2.2. Pengurusan Pusat Panggilan (Call Center) IT IS.

Pusat Panggilan ITIS beroperasi secara 24 jam sepanjang tahun terdiri daripada 30 Operator yang bertugas secara “shift”. Operator di Pusat Operasi akan menerima panggilan daripada pihak Radio dan orang awam mengenai info terkini lalulintas, aduan insiden dan lampu isyarat serta penutupan jalan di sekitar Lembah Klang.

Jumlah panggilan yang diterima sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak 31581 panggilan berbanding sebanyak 14799 panggilan pada tahun 2013. Ianya meningkat lebih dua kali ganda pada tahun 2014. Statistik lengkap Pusat Panggilan ITIS bagi Tahun 2014 adalah seperti berikut :-




2.3. Maklumat Trafik Terkini Melalui Laman Web ITIS

Maklumat trafik terkini boleh didapati dengan melayari web ITIS (<http://www.itis.com.my>).

Berikut adalah bilangan pengunjung (pelawat) laman web ITIS sejak tahun 2008 hingga 2014. Secara puratanya jumlah pengunjung yang melayari laman web ini adalah 500 sehari.

Tahun	Bil. Pelawat
2014	84,103
2013	157,545
2012	189,595
2011	192,043
2010	177,270
2009	175,698
2008	165,949

Pengunjung laman web ITIS boleh mendapat maklumat trafik terkini di jalan-jalan utama di Kuala Lumpur melalui perkhidmatan Paparan imej trafik terkini (*Live traffic images*).




Selain daripada perkhidmatan utama ini, pengunjung juga boleh mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

- i. Pengumuman penutupan jalan dan perubahan aliran lalulintas (*traffic announcement*).



- ii. Perancangan perjalanan (journey planner), di mana pengguna boleh merancang perjalanan mereka dengan mendapatkan cadangan laluan yang boleh diikuti dalam bentuk peta bagi sesuatu origin dan destinasi yang dipilih.



2.4. LAPORAN ANALISIS OPERASI BANTUAN AWAL BAGI TAHUN 2014

Pihak ITIS, JPB telah mewujudkan satu perkhidmatan yang dikenali sebagai **OPERASI BANTUAN AWAL** untuk memberikan bantuan kepada pengguna yang mengalami masalah di jalan raya dan secara tidak langsung dapat menyuraikan kesesakan dalam masa yang lebih singkat setelah kenderaan yang menghalang lalulintas dialihkan ke tempat yang selamat.

3.0 PENGURUSAN LALULINTAS

3.1. Pelaksanaan Skim Pengurusan Lalulintas

Jawatankuasa Bertindak Pengurusan Lalulintas dan Pengangkutan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah bermesyuarat sebanyak 25 kali sepanjang tahun 2014. Mesyuarat telah membincangkan sebanyak 196 isu yang berkaitan dengan pengurusan lalulintas termasuk perkara-perkara yang berikut:

- i. Aduan masalah lalulintas dan cara untuk mengurangkan impaknya; termasuk cadangan perubahan aliran lalulintas dari dua hala kepada sehalu.
- ii. Penutupan/lencongan jalan untuk acara-acara yang melibatkan penggunaan ruang jalan.
- iii. Penutupan /lencongan jalan untuk kerja-kerja di dalam rizab jalan; termasuk kerja-kerja MRT yang sedang giat dijalankan

4.0 MENINGKATKAN KESELAMATAN PENGGUNA JALAN RAYA

4.1 Penyelenggaraan Jejantas Pejalan Kaki dan Siarkaki Berbumbung

Pada tahun 2014, DBKL telah menjalankan kerja penyelenggaraan ke atas 124 buah jejantas di sekitar Kuala Lumpur. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan meliputi kerja membaiki bumbung dan peralatan elektrik yang rosak akibat perbuatan vandalisma, kerja membaiki / mengecat semula struktur / railing yang berkarat dan kerja membaiki permukaan lantai yang pecah / rosak. Kos penyelenggaraan jejantas bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM 2.0 juta.



Kerja-kerja Mengecat Jejantas Sedang Dijalankan

Kerja-kerja penyelenggaraan laluan siarkaki berbumbung pula merangkumi sebanyak 16km laluan pejalan kaki berbumbung di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan meliputi kerja membaiki bumbung dan peralatan elektrik yang rosak akibat perbuatan vandalisma, kerja membaiki / mengecat semula struktur dan kerja membaiki permukaan lantai yang pecah / rosak. Kos penyelenggaraan laluan pejalan kaki berbumbung bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM 1.5 juta.



Kerja-kerja Penukaran Bumbung Siarkaki Berbumbung Sedang Dijalankan

5.0 PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN BANDAR

5.1 Kemudahan Menunggu Bas / Teksi

Pada tahun 2014, Jabatan ini telah menyiapkan 3 buah kemudahan ruang menunggu teksi dengan nilai kerja tahunan berjumlah RM96,056.02 dan 4 buah ruang menunggu bas dengan nilai kerja tahunan berjumlah RM87,219.36.



Ruang menunggu teksi di Jalan Setiawangsa 8, Kuala Lumpur



Ruang menunggu teksi di Jalan Sarjana Barat Off Lebuhraya Hubungan Timur Barat (Taman Connought) Kuala Lumpur (2 Panel)



Ruang menunggu bus di Jalan Taman Sentosa, Kuala Lumpur (1 panel)



Ruang menunggu bus di PPR Sri Cempaka, Lembah Pantai, K.Lumpur (1 panel)

6.0 PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN

6.1. Penyelenggaraan Pondok Menunggu Bas/Teksi

Pada tahun 2014, DBKL telah menjalankan kerja penyelenggaraan ke atas 688 buah perhentian bus dan teksi di sekitar Kuala Lumpur. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan meliputi kerja memperbaiki kerosakan akibat perbuatan vandalisme, bumbung dan struktur yang rosak akibat kemalangan, ditimpa dahan pokok yang tumbang dan kerja mengecat semula struktur dan kemudahan. Kos penyelenggaraan perhentian bus dan teksi bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM1,841,681.26.

6.2. Papan Tanda Amaran Lalulintas Dan Tunjuk Arah

Pada tahun 2014, DBKL telah membelanjakan sebanyak RM4,289,878.37 untuk kerja-kerja pemasangan papan tanda jalan raya di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jenis dan bilangan papan tanda jalan raya yang telah dipasang adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Papan Tanda	Jumlah
1.	Tunjuk arah	250
2.	Amaran lalulintas	1650
3.	Pemberitahuan dan makluman	829
4.	Keselamatan di zon sekolah	60
5.	Pejalan kaki	100

Jabatan juga telah mengganti / membaikpulih sebanyak 2,550 papan tanda amaran lalulintas yang rosak / tumbang dengan menggunakan tenaga kerja Jabatan. Sumber maklumat kerosakan ini adalah dari aduan-aduan dan juga pemantauan Jabatan sendiri.

6.3. Penandaan Jalan

Jabatan bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penandaan semula jalan di jalan-jalan sekitar pusat Bandar dan kawasan perumahan. Penandaan semula jalan selepas kerja turapan jalan adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Awam dan Saliran.

Pada tahun **2014** sebanyak **RM4,692,202.00** telah dibelanjakan untuk melaksanakan kerja-kerja penandaan semula jalan. Jabatan juga telah membelanjakan sebanyak **RM1,392,285.00** untuk melaksanakan kerja-kerja penandaan semula permukaan bewarna di lokasi merbahaya di jalan-jalan sekitar Kuala Lumpur.

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal adalah sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan dan pembangunan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Oleh kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merupakan Penguasa Tempatan yang mentadbir ibukota Kuala Lumpur maka peranan dan fungsi utama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal ialah merancang, memperoleh, mengoperasi dan menyenggara semua sistem peralatan mekanikal DBKL yang melibatkan 24 buah jabatan.

1.0. BAHAGIAN PENGANGKUTAN

Bahagian ini bertanggungjawab menyelaras dan mengurus pembekalan kenderaan/jentera kepada jabatan-jabatan DBKL dengan fungsi-fungsi seperti memberi perkhidmatan bekalan kenderaan/jentera gunasama kepada jabatan-jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, menerima pembekalan kenderaan/jentera baharu, mengurus daftar induk aset kenderaan/jentera DBKL dan mengurus perihal kemalangan dan kehilangan kenderaan/jentera. Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, beberapa unit diwujudkan bagi memberi tumpuan ke arah melancarkan lagi operasi dan perkhidmatan kenderaan secara 'pool' kepada jabatan-jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Unit-unit yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

1.1. Unit Protokol

Unit ini akan menyelaraskan segala penggunaan kenderaan seperti van, kenderaan pacuan 4 roda dan bas bagi kegunaan membawa serta menghantar penumpang dari kalangan kakitangan DBKL untuk menghadiri majlis rasmi, acara-acara khas, temasya sukan dan sebagainya. Unit ini juga terlibat dalam menguruskan hal-ehwal sewaan kenderaan kepada kakitangan DBKL berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Selain itu, unit ini turut menyelaraskan penggunaan kenderaan tersebut sekiranya terdapat permohonan dari agensi kerajaan lain dengan syarat telah diberi kelulusan oleh Pengurusan Tertinggi DBKL.

1.2. Unit Angkut

Unit ini menyelaras segala permohonan berkala untuk penggunaan kenderaan/jentera yang dipohon oleh tiga (3) jabatan DBKL iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran, Jabatan Landskap dan Rekreasi dan Jabatan Pengangkutan Bandar. Kenderaan/jentera yang digunakan adalah termasuk lori *tipper*, lori *open*, lori *flatbottom*, *aerial platform (skylift)*, *shovel*, *backhoe* dan lain-lain. Unit ini turut terlibat dalam pembekalan kenderaan/jentera dengan aktiviti gotong-royong yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan DBKL.

1.3. Unit Jentera

Unit ini menyelaras segala permohonan *ad hoc* daripada jabatan-jabatan DBKL bagi penggunaan jentera seperti *shovel*, *backhoe*, *bulldozer*, *skid steer loader*, *milling machine* dan sebagainya.

1.4. Unit Operasi Khas

Unit ini bertanggungjawab dalam melaksanakan operasi meroboh, sita, bantuan kecemasan, kemalangan di sekitar Kuala Lumpur dan misi bantuan bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh. Unit ini dianggotai oleh pemandu dan operator jentera yang terbaik dan terlatih serta serba boleh dalam mengemudi pelbagai jenis kenderaan dan jentera.

2.0. BAHAGIAN PENYENGGARAAN BENGKEL

Bahagian Penyenggaraan Bengkel bertanggungjawab sepenuhnya menyediakan perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan Kenderaan / jentera serta mesin jentera milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

2.1. Unit Kenderaan Pelbagai Guna

Unit Kenderaan Pelbagai Guna menumpukan kepada kerja-kerja penyenggaraan kenderaan 'pool' sahaja iaitu kenderaan milik Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

2.2. Unit Jentera Berat (JB)

Unit ini diketuai oleh seorang Jurutera Mekanikal J41 serta dibantu oleh tiga (3) orang Penolong Jurutera Mekanikal. Terdapat 17 orang pekerja mahir daripada pelbagai jawatan iaitu mekanik, pengimpal dan tukang besi.

2.3. Unit Gunasama (GS)

Unit ini diketuai oleh seorang Jurutera Mekanikal (J44) di mana ianya dibantu oleh tujuh (7) Penolong Jurutera (J29/JA29) dan satu (1) Pembantu Tadbir (N26). Jumlah bilangan pekerja di bawah unit ini yang terdiri daripada Mekanik Kanan, Mekanik, Tukang Kayu, Tukang Cat, dan Tukang Larik adalah seramai 18 orang.

3.0. BAHAGIAN PENGURUSAN STOR PUSAT

Bahagian Perolehan & Stor telah dibahagikan kepada tiga (3) unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Alatganti dan Unit Pelbagai. Di bawah Unit Pentadbiran yang diketuai oleh Ketua Penyelenggara Stor, terdapat tiga lagi seksyen di bawahnya iaitu Seksyen Pentadbiran, Seksyen Kewangan dan Seksyen Pelupusan & Tugas Khas. Unit Alatganti dan Pelbagai akan menguruskan pembekalan bagi barangan stok atas keperluan penggunaan Jabatan DBKL.

Unit Pelupusan & Tugas Khas pula akan membantu dalam menyediakan ruang simpanan pada kadar yang terhad simpanan barang-barang yang telah dilupuskan, barang-barang sitaan dan juga barangan tumpang.

4.0. BAHAGIAN SENGGARAAN KEMUDAHAN AWAM

Bahagian ini memberi perkhidmatan penyenggaraan ke atas peralatan mekanikal seperti pam air sistem kawalan banjir, sistem pancutan air, air terjun di taman-taman, sistem penyiraman air automatik, jeantas bermotor, pagar automatic, penggera keselamatan, Krematorium, "Spiral Waste Bin" dan generator set.

5.0. LELONGAN AWAM

Dalam melupuskan barangan atau aset-aset seperti jentera-jentera, barangan sitaan, perabot lama, barangan serta perkakasan elektrik/komputer serta lain-lain barangan yang masih mempunyai nilai, tindakan melelong perlu dilakukan dan jabatan telah bertindak menjadi sekretariat kepada satu lelongan awam. Sebanyak 2 kali lelongan awam telah disempurnakan oleh jabatan iaitu pada 5 Mac dengan dilakukan oleh pegawai serta kakitangan DBKL yang bertindak sebagai Pelelong yang mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian.

Hasil lelongan awam yang diperolehi adalah seperti berikut:

Bil.	Keterangan	Jumlah
(a)	Kenderaan/ Jentera DBKL Yang Telah Ditarik Dari Perkhidmatan	49 Buah
(b)	Pelbagai Barang Lupus/Kenderaan Tersadai	25 Lot
(c)	Jumlah Kutipan Jualan Lelong Awam pada 5 Mac 2014	RM 935,280.00



Kelihatan kenderaan lupus antara barangan yang dilelongkan

JABATAN UKUR BAHAN

DBKL melalui Jabatan Ukur Bahan (JUB) bertanggungjawab melaksanakan khidmat pengurusan kewangan projek dan pentadbiran kontrak serta kawalan kos di peringkat Pra Kontrak dan Pos Kontrak yang meliputi skop kerja seperti berikut: Menyediakan Anggaran Kos dan Perancangan Kos;

- Menyediakan Laporan Penilaian Tawaran;
- Menyediakan Dokumen Tender, Sebutharga Dan Kerja Undi;
- Menyemak Dokumen Tender, Sebutharga Dan Kerja Undi;
- Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek; dan
- Menyediakan Perakuan Muktamad Projek

1.0. PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2014

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN BELANJAWAN TAHUN 2014 (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PENCAPAIAN
1.	EMOLUMEN	3,184,300.00	2,849,902.91	89%
2.	PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	145,000.00	105,506.44	
3.	ASET (INVENTORI)	15,600.00	15,913.80	
	JUMLAH	3,344,900.00	2,971323.15	

2.0. MENYEDIAKAN ANGGARAN KOS DAN PERANCANGAN KOS


Secara keseluruhannya jabatan telah menyediakan sebanyak 118 anggaran kos bagi tahun 2014. Daripada jumlah tersebut sebanyak 97 anggaran kos projek bagi projek pembangunan secara tender bersamaan 99.5% dari jumlah keseluruhan dengan nilai berjumlah RM1,739,205,619.12. Di samping itu jabatan juga telah menyediakan 21 anggaran kos projek sebutharga bernilai RM8,308,800.00 bersamaan 5% dari jumlah keseluruhan untuk kerja.

3.0. MENYEDIAKAN LAPORAN PENILAIAN TAWARAN

Bagi tahun 2014 jabatan telah menyediakan sebanyak 222 laporan penilaian tawaran merangkumi laporan penilaian tawaran bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan serta perolehan kerja dan juga juruperunding.

4.0. MENYEDIAKAN DOKUMEN TENDER DAN SEBUTHARGA

Sebanyak 88 dokumen tawaran secara tender dan sebutharga telah disediakan sepanjang tahun 2014. Ianya terdiri dari 16 dokumen sebutharga bersamaan 18% dan 72 dokumen tender bersamaan 82%.




CARTA PAI: DOKUMEN TENDER DAN SEBUTHARGA

5.0. MENYEMAK DOKUMEN TENDER, SEBUTHARGA DAN KERJA UNDI

Pada tahun 2014 jabatan telah menyemak secara keseluruhannya sebanyak 801 dokumen tender, sebutharga dan juga dokumen bagi kerja undi.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 39% bersamaan 310 dokumen adalah bagi semakan dokumen tender dan sebutharga manakala 61% bersamaan 491 dokumen adalah bagi semakan bagi dokumen kerja undi.



CARTA PAI: MENYEMAK DOKUMEN TENDER, SEBUTHARGA DAN KERJA UNDI

JABATAN LANSKAP DAN REKREASI

Pembangunan landskap Bandar yang indah, bersih dan kemas dengan ciri-ciri rekabentuk pengindahan yang dinamik dan menyeluruh bagi kepuasan semua warga kota dan pelancong. Ke arah merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Taman Tropika Lestari Bertaraf Dunia menjelang 2020.

1.0. BELANJAWAN 2014

1.1. Perbelanjaan Dan Hasil

Pecahan peruntukan ditunjukkan melalui carta pai di **Lampiran 1**. Pengurangan sebanyak RM8,091,600.00 peruntukan mengurus pada tahun 2014 jika dibandingkan dengan tahun 2013 adalah disebabkan kos bayaran kontrak memotong rumput diserahkan kepada Perbadanan Sisa Pepejal serta penyelenggaraan Taman Utama/Khas dikurangkan kerja-kerja pembersihan tandas awam dilaksanakan sendiri oleh pekerja jabatan.

Manakala Peruntukan pembangunan pengurangan yang ketara sebanyak RM46,163,700.00 pada tahun 2014 jika dibandingkan dengan tahun 2013. Pengurangan peruntukan yang ketara ini adalah disebabkan projek-projek dalam pelaksanaan siap pada tahun 2014. Projek baru hanya diluluskan sebanyak 4 projek sahaja.

Daripada Peruntukan Projek Pembangunan tahun 2014 berjumlah RM 38,889,000.00 yang telah diluluskan, sebanyak 27 projek yang sedang atau dalam peringkat pelaksanaan. Tahap Kemajuan Projek 2014 seperti jadual dibawah:

TAHAP KEMAJUAN PROJEK 2014

Siap	8 projek
Pembinaan/Pelaksanaan	27projek
Tangguh/Batal	-
	35projek

Jabatan ini juga diperuntukkan sebanyak RM 14,000,000.00 pada tahun 2014 untuk penanaman pokok di bawah peruntukan Greener KL bagi mensasarkan penanaman pokok 30,000 batang pokok sepanjang tahun di sekitar Wilayah Persekutuan. Bagi program pengindahan sekitar Kuala Lumpur, jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM 7,000,000.00, dibawah pembiayaan DBKL.

1.2. RANCANGAN MALAYSIA KE 10 (RMK 10)

Jumlah besar peruntukan sebanyak RM24,350,000.00 adalah peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang telah disalurkan untuk kerja-kerja Pembangunan Taman Botani, Taman Rekreasi Bukit Kerinchi dan menaiktaraf kemudahan sediada Orang Kurang Upaya (OKU) di taman awam KL. Jadual di bawah menunjukkan senarai peruntukan RMK 10.



PERUNTUKAN RMK 10

BIL	TAJUK	ANGGARAN (KOS PROJEK)	PERUNTUKAN TAHUN 2014
1.	Pembangunan Taman Botani	48,000,000.00	21,000,000.00
2.	Pembangunan Taman Rekreasi Bukit Kerinchi	20,000,000.00	2,500,000.00
3.	Menaiktaraf Kemudahan Sediada Orang Kurang Upaya di Taman Awam KL	10,000,000.00	850,000.00
JUMLAH BESAR		780500,000.00	24,350,000.00

RINGKASAN BELANJAWAN

TAHUN 2014

1. PERUNTUKAN MENGURUS (RUJUK LAMPIRAN I)

(i) Peruntukan Asal		RM 93,469,600.00
(ii) SB		-
(iii) Pelarasan SB		2,275,760.00
Jumlah		RM 91,193,840.00
(iv) Peruntukan KWP		
S9101/ B29138 -	Penyelenggaraan bangunan & pancutan air Tugu Peringatan Negara. (Perkhidmatan Pembersihan dan Bayaran Kontrak – Memotong Rumput)	RM 800,000.00
S9102-	Penyelenggaraan Harta-Harta Bukan Milik DBKL.	-
B28113	Istana Negara	RM 800,000.00
B28256	Kubur dan Krematorium	RM 360,000.00
S9105 -	Pengindahan Bandaraya Kuala Lumpur.	-
Jumlah		RM 1,960,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN MENGURUS		RM 93,153,640.00

2. **PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RUJUK LAMPIRAN I)**


PERUNTUKAN	(RM)
(i) Peruntukan Asal	122,325,500.00
(ii) SB Tambahan	5,761,030.00
(iii) SB Potongan (Batal, tangguh, kurangan)	60,599,800.00
(iv) SB Semula	0.00
Jumlah Peruntukan	467,426,730.00

3. PERBANDINGAN BELANJAWAN 2013 DAN 2014


(RUJUK LAMPIRAN 2)

BIL	JENIS PERBELANJAAN	JUMLAH	
		2013	2014
1.	PERUNTUKAN MENGRUS JABATAN LANDSKAP & REKREASI		
	(i) Bahagian Seni Taman (S3500)	196,950,000.00	91,193,840.00
	(ii) Tugu Peringatan Negara (S9101)	1,500,000.00	800,000.00
	(iii) Kawasan Istana Negara (S9102)	1,500,000.00	800,000.00
	(iv) Pengindahan Bandaraya Kuala Lumpur (S9105)	300,000.00	360,000.00
	JUMLAH	200,250,000.00	93,153,840.00
2.	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (JLR)	85,052,700.00	38,889,000.00
	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RMK 10) & Greener	33,000,000.00	24,350,000.00
	JUMLAH PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (JLR&RMK 10)	118,052,700.00	63,239,000.00
	JUMLAH BESAR (Item 1 + 2)	318,302,700.00	201,149,900.00

**BELANJAWAN 2014
(JLR)**



PERBANDINGAN BELANJAWAN 2013/2014



2.0. SUMBER-SUMBER HASIL BAGI TAHUN 2014

Jabatan Landskap dan Rekreasi merupakan salah sebuah jabatan yang menyumbangkan hasil kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui pelbagai kegiatan dan kemudahan yang disediakan seperti di dalam jadual dibawah. Pada tahun 2014, Jabatan Landskap dan Rekreasi telah berjaya mengutip sebanyak **RM825,247.47** dimana terdapat pertambahan kutipan hasil berbanding kutipan tahun 2013.

BIL	PERKARA	JUMLAH KUTIPAN (RM)	
		2013	2014
1.	Sewaan Bunga Pasu	275,418.39	109,872.87
2.	Sewaan Taman-Taman Awam	63,920.00	109,742.00
3.	Penggunaan Padang Merbok.	31,110.00	43,900.00
4.	Penggambaran / Perkahwinan	52,394.00	35,400.00
5.	Rekreasi Air (Sampan, Kenu, Feri Air, Aquabike).	111,969.88	19,743.00
6.	Syatel Taman.	21,039.50	-
7.	Penggunaan Padang Bola / Gelanggang.	13,070.00	6,780.00
8.	Tandas-tandasAwam	43,747.30	448,539.60
9.	Rekreasi Berkuda	55,712.12	51,270.00
10.	Penyewaan 'Eye-on-Malaysia'	-	-
11.	Penggantian dan Penebangan Pokok	-	-
12.	Sewaan Gerai	19,200.00	
	JUMLAH KESELURUHAN	687,581.19	825,247.47

3.0. UNIT PENGURUSAN POKOK RENDANG

- 3.1. Unit Pengurusan Pokok Rendang terlibat di dalam melaksanakan kerja-kerja seperti cantasan, tebang, pollard, membersihkan pokok tumbang/dahan sekah dan membersihkan pokok atas bangunan.
- 3.2. Bagi memastikan kerja-kerja di atas dijalankan dengan lancar dan memuaskan hati wargakota, Unit Pengurusan Pokok Rendang sentiasa memastikan kakitangan dan Pekerja Awam yang terlibat melaksanakan program mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- 3.3. Unit ini juga terlibat dalam program gotong-royong sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang kebanyakannya dibuat pada hari Sabtu dan Ahad.
- 3.4. Unit ini juga sentiasa membantu melaporkan kepada Unit Kawalan Landskap, Jabatan Landskap dan Rekreasi sekiranya terlihat kerja-kerja cantasan atau penebangan haram keatas pokok-pokok landskap di dalam Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk di ambil tindakan sewajarnya.

- 3.5. Disamping itu seramai 30 orang kontraktor membantu Jabatan ini melaksanakan program kerja terutama menjalankan kerja-kerja segera pokok tumbang, pokok sekah sekiranya berlaku ribut atau bencana alam, disamping melakukan program lain yang telah dijudualkan. Statistik kerja-kerja yang telah dilaksanakan pada tahun 2014 adalah seperti jadual berikut:-



4.0. UNIT REKREASI

Jabatan Landskap dan Rekreasi menyelenggara sebanyak 385 kawasan taman permainan kanak-kanak yang terletak dalam kawasan taman perumahan sekitar Kuala Lumpur. Berbagai usaha telah diambil bagi melengkapkan taman permainan kanak-kanak ini dengan kemudahan-kemudahan terkini sesuai dengan minat beriadah yang semakin meningkat dikalangan wargakota.

Sebahagian taman permainan telah dinaiktaraf dan menambah kemudahan sediaada seperti membina trek jogging, wakaf, gelanggang dan peralatan permainan baru. Sebahagian daripada taman permainan kanak-kanak ini juga dilengkapi dengan kemudahan lampu taman dan lampu gelanggang.

Pada tahun 2014, Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM 6.5 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf taman permainan kanak-kanak.

5.0. ADUAN AWAM

Pada tahun 2014, Jabatan Landskap & Rekreasi menerima beberapa aduan berkaitan pokok, kemudahan awam dan kebersihan. Aduan-aduan yang diterima adalah melalui Pusat Panggilan Setempat (Call Centre) dan bilik aduan di Jabatan Landskap & Rekreasi seperti jadual dibawah:

STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA MELALUI BILIK ADUAN DAN ISPAA

KATEGORI ADUAN	TERIMA	DALAM TINDAKAN	SELESAI
POKOK			
Penyelenggaraan Landskap	61	0	61
Penyelenggaraan Pokok	1921	0	1921
Pokokreput/mati/sekah	164	0	164
Pokok tumbang (penyelenggaraan DBKL)	120	0	120
Sisa sampah pokok	256	0	256
KEMUDAHAN AWAM			
Tandas Awam	7	0	7
Taman Permainan Awam/ Taman Permainan Kanak-kanak	441	0	441
KEBERSIHAN			
Rumput	28	0	28
JUMLAH	2998	0	2998

ADUAN YANG DITERIMA MELALUI BILIK ADUAN (I-SPAAA)			
KATEGORI ADUAN	TERIMA	DALAM TINDAKAN	SELESAI
Pokok	2522	0	2522
Rumput	28	0	28
Rekreasi	441	0	441
Tandas	7	0	7
JUMLAH	2998	0	2998


JUMLAH KESELURUHAN ADUAN AWAM = 2998

JUMLAH ADUAN DALAM TINDAKAN = 0


JUMLAH ADUAN SELESAI = 2998




CARTA GRAF PENERIMAAN ADUAN AWAM BAGI TAHUN 2013



CARTA PERGERAKAN ADUAN AWAM JLR BAGI TAHUN 2013



[Empty header bar]



6.0. AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2014

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang tahun 2014. Antara aktiviti yang telah berjaya diadakan adalah seperti berikut :-

6.1. Pameran "KL Orchid and Bonsai Show" 2014

Pameran ini telah menjadi acara tahunan jabatan dan telah diadakan pada 23 Mei hingga 1 Jun 2014 bertempat di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur dan telah disempurnakan perasmiannya pada 23 Mei 2014 jam 8.00 malam oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Disamping itu juga diadakan sekali Perasmian Kanopi Taman Botani Perdana.

Berikut adalah gambar-gambar sekitar KLOBS 2014 yang lalu:



6.2. Majlis Pelancaran Sahabat Taman Kejiranan Air Panas

Program SAHABAT ditubuhkan untuk melibatkan komuniti setempat yang berdekatan Taman Awam seperi Taman Kejiranan Air Panas untuk membantu menjaga taman-taman tersebut. Penubuhan SAHABAT ini juga telah dilaksanakan di Taman Rimba Bukit Kerinchi, Lembah Pantai dan Taman Pudu Ulu, Cheras. Pelancaran program ini telah diadakan pada 8 Februari 2014 bertempat di Taman Kejiranan Air Panas, Setapak. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan. Berbagai acara telah diadakan pada hari tersebut seperti:

- 1.1.1 Acara Senamrobik
- 1.1.2 Pertandingan Melukis antara murid-murid sekolah yang berdekatan.
- 1.1.3 Pertandingan bola sepak.
- 1.1.4 Penyampaian Watikah kepada Presiden dan Jawatankuasa Penaja SAHABAT (Protem).
- 1.1.5 Penyampaian Sumbangan dari DBKL kepada PIBG 3 buah Sekolah Kebangsaan, 8 buah Sekolah Menengah di sekitar Parlimen Setiawangsa.
- 1.1.6 Upacara penanaman pokok oleh tetamu WVIP.
- 1.1.7 Demonstrasi cerapan koordinat pokok.Pertandingan Master Chef dan Gubahan Bunga.

7.0. PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2014

Berikut adalah pencapaian jabatan sepanjang tahun 2014

7.1. Festival Diraja Bunga dan Taman Putrajaya – FLORIA DIRAJA 2014

Jabatan Landskap dan Rekreasi telah menyertai Festival Diraja Bunga dan Taman Putrajaya FLORIA DIRAJA 2014 yang diadakan pada 14 – 22 Jun 2014, di Persiaran Tasik, Presint 4, Putrajaya. Festival tersebut telah dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWP&KB). FLORIA 2014 bertemakan **Begonia (Asam Batu) sebagai bunga tema dan Pesona Warna (Mesmerizing Colours)** sebagai tema acara pada tahun ini, merupakan festival bunga dan taman yang terbesar pernah dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya. Festival ini berjaya menarik lebih sejuta pengunjung dengan penyertaan pelbagai agensi, Pihak Berkuasa Tempatan, sektor korporat, NGO dan juga penyertaan dari Universiti dan Sekolah. Disamping itu penyertaan tahun ini melibatkan 43 pereka dan penggubah bunga antarabangsa dari 24 negara seperti Indonesia, Thailand, Jepun, China, Australia, United Kingdom dan lain-lain lagi.

- 7.2.** Sehubungan dengan kemenangan besar yang diperolehi pada FLORIA 2014 YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur telah meluluskan Lawatan Sambil Belajar Ke Pulau Langkawi kepada Team FLORIA 2012 hingga 2014 seramai 166 orang. Lawatan tersebut telah diadakan pada 9 hingga 13 Oktober 2014 .

Gambar-gambar sekitar FLORIA 2014 di Putrajaya



Gambar di bahagian dalam plot DBKL FLORIA 2014





PENYATA KEWANGAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Kunci Kira-kira Disatukan pada 31 Disember 2014, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Disatukan serta Penyata Aliran Tunai Disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Penasihat Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Penasihat bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Lembaga Penasihat juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti



tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.



Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 OGOS 2015



**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2014**

	NOTA	2014 (RM)	2013 (RM)
ASET TETAP	3	2,049,458,935	1,872,805,936
ASET UNTUK DIJUAL	4	1,274,453,346	1,313,642,826
KERJA DALAM PROSES	5	272,713,145	321,891,187
PELABURAN	19	112,260,464	102,189,110
PELABURAN HARTANAH		1,721,152	7,510,485
		3,710,607,042	3,618,039,544
ASET SEMASA			
Stok	6	5,101,707	6,810,013
Penghutang Pelbagai, Deposit Dan Bayaran Terdahulu	7	1,265,101,956	863,604,400
Deposit Tetap Di Institusi Kewangan	15	4,333,507,749	4,098,438,115
Baki Bank Dan Wang Tunai	15	98,945,316	93,503,296
		5,702,656,728	5,062,355,824
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang Pelbagai Dan Bayaran Terakru	8	963,647,717	864,392,520
Pinjaman Jangkamasa	9	6,845,097	6,812,259
		970,492,814	871,204,779
ASET SEMASA BERSIH		4,732,163,914	4,191,151,045
		8,442,770,956	7,809,190,589
RIZAB BELUM BELANJA	10	2,960,862,266	2,929,226,238
RIZAB MODAL	11	3,326,736,558	3,161,506,026
PINJAMAN JANGKA PANJANG	9	177,691,604	184,536,701
SEWA PAJAKAN TERIMA DAHULU	12	106,123,821	137,663,798
LEBIHAN TERKUMPUL		1,674,377,753	1,199,143,885
BAYARAN KEMAJUAN DARIPADA PEMAJU	13	194,726,375	194,894,433
TABUNG AMANAH	14	2,252,579	2,219,508
		8,442,770,956	7,809,190,589


DATU' SYED AFENDY ALI BIN SYED ABID ALI C.A.(M)
BENDAHARI BANDARAYA
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR


DATUK SERI HJ. AHMAD PHESAL BIN HJ. TALIB
DATUK BANDAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

28 APR 2015



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014


	NOTA	2014 (RM)	2013 (RM)
PENDAPATAN			
Cukai Pintu Am		974,673,893	909,400,419
Kawalan Binaan Dan Perancangan		375,223,179	365,067,845
Faedah Dari Pelaburan		167,765,232	148,495,109
Lesen		34,676,935	64,233,728
Denda		14,954,276	18,010,574
Sewa Rumah Pangsa dan Rumah Panjang		69,203,716	72,987,849
Bantuan Dari Kerajaan Persekutuan		172,620,093	119,417,638
Sewa Dari Aset-aset Dewan Bandaraya		49,393,253	38,567,373
Hasil Pulangan Projek		181,263,044	127,696,673
Keuntungan Dari Pelupusan Aset		212,243,265	23,467,689
Pelunasan Rizab Modal		8,490,777	8,649,330
Penulisan Balik Peruntukan		2,033,075	1,151,793
Pendapatan Lain		49,722,724	33,745,705
		<u>2,312,263,462</u>	<u>1,930,891,725</u>
PERBELANJAAN			
Gaji, Elaun dan Lain		433,902,250	385,606,856
Elaun Lebihmasa		63,751,019	57,284,596
Perkhidmatan		255,614,925	249,510,726
Pentadbiran		215,115,572	191,387,563
Sosial, Rekreasi dan Kebudayaan		80,569,328	61,127,928
Penyelenggaraan Lampu Isyarat dan Jalanraya		124,196,162	135,864,008
Penyelenggaraan Rumah Pangsa dan Rumah Panjang		74,392,786	73,415,787
Penyelenggaraan Bangunan		30,575,683	22,313,837
Penyelenggaraan Lain		60,113,953	49,666,422
Susut Nilai	3	60,636,153	86,219,583
Sewaan		5,742,089	15,280,884
Peruntukan Hutang Ragu		6,223,001	38,485,889
Faedah Wang Pinjaman		348,630	379,978
Caruman Kepada Dana		1,000,000	1,000,000
Kerugian Dari Pelupusan Aset		12,105,901	13,771,925
Perbelanjaan Lain		16,244,808	21,597,609
		<u>1,440,532,260</u>	<u>1,402,913,591</u>
Lebihan Semasa		871,731,202	527,978,134
Lebihan Akaun Operasi Perbadanan Pengurusan	16	11,991,114	11,049,994
Lebihan Bagi Tahun		<u>883,722,316</u>	<u>539,028,128</u>
Lebihan Terkumpul Bawa Hadapan		1,199,143,885	1,017,273,612
Pelarasan Tahun-Tahun Lepas		(116,048,142)	(64,094,351)
Pelarasan Rizab Modal	11	7,559,694	6,936,496
Pemindahan Kepada Kumpulan Wang			
Pembangunan Am	10	(300,000,000)	(300,000,000)
		<u>790,655,437</u>	<u>660,115,757</u>
LEBIHAN TERKUMPUL		<u>1,674,377,753</u>	<u>1,199,143,885</u>

**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

	NOTA	2014 (RM)	2013 (RM)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan Bagi Tahun		883,722,316	539,028,128
Pelarasan Tahun-Tahun Lepas		(116,048,142)	(64,094,351)
Pelarasan Atas Perkara Yang Tidak Melibatkan Aliran Wang :			
Susut Nilai		60,636,153	86,219,583
Pelunasan Rizab Modal		(8,490,777)	(8,649,330)
Faedah Dari Pelaburan		(157,274,776)	(140,433,848)
Faedah Dari Skim Pinjaman		(104,102)	(114,702)
Dividen Saham		(315,000)	(1,026,000)
Dividen Amanah Saham		(10,071,354)	(6,920,559)
Sewa Pajakan Terima Dahulu		(31,991,046)	(1,701,745)
Peruntukan Hutang Ragu		6,264,949	38,562,277
Hutang Lapuk		(4,041,295)	-
Peruntukan Stok Lama		-	40,899
Keuntungan Daripada Pelupusan Aset Tetap		(210,185,798)	(21,699,350)
Keuntungan Daripada Pelupusan Aset Untuk Dijual		(818,500)	(1,322,339)
Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan Hartanah		(11,035,667)	(68,000)
Kerugian Daripada Pelupusan Aset Tetap		20,623	511,664
Kerugian Daripada Pelupusan Aset Untuk Dijual		12,085,278	13,260,261
Kerugian Daripada Pelupusan Aset Tetap Untuk Projek Penswastaan		-	832,754
Caruman Kepada Dana		750,000	750,000
Penulisan Balik Peruntukan Hutang Ragu		(2,033,075)	(1,151,793)
Pelarasan Lain		3,987,111	977,530
Lebihan Operasi Sebelum Pergerakan Dalam Modal Kerja		415,056,898	433,001,079
Stok		(3,001,314)	(1,075,490)
Penghutang Pelbagai, Deposit Dan Bayaran Terdahulu		(387,058,716)	(358,980,444)
Pemiutang Pelbagai Dan Bayaran Terakru		99,706,266	(23,069,262)
Kerja Dalam Proses		49,178,042	(211,899,509)
Tunai Dijanakan / (Digunakan) Oleh Aktiviti Operasi		173,881,176	(162,023,626)
Caruman Daripada Kerajaan Persekutuan		330,617,144	450,879,700
Caruman Daripada Pemaju Perumahan Dan Lain		228,581,044	83,535,628
Caruman Daripada Penjualan Rumah		46,879,124	22,101,793
Bantuan Khas Penyelenggaraan Berskala Besar		2,892,500	3,032,500
Bantuan Penyelenggaraan Daripada Kerajaan		-	(2,994,449)
Kerja-kerja Pembangunan Dan Penyelenggaraan		(878,207,734)	(235,770,693)
Pinjaman Pelajaran Kakitangan		850,266	332,657
Lain-lain Caruman		23,684	(8,094,775)
Tabung Amanah		33,071	(24,290)
Bayaran Kemajuan Daripada Pemaju		(168,058)	171,295,876
Tunai Bersih (Digunakan) / Dijanakan Oleh Aktiviti Operasi		(94,617,783)	322,270,321



	NOTA	2014 (RM)	2013 (RM)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Perolehan Daripada Pelupusan Aset Tetap		216,661,166	23,013,212
Perolehan Daripada Pelupusan Aset Untuk Dijual		1,056,600	1,256,000
Perolehan Daripada Pelupusan Aset Tetap Untuk Projek Penswastaan		-	170,132,382
Perolehan Daripada Jualan Pelaburan Hartanah		16,825,000	168,000
Pembelian Aset Tetap		(35,638,036)	(68,687,002)
Pembelian Aset Tetap Untuk Projek Penswastaan		-	(277,333,906)
Pembelian Aset Pelaburan Hartanah		-	(7,510,485)
Faedah Dari Pelaburan Diterima		142,721,966	146,103,775
Dividen Diterima		315,000	1,026,000
		<u>341,941,696</u>	<u>(11,832,024)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Bayaran Balik Pinjaman Jangka Panjang (Modal)		(6,812,259)	(6,780,911)
		<u>(6,812,259)</u>	<u>(6,780,911)</u>
Tunai Dan Setara Tunai Bersih		240,511,654	303,657,386
Tunai dan Setara Tunai Pada Awal Tahun		4,191,941,411	3,888,284,025
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN	15	<u>4,432,453,065</u>	<u>4,191,941,411</u>



**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
NOTA-NOTA KEPADA AKAUN DISATUKAN
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

1. AKTIVITI UTAMA

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ditubuhkan di bawah Akta Bandaraya Kuala Lumpur, 1971 untuk mentadbir Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut kuatkuasa Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

2.1 Dasar Perakaunan

Akaun ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan diubahsuaikan untuk mengambil kira penilaian semula aset-aset tetap yang tertentu dan menurut standard-standard perakaunan bersesuaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

2.2 Aset Tetap

- (i) Tiada susut nilai diperlukan bagi tanah milik bebas.
- (ii) Semua aset tetap lain disusut nilai atas dasar garis lurus untuk menghapuskira aset-aset berkenaan dalam jangka hayat berguna pada kadar-kadar tahunan berikut :

Aset Tetap	Kadar Susut Nilai Tahunan
Tanah Pajakan	sepanjang jangka pajak
Bangunan	2 %
Kenderaan dan Jentera	20 %
Peralatan	20 %
Gerai Perniagaan	10 %
Taman dan Rekreasi	2 %
Rumah Panjang	10 %

2.3 Stok

Stok dinilai mengikut nilai yang lebih rendah antara kos (menggunakan kaedah kos purata berwajaran) dan nilai terealisasi bersih.

2.4 Pelaburan

Pelaburan lain dinyatakan atas kos. Peruntukan akan dibuat apabila rosot nilai pelaburan menjadi kekal.

2.5 Aset Untuk Dijual

Aset untuk dijual terdiri daripada unit-unit bangunan siap yang dikenalpasti dalam program sewa-jual Dewan Bandaraya. Tiada susut nilai diperuntukkan untuk aset ini.



2.6 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diambilkira atas asas akruan, kecuali setengah pendapatan diambilkira atas asas tunai seperti caruman bagi bantuan kepada cukai pintu, kawalan binaan dan perancangan, bantuan dari Kerajaan Persekutuan dan bayaran lesen serta denda.

2.7 Hutang Lapuk dan Peruntukan Hutang Ragu

Hutang lapuk dihapuskira manakala peruntukan hutang ragu dibuat ke atas hutang-hutang yang bayarannya diragui.

2.8 Tunai Dan Setara Tunai

Tunai mengandungi wang dalam tangan dan deposit permintaan. Setara tunai adalah pelaburan jangka pendek, kecairannya tinggi yang sedia ditukarkan kepada amaun tunai tertentu dan tertakluk kepada risiko yang tidak ketara dalam perubahan nilai.

2.9 Pelunasan Rizab Modal

Rizab Modal yang diperuntukkan untuk bangunan yang diserahkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tujuan urus tadbir dibawah projek Tabung Perumahan Rakyat dilunas mengikut kadar susut nilai tahunan.

2.10 Rosot Nilai

- (i) Nilai dibawa, selain daripada inventori, aset cukai tertunda dan aset kewangan, di semak semula pada setiap tarikh kunci kira-kira untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, amaun penampungan tersebut akan dianggarkan. Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila nilai bawa bagi harta atau unit yang menghasilkan aliran tunai melebihi amaun penampungannya. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan. Sebarang kenaikan dalam amaun penampungan akan diiktiraf dalam
